USIM

Universiti Sains Islam Malaysia

Laporan Tahunan

2021

Laporan Tahunan 2021

Universiti Sains Islam Malaysia

USIM

Sepintas Lalu USIM

13,177
Pelajar

10,627 Sarjana Muda
1,559 Pascasiswazah
991 Tamhidi

730 **Pelajar Antarabangsa**

114 Sarjana Muda
1 Tamhidi
554 PhD
106 Siswazah

9
Fakulti

- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
- Fakulti Syariah dan Undang-Undang
- Fakulti Ekonomi dan Muamalat
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Pengajian Bahasa Utama
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

85
Academic Programmes

32 Sarjana Muda
49 Pascasiswazah
4 Tamhidi

1
Pusat

- International Fatwa and Halal Centre (iFFAH) yang merupakan gabungan:
  - World Fatwa Management and Research Institute (INFAD)
  - Institute of Halal Research and Management (IHRAM)

Kolej GENIUS Insan

364
Pelajar

364
Pelajar Kolej

0
Pelajar Mengikut Program Perkhemahan

89.18%
Pelajar bergraduat mengikut masa

Tahun 2021

25,269 **Alumni**

22,772 Sarjana Muda
2497 Pascasiswazah

(24,375) (Tempatan)
(894) (Antarabangsa)

1,690 **Staf**

804 Akademik (759 Aktif)
601 Berstatus PhD
886 Pentadbiran
47 Ahli Akademik Antarabangsa

Isi Kandungan

Laporan Tahunan 2021

	Profil Universiti	04
	Ringkasan Eksekutif	16
1	**Pemerkasaan Pentadbiran dan Pembangunan Intelektual**	19
2	**Rekayasa Keunggulan Akademik**	45
3	**Kebitaraan Siswa dan Alumni**	59
4	**Penerbitan dan Penyelidikan Berimpak**	73
5	**Kecemerlangan Bakat dan Ikon**	105
6	**Memberdaya Kelestarian Kewangan**	115
	Petunjuk Prestasi Utama dan Pencapaian USIM Bagi Tahun 2021	127
	Prestasi Kewangan 2021	129
	Laporan Kewangan 2021 Ketua Audit Negara	140
	Senarai Akronim dan Singkatan	182
	Ahli Jawatankuasa Penyediaan Laporan Tahunan 2021	184

Profil Universiti

Visi

Menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi Islam terkehadapan untuk kesejahteraan sejagat

Misi

Mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli untuk menghasilkan graduan yang bernilai mulia bagi mentransformasikan negara dan ummah

Tema

Menerajui Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli

Moto

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

Falsafah

Paduan di antara ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu

Objektif

Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.

Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.

Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi menerajui pembangunan negara.

Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.

Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

Tuanku
Canselor

Duli Yang Maha Mulia

Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud

DK (NS),DPTJ

Pro Canselor

Yang Amat Mulia Tunku Besar Seri Menanti

Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz

D.K.Y.R, S.S.T.M

MPA (Harvard), BA (Hons) History and

Social & Political Sciences (Cantab.)

Pro Canselor

Yang Amat Berbahagia

Tun Dato' Seri (Dr.) Zaki Tun Azmi

Barrister-at-Law (Lincoln's Inn)

Lembaga Pengarah Universiti

PENGERUSI

YB Senator Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri

PMW, DPGN, PJN,
B.A. (Hons.) (Shariah) Islamic University of Madinah, M.A. (Shariah) Al-Majma' Al-'ilmi Al'Ali, Ph.D (Islamic Studies) USM

AHLI-AHLI

Prof. Dato' Dr. Mohamed Ridza Wahiddin

Naib Canselor

KMN
OSA Senior Member, B.Sc (Hons) Physics (Manchester),
M.Sc (Theoretical Physics) (Manchester),
Ph.D (Theoretical Physics) (Manchester),
Dip. (Islamic Studies) (IIUM),
DSc (Higher Doctoral Degree) (Manchester)

YB Dato' Dr. Razali Ab Malik

KMN, DPNS
Ph.D (Political Science) (UKM)

En. Mansor Ibrahim

MSc (Human Resource Development) UPM, Dip. INTAN, BA Hons (Psychology) UKM

Puan Suhara Husni

LL.B (Hons) (IIUM), LL.B Shariah (Hons) (IIUM), MBA (UKM)

Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah

DBNS
PhD (Accounting and Taxation) UUM, MAccy Wollongong, BAcct (Hons) UKM

Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin

PhD (Islamic Law) Edinburgh, B.A (Hons)
(Islamic Jurisprudence and Legislation) Jordan

Tuan Haji Mohd Nazree Haji Mohd Yunus

BASciStud (Kepujian) (Sains Gunaan dengan Pengajian Islam) Universiti Malaya,
MIST (Cemerlang) OUM

Dato' Dr. Mashitah Ibrahim

Ph.D (Shariah Islamiah) Kaherah, MA (Shariah Islamiah) Kaherah, Mphil (Islamic Revealed Knowledge and Heritage) IIUM, B.A Hons (Tafsir dan Hadis) Al-Azhar

Tan Sri Haji Musa Tan Sri Haji Hassan

PMN, KMN, AMN, DSSA, PGPP, DCSM, SSAP, PSM, SPTS, SJMK, PSNB, PNBS, SPMP, DUBS, PYGP, KGCT
Dip. (law) Aberystwyth

En. Mohd Hariri Mohamad Daud

Dip. (Usuluddin) (KUSZA),
BA Hons (Da'wah and Islamic Management) (USIM),
MA (HRD) (UPM)

SETIAUSAHA

Dato' Muhammad Haizuan Rozali

Pendaftar

DBNS, DPT, ANS, KMN
SmSa, SSa (UKM)

Jawatankuasa Pengurusan Universiti

PENGERUSI

Prof. Dato' Dr. Mohamed Ridza Wahiddin

Naib Canselor

KMN
OSA Senior Member, B.Sc (Hons) Physics (Manchester),
M.Sc (Theoretical Physics) (Manchester),
Ph.D (Theoretical Physics) (Manchester),
Dip. (Islamic Studies) (IIUM),
DSc (Higher Doctoral Degree) (Manchester)

AHLI-AHLI

Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

BA Hons (East London), M.Sc (Southampton),
Ph.D (Southampton)

Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani

Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni)

Dip. Arabic (KUSZA), BA Hons (IIUM), MA (ISTAC, IIUM)
Ph.D (Exeter)

Prof. Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

B. Eng (Salford, UK),
Ph.D (Surrey, UK)

Dato' Muhammad Haizuan Rozali

Pendaftar

DBNS, DPT, ANS, KMN
SmSa, SSa (UKM)

Puan Zuraida Zakaria

Pemangku Bendahari

BA of Accountancy (Hons), Diploma in Accountancy (UiTM)

Puan Nor Azzah Momin

Ketua Pustakawan

BA (Hons) (IIUM), Post Grad. Dip (UiTM), M.Sc (UiTM)

Puan Yuhani Jamiran

Penasihat Undang-Undang

LL.B (Hons) (IIUM), LL.B Shariah (Hons) (IIUM)

Prof. Madya Dr. Asmaddy Haris

Penolong Naib Canselor (Penjanaan dan Kelestarian Kewangan)

BEc, MEC (UUM), Ph.D (UKM)

Prof. Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin

Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik dan Pengantarabangsaan)

BA Hons (UKM), MA (UKM), Ph.D (UM)

Ir. Azahar Awalludin

Pengarah Pembangunan, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti

B.Eng (Hons) Mechanical (UTM), MBA (UM), P.Eng

Prof. Madya Ts. Dr. Madihah Binti Mohd Saudi

Ketua Pegawai Maklumat

B.Sc (Hons) Comp. Science (UKM) MSc. Software Eng (UM) Ph.D Computer Security (Bradford) GSEC CERT (SANS Institute,USA) CEH CERT (EC-COUNCIL,USA)

Senat Universiti

Pengerusi

Prof. Dato' Dr. Mohamed Ridza Wahiddin
Naib Canselor

Ahli-ahli

Prof. Dr. Mohd Radhi Ibrahim
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dr. Mohd Radhi Ibrahim
Menjalankan Fungsi
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Madya Dr. Mohd Faizal Kasmani
Dekan
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Prof. Madya Dr. Mohd Zohdi Mohd Amin
Dekan
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh
Dekan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Prof. Madya Dr. Zurina Kefeli @ Zulkefli
Dekan
Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Prof. Dr. Rosalina Abdul Salam
Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dato' Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris
Dekan
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Prof. Madya Dr. Zainur Rijal Abdul Razak
Dekan
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Dr. Ainuddin Yushar Yusof
Dekan
Fakulti Pergigian

Prof. Madya Ir. Dr. Khairi Abdul Rahim
Dekan
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Prof. Dr. Norita Md Norwawi
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah

Prof. Madya ChM Dr. Juliana Jumal
Pengarah
Pusat Tamhidi

Prof. Madya Dr. Abdul Manan Ismail
Pengarah
Pusat Pengajian Teras

Dr. Dina Imam Supaat
Pengarah
Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah

Prof. Dr. Adnan Mohamed Yusoff
Pengarah
Institut Sains Islam

Prof. Dato' Dr. Zulkiple Abd Ghani
Profesor
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Prof. Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin
Profesor
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah
Profesor
Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Prof. Dr. Abd. Ghafar Ismail
Profesor
Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Prof. Dr. Zurina Shafii
Profesor
Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Prof. Dr. Amir Husin Mohd Nor
Profesor
Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Prof. Dr. Mohd. Fauzi Mohd. Amin
Profesor
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Prof. Dr. Rosni Samah
Profesor
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Prof. Dato' Dr. Muhammad Tauffik Mohd Noor
Profesor
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Prof. Ts. Dr. Mohd Ikmar Nizam Hj. Mohamad Isa
Profesor
Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Ir. Dr. Hafizal Mohamad
Profesor
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Dr. Asharaf Mohd Ramli
Pengarah
Kompleks Islam Tuanku Muhriz

Prof. Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi

Prof. Madya Dr. Mahazan Abdul Mutalib @ Taib
Pengarah
Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri

Prof. Dr. Mohd Fadzillah Abdul Razak
Pengarah
Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran

Prof. Madya Dr. Azwani Sofia Ahmad Khiar
Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti

Prof. Madya Dr. Nurkhamimi Zainuddin
Pengarah
Pusat Pemasaran dan Kemasukan Pelajar

Dato' Muhammad Haizuan Rozali
Pendaftar

Pn. Siti Nurbaya Ismail
Pemangku Bendahari

Pn. Nor Azzah Momin
Ketua Pustakawan

Pn.Yuhani Jamiran
Penasihat Undang-Undang

Setiausaha

Cik Norlizawaty Tumin
Ketua Bahagian
Bahagian Pengurusan Akademik

Urus Setia

Pn. Mazlen Mohamad
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Pengurusan Akademik

Dekan-Dekan Universiti

Prof. Madya Dr. Mohd Faizal Kasmani
Dekan
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Prof. Madya Dr. Mohd Zohdi Mohd Amin
Dekan
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh
Dekan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Prof. Madya Dr. Zurina Kefeli @ Zulkefli
Dekan
Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Prof. Dr. Rosalina Abdul Salam
Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dato' Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris
Dekan
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Prof. Madya Dr. Zainur Rijal Abdul Razak
Dekan
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Dr. Ainuddin Yushar Yusof
Dekan
Fakulti Pergigian

Prof. Madya Ir. Dr. Khairi Abdul Rahim
Dekan
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Prof. Dr. Norita Md Norwawi
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah

Pengarah/ Ketua Bahagian

Jabatan/ Pusat/ Institut

Dr. Hammad Farhi Mohd Saudi
Pengarah
Pusat Komunikasi Strategik

En. Hezan Shah Zainuddin
Ketua Bahagian
Bahagian Audit Dalam

Tuan Haji Mazlan Bin Nawang
Ketua Bahagian
Bahagian Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Cik Norlizawaty Tumin
Ketua Bahagian
Bahagian Pengurusan Akademik

Prof. Madya Dr. Azwani Sofia Ahmad Khiar
Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti

Prof. Dr. Mohd Fadzillah Bin Abdul Razak
Pengarah
Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran

Prof. Madya Dr. Abdul Manan Ismail
Pengarah
Pusat Pengajian Teras

Prof. Madya Dr. Nurkhamimi Bin Zainuddin
Pengarah
Pusat Pemasaran dan Kemasukan Pelajar

Prof. Madya Dr. Juliana Jumal
Pengarah
Pusat Tamhidi

Dr. Hayati Ismail
Pengarah
Kolej GENIUS Insan

En. Md. Ishah Rahman
Ketua Bahagian
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Dr. Dina Binti Imam Supaat
Pengarah
Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah

Dr. Anuar Bin Sani
Pengarah
Pusat Keusahawanan Universiti

En. Nur Ekmal Buhary
Pemangku Pengarah
Pusat Sukan

En. Ismail Ahmed
Pengarah
Pusat Kebudayaan

Dr. Nik Mohd Shafikudin Md Taujuddin
Pengarah
Pusat Kesihatan Universiti

Dr. Asharaf Bin Mohd Ramli
Pengarah
Pusat Islam

En. Mohd Asri Husain
Pengarah
Pusat Alumni dan Kerjaya

En. Mohd Salehudin Sukor
Pengarah
Pusat Perumahan Pelajar

Prof. Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

Pn. Hariza Mohd Yusof
Ketua Bahagian
Bahagian Penerbitan

Prof. Dr. Adnan Bin Mohamed Yusoff
Pengarah
Institut Sains Islam

Prof. Madya Dr. Mohd Zin Kandar
Pengarah
Centre for Sustainability and Serenity

Prof. Dr. Irwan Mohd Subri
Pengarah
Institut Fatwa dan Halal (Iffah)

Prof. Madya Dr. Mahazan Bin Abdul Mutalib @ Taib
Pengarah
Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri

Ts. Khadijah Chamili
Pengarah
Pusat Pembangunan Sistem dan Kejuruteraan

Tuan Haji Mohd Saupi Fauzi
Pengarah
USIM 'Alamiyyah

Prof. Dr. Zurina Shafii
Pengarah
Pusat Wakaf dan Zakat

Kapt. (B) Abdul Wahab Mat Zin
Pengarah
Jabatan Keselamatan

Carta Organisasi




Canselor
Pro-Canselor
Lembaga Pengarah Universiti
Naib Canselor
Jawatankuasa Audit
Jawatankuasa Tetap Kewangan
Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan
Jawatankuasa Pengurusan Risiko
Jawatankuasa Pelaburan
Hal Ehwal Pentadbiran
Hal Ehwal Kewangan
Hal Ehwal Pengurusan Ilmu
Hal Ehwal Perundangan
Pendaftar
Bendahari
Ketua Pustakawan
Penasihat Undang-Undang
Ketua Pegawai Maklumat
Jabatan Pembangunan & Pengurusan Fasiliti
Pusat Pembangunan Sistem & Kejuruteraan
Jabatan Keselamatan
Jabatan Pendaftar
Jabatan Bendahari
Jabatan Perpustakaan
Jabatan Undang-Undang
Pejabat Pendaftar
Bahagian Governan & Pentadbiran Am
Bahagian Pelaporan Kewangan
Bahagian Operasi Kewangan
Bahagian Pengurusan
Bahagian Teknikal
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
Bahagian Pentadbiran
Unit Kampus Cawangan
Bahagian Perkhidmatan
Perpustakaan Kampus Cawangan
Pejabat Naib Canselor
Pejabat TNC AA
Pejabat TNC HEPA
Pejabat TNC PI
Jabatan Canselori
Bahagian Audit Dalam
Bahagian Audit Dalam
Pusat Komunikasi Strategik
Bahagian Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Petunjuk : Merujuk Kepada Penglibatan Semua TTNC Dengan Fakulti
Petunjuk : Merujuk Kepada Penglibatan Pendaftar dengan Jabatan Berkenaan

Ringkasan Eksekutif

Prof. Dato' Dr. Mohamed Ridza Wahiddin

Naib Canselor

Misi USIM 2022 – Mentransformasi USIM sebagai Universiti Sains Islam Glokal Berimpak Tinggi merupakan aspirasi yang digagaskan bagi menghasilkan ilmuwan, pemimpin dan profesional yang kompeten berasaskan tradisi keilmuan Islam, nilai-nilai luhur agama dan budaya demi kesejahteraan sejagat. Misi ini adalah bagi menjadikan USIM sebagai sebuah kampus Barakah yang berbidang bitarakan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli dalam setiap aspek meliputi pelajar, graduan dan alumni, kakitangan, komuniti serta pemegang taruh.

Ciri-ciri Kampus Barakah yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:



Sebanyak 9 sasaran tahunan ditetapkan bagi tahun 2021 iaitu:

Sasaran Tahunan 2021

1. Menghayati iNaQ sebagai manifestasi DNA USIM
2. Pembudayaan Personal Tutelage
3. Autobiografi / Biografi / Memoir Profesor USIM
4. Kempen Kebersihan Kita Untuk Kita
5. Penawaran kursus-kursus pendek yang berimpak
6. Alumni: Menggapai #USIMBerjanji PadaIbunda
7. Promosi Menambah Pelajar Antarabangsa
8. USIM Students Learn More, Make More and Share More
9. USIM Leadership Upskilling

Laporan USIM 2021 memperlihatkan kesungguhan warganya dalam menyumbang kepada kecemerlangan USIM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pencapaian dan sejarah manis sepanjang tahun 2021 akan terus menjadi inspirasi kepada perkembangan USIM pada tahun mendatang selari dengan Visi USIM iaitu untuk menjadi Institusi Pendidikan Tinggi Sains Ulung demi kesejahteraan ummah sejagat.

1 Pemerkasaan Pentadbiran dan Pembangunan Intelektual



"Sebaik-baik kamu adalah yang paling banyak memberi manfaat kepada orang lain.."

(HR al-Bukhari & Muslim)

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memperkasakan pentadbiran dan pembangunan intelektual melalui pengadaptasian teknologi terkini teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Pelan Strategik USIM 2021 – 2025 dibangunkan selari dengan perkembangan teknologi semasa untuk memastikan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan universiti dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, cepat dan tepat bagi memenuhi kehendak serta kesejahteraan warga kampus.

Universiti kini memberi tumpuan utama kepada pembangunan projek kampus pintar dengan salah satu objektif utama yang ingin dicapai adalah untuk mempertingkatkan lagi sistem penyampaian dan perkhidmatan ke arah yang lebih berinovatif selari dengan transformasi digital yang dihasratkan oleh kerajaan.

Senario semasa memperlihatkan pandemik COVID-19 mendorong kepada penyuburan nilai-nilai inovasi dan kreativiti dalam kalangan warga kampus khususnya kepada kakitangan dan ahli akademik. Keadaan ini secara langsung berjaya memupuk budaya kerja yang berinovasi dan berkreativiti dalam melaksana tugasan seharian sekali gus mewujudkan persekitaran dan budaya kerja yang baharu di universiti.

Inovasi Pemangkin Kecemerlangan

Merekayasa Universiti Patuh Syariah

USIM terus melangkah ke hadapan dalam mewujudkan tadbir urus terbaik berlandaskan pematuhan syariah dan integriti dengan menubuhkan Bahagian Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SCIROSH). Pelbagai usaha pemerkasaan dijalankan melalui aktiviti pengukuhan, pengesanan dan pematuhan terhadap aspek syariah, integriti, pengurusan risiko dan keselamatan serta kesihatan pekerjaan. Sebagai urus setia kepada Mesyuarat Panel Syariah USIM (MPSU) yang keahliannya terdiri daripada golongan pakar di universiti, peranan MPSU amat signifikan dalam urus tadbir sebuah organisasi berteraskan Islam iaitu dengan bertanggungjawab memberikan nasihat berhubung perkara-perkara yang menepati syarak.

Usaha ini adalah selari dengan hasrat USIM untuk menjadi Universiti Patuh Syariah, selain daripada mencapai piawaian patuh syariah MS ISO 1900:2014. Peranan lain jabatan ini adalah memastikan elemen integriti dan kawalan risiko dititikberatkan dalam budaya kerja setiap sumber insan dan pelaksanaan dasar-dasar universiti serta memastikan universiti menyediakan kawasan dan persekitaran pekerjaan serta pembelajaran yang selamat untuk warganya.

"Bahagian Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SCIROSH) telah melaksanakan program-program kesedaran berkaitan pematuhan syariah, kawalan risiko dan kepentingan penjagaan keselamatan diri dan tempat kerja bagi melahirkan warga kerja yang sentiasa berkualiti dan berintegriti. Bagi tempoh pandemik COVID19- pula, SCIROSH telah mewujudkan bilik gerakan khas bagi memantau situasi keberjangkitan virus tersebut dalam kalangan kakitangan dan pelajar. SCIROSH menjalankan proses sanitasi pejabat dan ruang untuk kegunaan universiti sepanjang tempoh pandemik dengan kerjasama Pusat Kesihatan Universiti."

Mohd Hazrul Fareeza Bin Harun
Penolong Pendaftar Kanan SCIROSH

Projek Campus Virtual Tour

Campus Virtual Tour memberi peluang kepada para pengunjung menerokai lokasi utama di dalam kampus meliputi Kompleks Pentadbiran dan Fasiliti, Kompleks Akademik serta kemudahan di USIM secara maya. Pembangunan projek laman web khas ini adalah hasil kerjasama kepakaran antara Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) dan Pusat Pembangunan Sistem dan Kejuruteraan (SDEC) dengan 31 lokasi utama dalam kampus telah dipilih.

Seiring dengan pembangunan virtual tour ini, maskot korporat rasmi universiti iaitu Taariq diberi peranan sebagai perantara bagi menyampaikan informasi di setiap lokasi untuk kelihatan lebih dinamik, akrab dan menarik kepada para pengunjung maya. Selain informasi daripada Taariq, pengguna boleh mendapat maklumat tambahan dengan menonton video, penerokaan fasiliti secara 360 darjah, galeri gambar dan lokasi melalui pilihan menu yang disediakan. Para pengguna boleh melayari laman web https://campustours.usim.edu.my/ untuk merasai pengalaman penjelajahan kampus secara maya.

Pelan Strategik ICT USIM 2021-2025

Dalam mendepani tuntutan semasa dan jangkauan keperluan masa hadapan, USIM tidak terkecuali bersaing dalam persekitaran menyediakan kemudahan ICT yang lengkap dan sentiasa terkini. Bagi meningkatkan ICT dalam era persaingan ini, universiti mesti terus meningkatkan infrastruktur ICT dan kemudahan berkaitan dengan mengenal pasti peringkat perlaksanaan dan keperluan ICT di seluruh fakulti, pusat pembelajaran dan lain-lain yang bersesuaian.

Pelan Strategik ICT (ISP) merupakan dokumen yang perlu disediakan oleh setiap agensi kerajaan untuk setiap Rancangan Malaysia. Dokumen ini menggariskan hala tuju dan perancangan ICT agensi dan diselaraskan dengan visi, misi dan falsafah USIM serta Pelan Strategik USIM sedia ada. Dokumen ISP ini juga dirancang bagi tempoh lima tahun bermula tahun 2021 - 2025 dan akan dinilai dan dilihat semula bagi menyelaraskan keperluan baharu sekiranya ada.

Di bawah Pelan Strategik ICT (ISP) USIM 2021-2025, 118 program telah disusun melalui 19 Strategik di bawah lima teras utama ICT dengan anggaran kos keseluruhan melibatkan RM 64,764,500.00 juta. Daripada kos keseluruhan ini, jumlah projek wajib dilaksanakan adalah sebanyak 52 program dengan anggaran kos RM47,321,000.00 juta.

Rajah 1.1: Kluster rangka tindakan Al-Jamiah Al-Mubarakah


Academia Management System (CIO)
Academic Information System (AIS)
Student Portal
MyARIES v2
eServices
Smart Transport
Smart Masjid (Pusat Islam)
Masjid Management System
Cashless Campus (Bendahari)
eWallet
ePerolehan
Smart Health (Pusat Sukan)
MyHealth
Compliance & Security (SOLC)
ISMS Certification
ICT Policy
Digital Leaders
Smart Attendance (Pendaftar)
Staff Attendance
Student Attendance
Secure & Safety Campus (Jab Keselamatan)
Smart Barrier
Secure Computer Lab
Tracking Student & Staff
Digital Library & Knowledge Management (Library)
Open Access
Research Repository
KM Portal
Document Mngt System
Jurnal Mngt System
Publication Mngt System
Muzium Portal
Smart building (JPPF)
Smart Energy
Unified Communication
Interactive Website (Staccomm)
ChatBot
Social Media integration
Dashboard@USIM (CIO)
Data analytic
Forecasting
Learning Space (TNCAA)
Pusat Islam
FPOS (Maktab Hadith)
FFM (Investment Lab)
FSU (Studio Falak)
Perpustakaan
WiFi on Wheel
Flexible Education (TNCAA)
MOOC v2
Distance Learning
Augmented Reality
Virtual Reality
Gamification
Question Bank
PRINSIP ASAS
MAQASID SYARIAH
PENGURUSAN PERUBAHAN
EKOSISTEM PEMBOLEHUBAH
TERAS STRATEGIK ICT
INTERNET OF THINGS
PERISIAN SUMBER TERBUKA
ENTERPRISE ARCHITECTURE
AGILE & MOBILITI
KETERBUKAAN
PROSUMERISM
DATA
BERPAKSIKAN
TEKNOLOGI HIJAU
KESELAMATAN SIBER
KECERDASAN BUATAN
REVOLUSI PERINDUSTRIAN
BERPAKSI PELAJAR
USIM AL-JAMIAH AL-MUBARAKAH
Teras 1
Pemerkasaan
Penyampaian
Perkhidmatan
Teras 2
Kelestarian Pencairan &
Pembelajaran bertaraf
Global & Kandungan
Digital
Teras 3
Pemerkasaan
Komuniti Berilmu
Teras 4
Pengukuhan
Infrastruktur ICT &
Keselamatan Siber
Teras 5
Pemantapan
Tadbirurus ICT dan
Membangun
Kesekerjaan ICT
Penjajaran ISP RMK-12 & USIM's Smart University Blueprint (USIM AL-JAMIAH AL-MUBARAKAH)

Pengurusan Pengetahuan

USIM peka kepada keperluan untuk memainkan peranan yang penting dalam memastikan pengurusan pengetahuan diuruskan secara cekap dan bermanfaat supaya pengetahuan dalaman organisasi dapat dikenal pasti seterusnya diproses serta disimpan untuk keperluan dan kegunaan masa akan datang. Pengurusan pengetahuan memerlukan kakitangan yang terlatih dan berkemahiran bagi mengenal pasti maklumat dan pengetahuan yang diperlukan serta memberikan impak kepada sesebuah organisasi. Ia perlu dianalisa, disusun dan diaudit bagi tujuan penyebaran dan kebeberkesanan pengetahuan secara menyeluruh dalam sesebuah organisasi.

Pengurusan pengetahuan di USIM berfokus untuk meningkatkan kecekapan dan membantu organisasi membuat keputusan dengan tepat. Ia dapat melancarkan perjalanan tugas dan meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan. Selain itu, kakitangan dapat mengakses maklumat kepakaran dan pengetahuan dalam bentuk yang mudah dan cepat. Pengurusan pengetahuan yang cekap juga dapat membantu organisasi meningkatkan inovasi pentadbiran dalam proses penyampaian perkhidmatan. Jabatan Perpustakaan diberi tanggungjawab menerajui Pengurusan Pengetahuan (Knowledge Management) USIM dengan beberapa projek permulaan yang berimpak dan telah digerakkan pada tahun 2021 iaitu projek biografi, autobiografi dan memoir yang dijangka selesai pada penghujung tahun 2022. Selain itu satu portal khas Pengurusan Maklumat turut dibangunkan sebagai antara muka (interface) bagi mengakses maklumat kepakaran dan pengetahuan dalam bentuk yang mudah dan cepat.



Rajah 1.2: Kerangka Knowledge Management



Rajah 1.3: Pelaksanaan Knowledge Management

USIM Semarak Agenda Prosumerisme

Projek Laman Prosumerisme melalui tanaman buah rock melon yang diterajui oleh Jabatan Keselamatan bermatlamat untuk meningkatkan bilangan inkubator keusahawanan dalam kalangan kakitangan dan pelajar. Projek yang bermula pada skala kecil di jabatan ini telah berjaya membuka minda dan menarik minat warga universiti mengenai konsep prosumerisme. Projek pertanian ini juga turut mendapat sentuhan inovasi daripada pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) yang telah menghasilkan Laman Prosumer Control System (LPCS) berteraskan teknologi Internet of Things (IoT). LPCS membolehkan projek tanaman berskala kecil yang menggunakan kaedah penanaman fertigasi, dipantau proses pembajaan, siraman air dan semburan racun serangga hanya dengan menggunakan peranti yang bersambung dengan capaian internet.

Teknologi Memperkasa Sistem Penyampaian

Pelangi@USIM

Seiring dengan proses transformasi pendigitalan bagi sektor awam, Bahagian Data Raya (Big Data) USIM telah menghasilkan Dashboard Pelangi@USIM yang menyediakan data terkini universiti berkaitan jumlah kakitangan, pelajar, program akademik dan beberapa data penting lain yang boleh dirujuk secara pantas oleh pengurusan tertinggi USIM dalam membuat sesuatu keputusan. Selain itu, dashboard ini mempunyai beberapa modul khusus seperti kelestarian kewangan, USIM@Media, penyelidikan dan penerbitan, kebolehpasaran graduan, libatsama masyarakat serta pengikarafan USIM (QS STARS, MyMoheS, SETARA dan MyRA).

Bahagian Data Raya (Big Data) telah mengorak langkah dengan mewujudkan satu Jawatankuasa Data Raya USIM yang terdiri daripada wakil fakulti dan SDEC. Jawatankuasa ini bertujuan untuk membudayakan perkongsian data dan meningkatkan keupayaan PTj dalam memastikan kejayaan perkongsian data. Jawatankuasa ini juga dalam rangka untuk menghasilkan kamus data USIM dengan menjadikan pihak Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) sebagai sumber rujukan utama dan dijangka akan digunakan pada tahun 2022.

Sistem My Arifs Versi 2.0

Sistem My Arifs Versi 2.0 yang dilancarkan pada 23 Ogos 2021 merupakan penambahbaikan kepada sistem semasa yang merupakan gabungan sistem MyArifs bersama Aduan Hotline Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF). Antara modul sistem yang dibangunkan adalah:

- Modul Aduan Kerosakan Fasiliti
- Modul Aduan Kerosakan Tempahan Kenderaan (digunakan sama seperti aduan kerosakan fasiliti)
- Modul Carian Aduan (JPPF dan PTj)
- Modul Laporan/ Statistik (JPPF sahaja) Penambahbaikan atau naik taraf sistem adalah bagi tujuan menyelesaikan aduan kerosakan dengan lebih pantas, efisyen dan sistematik

Selain itu juga, pihak JPPF turut bekerjasama dengan pihak SDEC untuk memudahkan capaian kepada sistem ini menerusi USIMMOBILE dan Portal iAccess USIM. Sistem MyArifs Versi 2.0 dinaik taraf selaras dengan perkembangan ICT, kesemua aduan boleh dibuat menerusi capaian USIMMobile. Kaedah ini bertujuan untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada pengguna/ pengadu untuk menyampaikan aduan fasiliti secara pantas dan tuntas. Rekod laporan aduan fasiliti menunjukkan lebih 85 peratus aduan dapat diselesaikan oleh JPPF bagi tahun 2021. Pembangunan sistem yang komprehensif bukan sahaja memberi impak yang besar kepada pengguna, malah turut memberi kesan kepada JPPF untuk membudayakan warga kerja yang amanah, berintegriti, serta kompeten dengan bidang tugasnya.

Pembangunan Learning Space USIM

Learning Space USIM merupakan satu ruang pembelajaran yang berteraskan prinsip-prinsip pembelajaran, dilengkapkan dengan persekitaran pembelajaran natural, fleksibel dan fungsional. Ia turut disokong dengan kelengkapan teknologi moden yang diadunkan dengan pengintegrasian Ilmu Naqli dan Aqli untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran yang bertumpukan pelajar dan boleh dicapai di mana-mana sahaja pada bila-bila masa.

Antara ciri-ciri Learning Space USIM adalah seperti berikut:

- **Berasaskan pembelajaran pelajar (Student Centered Learning)**
- **Menyokong kolaborasi antara pelajar dan guru; pelajar dan pelajar**
- **Infrastruktur dan reka bentuk mudah alih (fleksibel)**
- **Menyokong sepenuhnya capaian tanpa wayar**
- **Integrasi teknologi pengajaran**
- **Persekitaran natural**

Konsep pembangunan Projek Learning Space USIM Tahun 2021 adalah seperti berikut:

Projek	Pemilik Projek	Objektif Projek
Investment Lab	Fakulti Ekonomi dan Muamalat	Menyediakan pembelajaran kewangan dan pelaburan secara terperinci bagi pelajar USIM khususnya dan masyarakat sekitar umumnya.
Makmal hadis	Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah	Meningkatkan keupayaan dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran kursus hadis yang bersifat praktikal.
Multimedia Creator Space	Pusat Pembangunan Sistem dan Kejuruteraan	Hub pembelajaran digital berinteraktif yang menyokong peningkatan hasil kandungan e-Pembelajaran.
Learning Space Perpustakaan	Jabatan Perpustakaan	Mewujudkan bilik perbincangan dengan mod berbeza yang mempunyai kemudahan pengajaran, pembelajaran dan pembentangan serta dilengkapi dengan teknologi *teleconference.*
Falak Digital Learning Space	Fakulti Syariah dan Undang-undang	Memberdayakan proses pelajaran dan pembelajaran bagi bidang berkaitan falak dan astronomi Islam secara lebih interaktif dan efektif.
Digital Interactive Architecture Tutorial Room & Architecture Skill Explorative Center	Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina	• Ruang pembelajaran secara digital interaktif. • Pusat penerokaan kemahiran digital
Postgraduate Interactive Learning Space	Pusat Pengajian Siswazah	Ruang Pembelajaran Interaktif Siswazah diperlukan untuk menjadi satu ruang pembelajaran bagi pelajar siswazah berkonsepkan semi formal terdiri daripada ruang diskusi, ruang santai dan ruang perbincangan virtual.
FPQS Bilik Taranum	Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah	Meningkatkan keupayaan dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran kursus tarannum yang bersifat praktikal.

Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian di USIM

Pemerkasaan e-Pembelajaran

COVID-19 telah memberikan kesan buruk tehadap prestasi kehidupan manusia sejagat yang mengakibatkan gaya kehidupan manusia mengalami perubahan mendadak dan berhadapan dengan suasana tidak menentu. Penularan wabak ini juga memberi kesan mendalam terhadap pengoperasian institusi pendidikan di Malaysia termasuk USIM.

Sejak itu, sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di USIM telah mengalami perubahan drastik dan mendadak. Jika lazimnya majoriti sesi PdP dijalankan secara bersemuka di dalam kelas atau bilik tutorial, pada 2020 ia telah beralih sepenuhnya kepada mod dalam talian, yang lebih relevan dengan keadaan semasa.

USIM pada hakikatnya telah mengetengahkan konsep e-Pembelajaran sejak 2010 lagi melalui pengadaptasian platform berkaitan PdP melalui dalam talian seperti GOALS, USIMOE, OER, USIM MOOC, USIM Mobile Apps dan Microsoft Software 365. Apabila berlakunya penularan pandemik COVID-19, platform PdP dalam talian ini terus diperkasa sebagai sebuah platfom utama bagi penyaluran maklumat PdP yang berkesan. Di samping itu, aplikasi lain seperti Microsot Teams dan ZOOM turut dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh pensyarah dan pelajar sebagai wadah penyampaian dan perkongsian ilmu.

Bermula 2021, USIM telah menawarkan sesi PdP secara hibrid, sesuai dengan apa yang dihasratkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai satu proses adaptasi norma baharu dan Revolusi Industri 4.0. Namun, ia bukanlah sesuatu yang mudah dilaksanakan pada peringkat awal kerana pelbagai langkah pembaharuan dan mitigasi perlu diambil bagi memastikan PdP dapat diteruskan dan dalam masa yang sama risiko penularan COVID-19 dapat dikawal dalam kalangan warga pensyarah serta pelajar yang berada di kampus. Bersedia atau tidak, tenaga pengajar dan pelajar perlu berubah paradigma dan pandangan demi kelangsungan aktiviti pendidikan.

Dari sudut pandang yang positif, pelaksanaan sesi PdP secara dalam talian telah membolehkan pengajian diteruskan tanpa mengira ruang dan masa. Dengan usaha pasukan SDEC USIM, gabungan sistem aplikasi PdP terkini dan keupayaan internet telah menjadikan sesi PdP dijalankan secara lebih kreatif dan fleksibel. Walaupun pada awalnya pensyarah dan pelajar mengambil sedikit masa untuk mengadaptasi norma baharu ini, namun akhirnya ia menjadi "alah bisa tegal biasa". Lama-kelamaan ia menjadi satu kelaziman dan adakalanya ia lebih menjadi pilihan, bergantung kepada keadaan dan situasi semasa.

Selain itu, PdP norma baharu ini turut mengasah kreativiti dan memacu inovasi dalam kalangan pensyarah terutamanya demi menghasilkan bahan-bahan PdP berbentuk digital. Situasi ini juga telah menonjolkan kebijaksanaan pensyarah yang berusaha untuk menjadikan PdP dalam talian lebih menarik dan bermutu bagi terus menarik dan mengekalkan keterlibatan pelajar. Pelaksanaan PdP dalam talian juga telah menggalakkan pelajar lebih cakna, berdikari dan bijak mengatur keutamaan.

Walaupun demikian, terdapat cabaran dan kekangan yang perlu diambil perhatian berkaitan pelaksanaan PdP dalam talian dan alternatif pelaksanaan mod PdP secara hibrid dilihat dapat memberikan fleksibiliti kepada mereka yang mengalami kekurangan peranti dan capaian internet. Kesimpulannya, kerjasama semua pihak terlibat amatlah diperlukan bagi memastikan kelangsungan rantaian pendidikan di USIM.

Profesor Dr. Rosalina Abdul Salam

Dekan Fakulti Sains dan Teknologi

"Sesi pelaksanaan PdP dalam talian memberi ruang pengurusan fakulti untuk berinovasi dalam penyampaian perkhidmatan pengajian tinggi, khususnya dalam proses-proses rutin pengajian seseorang pelajar yang sebelum ini dilaksanakan secara manual atau secara bersemuka."

Prasarana Kondusif Memangkin Kesejahteraan

"Dunia Kampus" Selamat dan Santai

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah menjejaskan banyak pihak, termasuk para pelajar USIM. Semenjak Oktober 2021, Pusat Perumahan Pelajar (PRUPEL) USIM telah berusaha mewujudkan Gelembung Selamat Kampus yang melibatkan beberapa kolej kediaman pelajar. Pelbagai kemudahan awam disediakan untuk kegunaan para pelajar seperti kafetaria berkonsepkan hipster, dobi layan diri, fasiliti sukan dan permainan, pasar malam kampus, kedai serbaneka, pusat mel, kedai gunting rambut dan sebagainya yang disediakan di dalam kolej kediaman. Inisiatif ini dapat mengawal pergerakan keluar masuk pelajar dari kawasan kolej kediaman dan seterusnya mengurangkan risiko kadar keberjangkitan dan penularan COVID-19 dalam kalangan penghuni. Antara kebaikan lainnya, inisiatif ini membantu pelajar mengurangkan tekanan akibat terkurung untuk satu tempoh yang agak panjang.

"PRUPEL telah banyak membantu mahasiswa sepanjang tempoh pandemik yang telah melanda Negara, antaranya adalah bantuan pengangkutan kepada pelajar untuk pulang ke kampung, agihan sumbangan makanan dan yang paling utama mereka sentiasa cakna terhadap situasi semasa yang melanda bukan sahaja kepada pelajar di kolej kediaman malah juga di luar kolej kediaman."

Khairul Amir Bin Razman

Pengerusi Jawatankuasa Siswa/i
Kolej Kediaman Sesi 2020/2021



Rumah Alumni

Pusat Alumni dan Kerjaya USIM telah menerima sumbangan sebuah rumah yang berkonsepkan pejabat bernilai RM130,000.00 daripada RPG Education and Training Center. Berkeluasan 850 kaki persegi, ia dinamakan secara rasmi dengan nama Rumah Alumni dengan menempatkan pejabat Persatuan Alumni USIM dan Hub Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB). Mengambil masa sebulan untuk disiapkan, Rumah Alumni dibina di Mizan Park USIM dengan menggunakan konsep Sistem Binaan Berindustri (IBS). RPG Education and Training Center adalah sebuah syarikat yang dilantik sebagai penyedia latihan program Kontraktor Rumah IBS (Profesional Installer IBS X BIM), di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Career Advancement (GE KPT- CAP) 2021. Kewujudan Rumah Alumni merupakan satu bentuk pengiktirafan universiti terhadap para alumni sebagai sebahagian daripada keluarga besar USIM. Di samping itu, ia adalah sebagai manifestasi kepada jalinan kerjasama dan pemangkin hubungan baik antara universiti dengan alumni dan antara alumni dengan alma mater. Rumah Alumni turut mendapat sentuhan para alumni yang turut menyumbang beberapa kelengkapan seperti penghawa dingin, komputer, mesin pencetak dan perhiasan rumah.

Keberdayaan Kelestarian Kampus

Membudayakan Penjagaan Kebersihan

Berpaksikan kepada Kempen Kebersihan Kita Untuk Kita seperti yang disasarkan dalam sasaran tahunan 2021, USIM melalui JPPF telah menganjurkan Pertandingan Tandas Awam Bersih sebagai wadah untuk meningkatkan kesedaran dan memupuk sikap bertanggungjawab dalam kalangan warganya terhadap kepentingan memelihara kebersihan persekitaran. Aktiviti sebegini adalah signifikan bagi memastikan kelestarian fasiliti kampus dapat dicapai dengan membudayakan penjagaan kebersihan demi melahirkan sumber insan yang mempunyai minda sejahtera dan cerdas. Pertandingan ini merupakan kesinambungan kepada Program Audit Penarafan Bintang bagi Fasiliti USIM (Tandas) yang telah diadakan pada tahun sebelumnya. Tujuan pengauditan adalah untuk menilai kesediaan PTj dalam menggalas tanggungjawab menjaga kebersihan kemudahan awam, selain memastikan fasiliti yang ada adalah lengkap, selamat serta patuh syariah.

Projek PTj Lestari

Selain itu, Centre for Sustainability and Serenity (C4SS) telah melaksanakan projek PTj Lestari yang menyasarkan pelaksanaan pembudayaan amalan kelestarian di tempat kerja. Usaha-usaha yang dijalankan adalah bersifat inklusif yang meliputi aktiviti kelestarian dalam pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran di USIM. Ia sebagai inisiatif untuk menjayakan Blueprint Kelestarian USIM yang juga menyokong agenda Sustainable Development Goals 2030 (SDG 2030) dan selari dengan Maqasid Syariah. Melalui projek tersebut, setiap PTj telah melantik Go Green Ambassador yang bertindak sebagai pegawai penghubung antara PTj dengan urus setia dan Jawatankuasa Kerja Projek PTj Lestari. Go Green Ambassador antara lainnya perlu melaporkan aktiviti Projek PTj Lestari yang dijalankan di PTj masing-masing kepada pihak urus setia di samping menyalurkan maklumat terkini yang diperoleh daripada urus setia kepada PTj.

Kempen 1 Warga 1 Pokok

Kempen 1 Warga 1 Pokok yang diterajui oleh JPPF merupakan salah satu program yang menyokong Blueprint Kelestarian USIM di bawah Skop Biodiversiti Landskap. Melalui program tersebut, USIM telah menerima 200 anak-anak pokok hutan daripada Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan (JPNNS) bersempena dengan Program Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 Negeri Sembilan. Sebanyak 12 spesis pokok hutan seperti Kembang Semangkuk Jantung, Sepetir Daun Nipis, Meranti Kepong, Meranti Bunga, Kempas, Mengkulang Jari, Bintangor Laut, Kapur, Cengal dan Merawan Siput Jantan, ditanam di Tapak Arboretum USIM. Arboretum USIM diwujudkan bagi menjadi pusat koleksi tumbuhan hidup yang sekiranya dipelihara bermanfaat untuk tujuan penyelidikan, pemuliharaan germplasma dan pendidikan. Penanaman ini juga adalah simbolik sokongan universiti kepada usaha yang diterajui oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli yang menggerakkan usaha Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 juta pokok.

Kesantunan Masyarakat

USIM Sebagai Pusat Pemberian Vaksin IPT Mega

Hikmah pandemik COVID-19 telah membuka peluang baharu kepada USIM untuk menyantuni masyarakat atas dasar semangat prihatin dan kebersamaan dengan menjadi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) IPT Mega USIM. Bekerjasama dengan Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) dan Protect Health Sdn. Bhd, PPV IPT Mega USIM memberi peluang untuk universiti menyediakan perkhidmatan pemberian suntikan vaksin COVID-19 khususnya kepada masyarakat di Negeri Sembilan. Pengoperasian PPV ini turut melibatkan pakar-pakar perubatan dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan warga universiti sebagai sukarelawan. Beroperasi di Dewan Tuanku Canselor, seramai 100,736 orang telah menerima suntikan dos pertama diikuti seramai 99,780 orang menerima suntikan kedua di pusat ini. Jumlah penerima yang tinggi ini menjadikan PPV IPT Mega USIM secara langsung menyumbang kepada 26 peratus pembentukan imuniti kelompok di Negeri Sembilan pada waktu itu bagi membendung penularan COVID-19.

Tabung Bantuan Komputer Riba Kepada Pelajar USIM

USIM melalui Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) mengusahakan pendanaan awam (crowdfunding) untuk projek Tabung Bantuan Komputer Riba Kepada Pelajar USIM melalui platform Jom Infaq sejak penghujung 2020. Hasil pengumpulan wang tunai daripada tabung ini digunakan untuk perolehan komputer riba untuk para pelajar yang memerlukan. Projek ini turut mendapat sokongan daripada institusi korporat dan pertubuhan-pertubuhan lain seperti YAPEIM, Yayasan Maghfirah, Yayasan Tunku Abdul Rahman (TAR), KDEB Waste Management Sdn. Bhd, ACER dan Atmosphire Mobile sebagai rakan sinergi yang memberikan tajaan dalam bentuk komputer riba. Proses pengagihan komputer riba dimulakan pada awal 2021 oleh PWZ secara berfasa kepada para pelajar USIM yang memerlukan, terutamanya golongan B40.

Selain itu, USIM turut menyumbangkan komputer riba baharu kepada pelajar terpilih yang kehilangan dan kerosakan komputer riba akibat musibah banjir pada penghujung 2021.

Misi USIM Prihatin Pasca Banjir

Keprihatinan USIM kepada masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama terserlah melalui Misi USIM Prihatin Pasca Banjir. Penyertaan kakitangan dan pelajar USIM secara sukarela dalam misi kali ini membuktikan warga universiti mengambil berat dengan situasi semasa yang menimpa masyarakat sekeliling. Beberapa pasukan sukarelawan digerakkan ke beberapa kawasan Selangor (Salak Tinggi, Labu Lanjut, Jenderam Hilir, Dengkil) dan Kampung Lubok China, Negeri Sembilan untuk aktiviti pembersihan, pencucian dan pengagihan sumbangan barangan keperluan asas kepada mangsa banjir. Kumpulan sukarelawan USIM turut menyertai misi pembersihan pasca banjir di luar kawasan Negeri Sembilan seperti di Temerloh, Pahang. Selain itu, USIM turut menyelaras bantuan kepada kakitangan dan pelajarnya yang terkesan dengan musibah banjir kali ini dari aspek pembersihan kediaman, bantuan makanan kering, wang tunai, bantuan psikologi dan penginapan sementara di kolej kediaman dan rumah tamu USIM.

Projek Pengumpulan dan Sumbangan Al-Quran kepada Mangsa Banjir 2021/2022 (Infaq Al -Quran)

USIM turut prihatin dengan kesan musibah banjir yang berlaku pada penghujung 2021 terhadap aspek kerohanian mangsa yang terlibat. Atas keprihatinan tersebut, USIM melalui Jabatan Perpustakaan telah menggerakkan Bantuan Khusus Al-Quran (terjemahan /mushaf) untuk mereka yang terjejas. Projek ini merupakan tanggungjawab sosial universiti dan telah mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat setempat yang turut prihatin ujian musibah ini dengan setiap sumbangan mushaf dan terjemahan al-Quran yang diterima dikumpulkan di Perpustakaan USIM sebelum diagihkan kepada individu, pusat pemindahan sementara dan institusi yang terpilih. Projek ini dijalankan sepenuhnya oleh sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Perpustakaan dan ahli Kelab Kakitangan dan Kebajikan Perpustakaan USIM (KEKITAAN).

Kebudayaan Berperanan Mendidik Insan

Berpandangan bahawa kegiatan seni mempunyai peranan dalam mendidik insan, Pusat Kebudayaan USIM mengambil inisiatif menubuhkan Grup USIM Art Prosumer (GUAP) yang berfungsi sebagai sebuah kumpulan penggerak aktiviti prosumer berteraskan cabang kesenian. Ahli GUAP terdiri daripada alumni USIM yang mempunyai bakat dan berkerjaya dalam bidang seni akan membimbing kelab-kelab berteraskan kesenian di bawah Pusat Kebudayaan untuk menyemarakkan penciptaan dan penghasilan karya kreatif serta berinovasi selain berkemampuan menawarkan khidmat profesional seni bagi tujuan penjanaan pendapatan. Inisiatif ini menyokong usaha USIM untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi pembelajaran dan aktiviti luar bilik kuliah, bersifat holistik dan seterusnya berkeupayaan melibatkan diri dengan aktiviti perniagaan yang akhirnya mampu untuk menjadi seorang usahawan. Ia turut menyumbang kepada aspirasi USIM dalam melahirkan Prosumer Muslim Yang Berdisiplin yang membudayakan Learn More, Make More, Share More. Penubuhan GUAP juga dilihat sebagai usaha yang baik dalam memperkasa hubungan akrab alumni dengan USIM.

Muhammad Zarihi Nubhan Bin Abdul Rahman
Pengerusi GUAP

"Alumni merupakan ejen untuk menyalurkan maklumat berkaitan konsep prosumerism kepada pelajar USIM."

USIM Menyerlah di Media

Sebagai sebuah universiti awam, USIM terus menyerlah dengan pelbagai pencapaian baik diperingkat lokal mahupun antarabangsa yang turut mendapat liputan di media cetak dan elektronik. Selain penyiaran maklumat dalam media berkenaan kejayaan universiti, ia juga turut membuka ruang kepada penyiaran penulisan rencana dan artikel oleh warga USIM untuk berkongsi idea, pandangan, cadangan dan komentar terhadap pelbagai isu semasa dan keilmuan.

Penulisan warga USIM di media telah mewujudkan platform bagi universiti mendekati khalayak umum melalui medium penulisan yang berteraskan tema-tema tertentu yang dekat di hati masyarakat. Senario ini turut menjadi indikasi positif kepada iltizam warga USIM untuk tidak lokek berkongsi kesarjanaan dan keilmuan melalui media penulisan untuk disiarkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ia sekali gus turut mengukuhkan penjenamaan USIM untuk dikenali dan secara tidak langsung turut menjadikan para penulis dari kalangan ahli akademik sebagai pakar rujuk kepada pelbagai pihak.



PR Value USIM

Tahun	PR Value (RM)	Jumlah Hits	Akhbar Cetak	Akhbar Dalam Talian	Liputan Media Elektronik (Televisyen dan Radio)
2019	49,344,142.86	2523	949	1454	120
2020	62,455,152.69	1930	637	1097	196
2021	49,853,716.00	2082	666	1416	145

Jadual 1.2: Jumlah PR Value mengikut tahun



Rajah 1.1: Perbandingan jumlah PR Value mengikut tahun

USIM mencatatkan jumlah PR Value sebanyak RM49,853,716.00 pada tahun 2021. Jumlah PR Value USIM pada tahun 2021 menunjukkan sedikit penurunan berbanding jumlah PR Value pada tahun 2020 dengan perbezaan sebanyak RM12,601,436.69 tetapi menunjukkan peningkatan kepada jumlah siaran berita USIM yang tersiar di akhbar bercetak dan akhbar dalam talian seperti di dalam jadual 1.2 dan rajah 1.1.

#USIMLIVE

Utusan Malaysia
Progmatis sokong serah sebahagian ITK dan ITKA
SEMAI BUDAYA PENGELUAR
Solidariti USIM untuk rakyat Palestin
Cabaran dibawa pandemik bukti kaedah fiqh dinamik
Infiniti
Mudah kuasai bahasa Arab dengan aplikasi AR-Faseh

Perbandingan Jenis Media (Cetak/Elektronik)

Berdasarkan perbandingan siaran media, pada tahun 2021 USIM mencatatkan 666 jumlah siaran bagi penerbitan media cetak, 1415 penerbitan dalam media dalam talian serta 145 kemunculan di media elektronik. Terdapat sedikit peningkatan siaran pada medium media cetak dan media dalam talian berbanding pada tahun 2020.

Jadual 1.3 dan Graf 1.1 menunjukkan perbandingan jenis media mengikut tahun dan kekerapan siaran mengikut jenis tahun untuk tiga tahun berturut-turut.

JENIS MEDIA/ TAHUN	2019	2020	2021	**JUMLAH**
Media Cetak	949	637	666	2252
Media Online	1454	1097	1416	3967
Media Elektronik	120	196	145	461
JUMLAH	**2523**	**1930**	**2227**	**6680**

Jadual 1.3: Perbandingan kekerapan siaran mengikut jenis media



Graf 1.1: Perbandingan kekerapan siaran mengikut jenis media

Penutup

USIM terus beriltizam untuk melahirkan graduan yang holistik dan seimbang dari sudut sahsiah serta pencapaian. Sistem pentadbiran dan penyampaian akan terus diperkasa demi merealisasikan hala tuju yang disasarkan. Sumber insan turut memainkan peranan penting bagi memastikan setiap tanggungjawab dan komitmen dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Gabungan sistem pentadbiran yang berkualiti dan sumber insan yang cemerlang dapat menghasilkan natijah seperti yang dihasratkan.

2 Rekayasa Keunggulan Akademik

"Supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan Agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat".
al-Mujadalah:11

Pemerkasaan kualiti kecemerlangan akademik pelajar melalui integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (INAQ) oleh tenaga pengajar USIM sentiasa menjadi tunjang kepada falsafah pembangunan dan perkembangan akademik universiti. Dalam mendepani pelbagai cabaran pendidikan berorientasikan teknologi masa kini, USIM telah bersedia dengan memperkasakan pelbagai program akademiknya bagi melahirkan graduan yang berilmu, berbudi pekerti dan berkemahiran tinggi secara holistik. Misi USIM 2022 menjadi landasan terkini untuk mencapai matlamat tersebut.

Pembangunan dan Perkembangan Program Akademik

Penawaran Program Baharu Kursus Integriti dan Anti-Rasuah

Melewati usia 20 tahun, USIM terus progresif dalam menawarkan program-program pengajian yang bersifat kritikal yang selari dengan tuntutan arus perdana dan keperluan semasa. Kebejatan isu integriti dalam kalangan masyarakat pada pelbagai peringkat mencetus idea kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) untuk bekerjasama dengan USIM untuk menawarkan Kursus Integriti dan Anti-Rasuah. Kursus yang berstatus elektif ini merupakan sebahagian daripada kursus ko-kurikulum yang ditawarkan di semua institusi pengajian tinggi.

Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI) diberi tanggungjawab untuk memperkenalkan kursus baharu berkaitan isu-isu rasuah ini di USIM. Pelaksanaan kursus Integriti dan Anti-Rasuah ini telah mula ditawarkan kepada pelajar mulai September 2021, Semester Akademik 2021/2022. Objektif penawaran kursus adalah untuk memperkenalkan prinsip integriti, etika, bebas rasuah, ketelusan kepada pelajar. Selain itu pembelajaran kursus ini dapat melatih pelajar untuk bersikap jujur, amanah dan berintegriti. Ia juga diharap dapat melatih tahap etika dan profesionalisme pelajar.

Akreditasi Program Akademik

Kecemerlangan kualiti akademik memerlukan kepada perancangan strategik dalam tempoh jangka pendek dan jangka panjang oleh universiti dengan membangun dan melaksanakan pengurusan kualiti akademik yang bersepadu. Penjenamaan Pusat Jaminan Kualiti, Dasar dan Kecemerlangan Akademik (QAPEX) kepada Pusat Jaminan Kualiti (CQA) adalah gambaran usaha penyusunan strategik yang memfokuskan kepada aspek pembangunan dan kawalan kualiti akademik yang lebih lestari.

Pada tahun 2021, dua program akademik pascasiswazah USIM telah mendapat kelulusan Akreditasi Penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Pengiktirafan program Doktor Falsafah Undang-undang dan program Sarjana Undang-undang (Undang-undang Antarabangsa) yang ditawarkan oleh FSU memberi nilai tambah kepada fakulti dan USIM. Akreditasi baharu ini menjadikan jumlah penawaran keseluruhan program pengajian di USIM berstatus Akreditasi Penuh meningkat kepada 72 program berbanding 70 program sahaja pada tahun sebelumnya iaitu lima program Tamhidi, 27 program Sarjana Muda dan 40 program pasca siswazah.

Lima program akademik baharu turut ditawarkan bermula Semester I, Sesi Akademik 2021/2022 seperti berikut:

- Sarjana Muda Pengurusan dengan Pelancongan (Kepujian)
- Sarjana Muda Pengurusan dengan Pelancongan (Kepujian) (Mod 3u1i)
- Sarjana Muda Teknologi Industri Kesihatan dengan Kepujian
- Sarjana Sains Alam Bina
- Doktor Falsafah Alam Bina

Semakan kurikulum program-program akademik sedia ada sentiasa dipantau dari semasa ke semasa dengan 15 program telah diluluskan semakan kurikulum oleh Jawatankuasa Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi pada tahun 2021. Semakan kurikulum dilaksanakan bagi mematuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia terkini, Standard Program baharu/terkini, maklum balas/laporan pihak-pihak berkepentingan, penstrukturan kursus-kursus peringkat universiti dan sebagainya bagi memastikan program-program USIM kekal relevan dan berdaya saing.

Justeru, audit pemantauan sijil ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 telah diadakan pada 8 hingga 17 Mac 2021 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Sijil pematuhan ini merangkumi skop standard sistem pengurusan kualiti dan skop pengurusan kualiti berasaskan syariah. Secara khususnya, skop ini meliputi, penyediaan perkhidmatan pendidikan tinggi peringkat Ijazah Sarjana Muda yang melibatkan perkhidmatan: pengajaran dan pembelajaran, pengurusan akademik, pengendalian perkhidmatan yang berkait dengan pengajian pelajar seperti kewangan pelajar, biasiswa, kad matrik dan sebagainya. Manakala penyediaan Perkhidmatan Korporat yang melibatkan: perkhidmatan pengurusan sumber manusia, perkhidmatan kewangan, perkhidmatan hal ehwal pelajar, perkhidmatan pengurusan projek dan fasiliti, perkhidmatan perpustakaan dan perkhidmatan pengurusan penyelidikan.

Pengurusan Siswazah Secara Dalam Talian

Penularan dan ancaman semasa pandemik COVID-19 di seluruh negara sejak tahun 2020 masih memberi cabaran besar dan menjejaskan semua sektor ekonomi termasuk sektor pendidikan. Penutupan pusat-pusat pengajian tinggi di seluruh negara akibat pandemik menjadi satu cabaran kepada pengoperasian pentadbiran di pejabat dan pelaksanaan PdP di kampus yang kebiasaannya dilaksanakan secara bersemuka sebelum ini. Bagi memastikan universiti terus dapat melaksanakan segala fungsinya, beberapa inisiatif pembaharuan terhadap pengoperasian universiti dilaksanakan dari semasa ke semasa dalam menghadapi kehidupan fasa norma baharu.

Dalam aspek pengurusan perkhidmatan khususnya melibatkan akademik, bagi menyesuaikan dengan tuntutan norma baharu, USIM melaksanakan perubahan dengan beralih ke medium secara dalam talian bagi proses-proses kerja di beberapa jabatan utama yang mengurus pelajar-pelajar tempatan mahupun antarabangsa. Pusat Pengajian Siswazah (PPS) contohnya, telah melaksanakan peperiksaan lisan atau viva voce secara dalam talian sepenuhnya menggunakan Microsoft Teams untuk tahun kedua. Pengoperasian kaunter perkhidmatan PPS juga dilaksanakan secara dalam talian atau virtual sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan fasa pemulihan.

PPS juga telah menaik taraf portal pelajar siswazah (Integrated Postgraduate Portal) untuk menjamin keselamatan maklumat dan data. Sistem i-PPS juga telah dinaik taraf ke sistem iPPS2 dengan ciri-ciri keselamatan yang lebih terjamin kepada semua pengguna terutamanya daripada serangan pengodam dan pencabulan maklumat.

Bagi membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi dan daya intelektual pelajar siswazah USIM, pihak PPS juga telah menganjur program Three Minute Thesis (3MT) 2021 Peringkat USIM. Pertandingan ini mencabar para peserta untuk membuat persembahan berkesan berkaitan penyelidikan masing-masing dalam tempoh tiga minit. Dua orang pemenang pertandingan ini iaitu Puan Nurul Hana Mas'od (FST) dan Encik Khairul Anuar Rusli (FEM) telah mewakili USIM ke peringkat kebangsaan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 23 Mei 2021.

Perkembangan Kecemerlangan Akademik/Pembinaan Kurikulum

Kecemerlangan ahli akademik USIM semakin terserlah dengan berjaya menempa nama dan menyumbang kepakaran masing-masing di dalam mahupun di luar negara dalam pelbagai bidang. Salah seorang daripadanya ialah Profesor Dr. Mohd Fauzi Mohd Amin dari FPQS. Memiliki latar belakang kepakaran dalam bidang ilmu hadis, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Hadis (Lajnah Tahqiqi Hadith), Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi sesi 2021/2022.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyediakan garis panduan penulisan teks hadis di Malaysia, di samping menyediakan panduan asas penyemakan sumber dan status hadis KDN. Tapisan ini bagi mengesahkan keabsahan maklumat untuk menghindar penyebaran ilmu songsang seperti pemalsuan al-Quran dan penyebaran hadis-hadis palsu yang boleh menyesatkan ummah. Melalui kepakaran dan kesarjanaan yang dimiliki, pelantikan beliau dalam jawatankuasa ini sangat signifikan bagi umat Islam.

Enrolmen dan Kemasukan Pelajar

Pada Semester I, Sesi Akademik 2021/2022 sesi PdP masih dijalankan sepenuhnya secara dalam talian. Walau bagaimanapun, sesi secara hibrid telah dilaksanakan bagi program-program pengajian yang memerlukan pelaksanaan latihan amali, makmal, studio, dan badan beruniform mengikut standard program serta keperluan badan profesional. Kemasukan pelajar ke kampus telah bermula 15 Oktober 2021 secara berperingkat seperti yang ditetapkan oleh KPT.

Berikut adalah jumlah enrolmen pelajar bagi tahun 2021:

Peringkat Pengajian	Bilangan Pelajar
Tamhidi	**1017**
Sarjana Muda	**3090**
Pascasiswazah	**528**


RUS SETIA

Penganugerahan dan Pengijazahan

Majlis Konvokesyen USIM

Meraih kecemerlangan dalam akademik merupakan hadiah istimewa daripada para graduan kepada ibu bapa dan keluarga masing-masing yang kebiasaannya diraikan dalam majlis konvokesyen yang dianjurkan universiti pada setiap tahun. Pada tahun 2021 walaupun masih dalam fasa pandemik COVID-19, USIM melaksanakan dua siri majlis konvokesyen bagi meraikan para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian. Majlis Konvokesyen Kali ke-18 USIM telah diadakan pada 6 hingga 18 April 2021 secara hibrid dengan 2,686 orang graduan diraikan dalam majlis ini.

Majlis Konvokesyen Kali ke-19 telah diadakan pada 23 hingga 30 November 2021 yang dilaksanakan secara fizikal sepenuhnya pula telah meraikan seramai 2,560 orang graduan. Kedua-dua pelaksanaan majlis konvokesyen ini dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat bagi mengekang penularan COVID-19.

Dalam kedua-dua majlis yang gemilang in, sebanyak enam anugerah kecemerlangan khas telah dianugerahkan kepada graduan yang cemerlang mengikut kategori masing-masing iaitu Anugerah Pelajaran Diraja, Anugerah Canselor, Anugerah Lembaga Pengarah Universiti dan Anugerah Pingat Emas Naib Canselor.

Suwaibah Binti Mustapha

FPBU

Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang)

Muhammad Syamim Bin Md Morshid

FST

Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang)

Nur Alia Farisha Binti Jemangin

FSU

Anugerah Canselor (Pra siswazah)

Muslimah Binti Ithnin

FPSK

Anugerah Canselor (Siswazah)

Nur Amirah Binti Yahaya

FST

Anugerah Lembaga Pengarah Universiti

Syed Muhammad Ibrahim Bin Syed Mud Pu'ad

FST

Anugerah Pingat Emas Naib Canselor

Projek eScroll: Tasdiq Al-Syahadah (TAS)

Sejajar dengan keperluan dan inovasi semasa bagi mencegah penipuan ijazah palsu dan mengukuhkan integriti sijil akademik yang dikeluarkan universiti, USIM membangunkan sebuah aplikasi berdasarkan aplikasi teknologi blockchain yang dikenali sebagai Tasdiq Al-Syahadah (TAS), merupakan sebuah aplikasi mudah alih (mobile application), aplikasi TAS yang dibangunkan ini bertujuan memudahkan pengesahan ketulenan skrol graduan yang dikeluarkan oleh USIM ini dalam masa yang singkat. Kos pembangunan TAS adalah minima kerana dibangunkan melalui kepakaran dalaman yang diterajui oleh Pejabat Ketua Pegawai Maklumat (CIO), SDEC dengan kerjasama iExploTech dan Sekretariat Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (IPTM) DLT Network.

Pembangunan aplikasi ini merupakan tindakan proaktif universiti dalam usaha mencegah penipuan ijazah palsu sekali gus turut menjaga reputasi dan integriti sijil akademik yang dikeluarkan universiti. USIM telah bekerjasama dengan Cyber Security Academia Malaysia (CSAM) dalam menjalani proses penilaian yang dianggotai oleh pakar-pakar keselamatan siber Universiti Awam dan Swasta selain turut dinilai oleh wakil pakar keselamatan Cyber Security Bristol, United Kingdom.

Semakan maklumat skrol digital ini hanya boleh dibuat ke atas graduan yang telah memberi kebenaran kepada aplikasi TAS USIM bagi tujuan perkongsian maklumat sesuai dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA). Aplikasi TAS USIM telah mula digunakan secara rasmi pada 30 November 2021 manakala versi laman sesawang pada 9 Mac 2022. Pengguna yang berkepentingan dan bakal majikan boleh memuat turun maklumat ketulenan skrol ijazah USIM daripada Google Play Store.

Quran Isyarat Diperkenalkan di Ekspo Dubai 2020

Bagi memastikan USIM tidak ketinggalan dalam membawa namanya untuk dikenali di pentas antarabangsa, universiti telah menyertai Ekspo Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC) sempena Minggu Pendidikan, Dubai Expo 2020 yang berlangsung di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Bersempena penyertaan di pameran yang berprestij ini, USIM telah mengetengahkan aplikasi Quran Isyarat di ekspo ini untuk memperkenalkan keunikan universiti dan strategi ini menjadikan reruai USIM mendapat kunjungan dan sambutan yang baik daripada para pengunjung ekspo.

Penyertaan USIM dalam ekspo juga secara langsung bertujuan untuk mengenal pasti syarikat-syarikat antarabangsa yang berpotensi bagi meningkatkan jalinan kerjasama dua hala dalam bidang akademik khususnya antara USIM dan pihak industri. Penyertaan USIM dalam ekspo ini telah diketuai oleh Profesor Dr. Mohd Radhi Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Transformasikan Kampus Ke Arah Digital, USIM Lancar Smart University Blueprint

Pada era Revolusi Industri 4.0, tidak dapat dinafikan bahawa Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) akan menjadi tunjang utama kepada semua pihak untuk bergerak laju dan seiring ke hadapan. Entiti yang mempunyai kekurangan dalam prasarana pembangunan ICT pastinya akan ketinggalan di belakang dan ini merupakan satu kerugian yang besar.

Universiti telah mengambil langkah proaktif dengan melancarkan Smart University Blueprint (2018-2025) sebagai satu usaha mendokumentasikan pelaksanaan ICT yang lebih terancang serta menyeluruh bagi kampus USIM. Dengan adanya blueprint ini, ia juga dapat memberikan panduan kepada pelaksanaan penggunaan ICT secara lebih optimum dan efektif dengan bertemakan "Prosumerism as Catalyst for Economic Growth".

Dalam usaha menggerakkan idea transformasi digital ini, sebanyak lima kluster telah diperkenalkan iaitu Kluster Smart Governance, Kluster Smart Infrastructure, Kluster Smart Services, Kluster Smart Learning dan Kluster Smart Lifestyle yang diterajui oleh beberapa PTj.

Melalui lima kluster ini juga, sebanyak 13 inisiatif telah diperincikan dan dirancang bagi menggerakkan usaha transformasi digital yang diterajui oleh Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor, Bendahari dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab.

Tumpuan inisiatif USIM Smart University Blueprint ini juga selari dengan tujuh prinsip asas Rangka Kerja ICT USIM yang menekankan kepada Maqasid Syariah, Revolusi Perindustrian, Berpaksikan Pelajar, Berpaksikan Data, Perisian Sumber Terbuka, Agile & Mobility serta Prosumerism. 13 inisiatif USIM Smart University Blueprint:

- Cashless Campus
- Smart Attendance
- Learning Space
- Dashboard @USIM
- Academia Management System
- Interactive Website
- Smart Masjid
- Smart Health
- Digital Library & Knowledge Management
- Flexible Education
- Secure and Safety Campus
- Smart Building
- Compliance and Security

"Kita baru ingin beralih kepada teknologi terkini apabila COVID19- melanda negara yang memerlukan universiti bertukar kepada kaedah pembelajaran secara dalam talian. Keadaan ini sememangnya memberi cabaran yang amat besar kepada pelajar, pensyarah dan pihak berkepentingan untuk beradaptasi dengan segera pada perubahan ini dengan pada masa yang sama kita masih mengalami beberapa kekangan dalam infrastruktur ICT kampus.»

Prof. Dato' Dr. Mohamed Ridza Wahiddin

Naib Canselor USIM


Al-Jamiah Al-Mubarakah Cluster
2018-2025
Smart INAQ
USIM
SMART LEARNING
Journal & Publication Management System
Digital Library
myPortfolio
Gamification
Micro-credential
LMS Platform
Blended Learning
MOOC
SMART GOVERNANCE
Digital Leaders
ISMS Certification
ICT Policy
Empowerment of ICT Governance
Enterprise Architecture
SMART LIFESTYLE
Student Portal
Alumni Portal
GIINA v2
KM Portal
Smart Health
Masjid Portal
eBook
Open Access
Smart Transport
Cashless
Smart Attendance
SMART SERVICES
MyARIFS v2
Document Management System
Interactive Website
ePerolehan
Virtual Museum
Dashboard
eServices
Academic Information System (AIS)
SMART INFRASTRUCTURE
Learning/ Marker Space
Smart Barrier
Unified Communication
Wi-Fi on Wheel
Face Authentication
Smart Building
Secure Computer Lab
Tracking Staff & Student

Penutup

Di sebalik cabaran penyediaan prasarana teknologi yang terkini di dalam kampus dan keterbatasan yang wujud kesan pandemik COVID-19 menjadikan cabaran yang dihadapi oleh universiti bukannya sesuatu yang mudah. Meletakkan sasaran dan objektif untuk melahirkan bakat muda dan warga ilmuwannya berasaskan tradisi keilmuan Islam, nilai-nilai agama serta budaya kerja profesional yang tinggi sememangnya satu proses yang kritikal dan memerlukan kepada satu lonjakan transformasi yang matang. USIM telah berhasil melahirkan warga kampus yang sentiasa berusaha untuk menjadi cemerlang dan terbilang dalam bidang masing-masing melalui keberhasilan kerja yang mereka telah buktikan.

3 Kebitaraan Siswa dan Alumni



"Dan Kami tidak mengutus sebelum engkau (Muhammad), melainkan orang laki-laki yang Kami beri wahyu kepada mereka; maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui"

An Nahl 8:43

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) telah menggariskan agar IPT dapat melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi, holistik dan mampu bersaing di pentas nasional mahu pun antarabangsa. Kemampuan mahasiswa mengimbangi kecemerlangan akademik dan pembangunan sahsiah menentukan hala tuju dan masa depan negara.

Bagi menyahut saranan tersebut USIM telah menjalankan pelbagai program berteraskan kemahiran insaniah dan kokurikulum sama ada secara fizikal mahupun secara dalam talian. Program yang berjaya dilaksanakan adalah program kerjaya, khidmat masyarakat dan aktiviti badan beruniform.

Pencapaian dan Kejayaan

Debat

Debat adalah satu kaedah yang baik untuk menajamkan kemahiran insaniah pelajar dari segi kebolehan berkomunikasi, berfikiran kritis dan berani memberikan pendapat. Justeru Kelab Debat USIM ditubuhkan untuk menyemarakkan aktiviti debat di kalangan mahasiswa. Sepanjang tahun 2021, pencapaian mahasiswa dalam arena debat amat membanggakan meskipun mereka perlu akur dengan kekangan pandemik yang memerlukan mereka bertanding berdebat secara dalam talian.

	Nama Pendebat
Juara Debat Bahasa Arab Universiti Antarabangsa (IUADC) di Doha, Qatar 2021	• Suwaibah binti Mustapha • Siti Hamidah binti Hashim • Muhammad Muzakkir bin Ahmad Dali • Adam Fikry bin Bakru Rozi
Pendebat Terbaik Keseluruhan Pertandingan Debat Bahasa Arab Terbuka Peringkat Antarabangsa Universiti Sultan Sharif Ali 2021	• Muhammad Afiq Arsyad Awang @ Tarmizi
Pendebat Terbaik (Ketiga) IIUM International Arabic Debate Open 2021	• Muhammad Afiq Arsyad Awang @ Tarmizi
Juara Pertandingan Debat Anti Rasuah IPT, Piala Ketua Pesuruhjaya SPRM 2021	• Ariez Ezzuddin Ramli • Muhammad Aizudin Bin Radthuan • Muhammad Isyraq Husaini Bin Muliadi

Jadual 3.1: Senarai penyertaan pertandingan debat yang telah dimenangi

Peserta Debat Bahasa Arab Universiti Antarabangsa (IUADC) di Doha, Qatar 2021

Muhammad Isyraq Husaini Bin Muliadi

Juara, Pertandingan Debat Anti Rasuah IPT,
Piala Ketua Pesuruhjaya SPRM 2021

"Manfaat utama menyertai pertandingan debat secara atas talian adalah bagaimana setiap pendebat memaksimumkan kemampuan tenaga dan keunikan mereka untuk memastikan pendengar tertarik untuk kekal duduk di alam maya kerana bagi saya, setiap pendebat mempunyai idea dan naratif perspektif masing-masing tetapi pendebat yang bagus adalah pendebat yang mampu menyampaikan idea kepada penonton dengan daya tarikan tersendiri sekaligus dapat membina personaliti pendebat yang unggul"

Pengiktirafan Akademik

Penglibatan mahasiswa di dalam pertandingan berpaksikan akademik dan inovasi dapat memberikan pendedahan kepada dunia luar dan dapat meningkatkan keyakinan mereka untuk terus maju dan berjaya di peringkat yang lebih tinggi.

Pencapaian	Pertandingan/ Pemberi Anugerah	Nama Mahasiswa
Best Accounting Student Award	Malaysian Institute of Accountants	• Nadhirah Humaira' Ahmad Zamri
Kualiti Pendidikan Islam	Jabatan Pendidikan Negeri Selangor	• Nur Afifah Roslan
PAM Academic Excellence Award 2021 (Part 1)	Persatuan Akitek Malaysia	• Nur Diyanah Qisti
Tempat pertama: Product Design Competition – Smart Social Mobility	Z.ONE 32nd Architecture Student Workshop 2021 @ UPM	• Anis Aishah Binti Arazmi • Nurlis Salmi Binti Amaluddin • Wan Batrisyia Binti Muhammad Firdaus
Competition A – Virtual Exhibition (Group) Tempat pertama	PAM Annual Architecture Student Works Exhibition 2021 anjuran Persatuan Akitek Malaysia	• Muhammad Syifaa bin Abdullah Zawawi Muhammad Danish Qayyim bin Zulkhairi • Nurul Izzah binti Mohd Fadhil • Hannan Syahmi binti Azmi • Wan Noor Afifah binti Wan Aminuddin
Champion Award (1st Place)	International Robotics and Coding Competition 2021 (Southern Region)	• Muhammad Zaim Mohamad Shukri • Muhammad Atif Hakimi Mohd Asrul • Nurfarhan Hasif Haikal Lailan
Gold Award in Mind Sports Challenge (Group)	Singapore International Math Olympiad Challenge (SIMOC) 2021	• Luqman Nur Hakin Paharudin • Wan Muhamad Faiz Wan Shamsul Kamal
Gold Award in Math Master Mind	Singapore International Math Olympiad Challenge (SIMOC) 2021	• Wan Muhamad Faiz Wan • Shamsul Kamal Adam bin Khairul Faiz
Pingat Emas	Olympiad: Beaver Computational Thinking Competition Malaysia 2021	• Muhammad Akeef Asmunir
Pingat Emas	Olympiad: Kangaroo Math Competition 2021	• Yahaya Bin Basiron

Jadual 3.2: Senarai pertandingan berpaksikan akademik dan inovasi

Muhammad Haikal Hussaini

Pelajar Tahun 1 Fakulti Pergigian
Mewakili Malaysia ke Dubai Malaysia Future Leader School 2021
pada 2–11 Disember 2021

"Seminggu berada di Dubai, Emiriah Arab Bersatu(UAE) sememangnya merupakan satu pendedahan yang memberi seribu makna. Malaysia Future Leader School (MFLS) Go Global adalah salah satu inisiatif di bawah kelolaan I-LEAD, KBS dalam usaha melahirkan pemimpin holistik dan berintegriti terutama dalam kalangan belia. Sebagai duta kecil di sana, kami berpeluang untuk mempromosikan budaya dan tradisi unik Malaysia disamping mengkagumi kemegahan bandaraya Dubai yang akhirnya menyuntik semangat untuk membangunkan negara tercinta di masa hadapan. Sehubungan dengan itu, kami dapat berkongsi buah fikiran dan idea bersama golongan belia di sana melalui dialog kepimpinan di Universiti Al Qasimia. Diharapkan sejuta ilmu dan pengalaman yang kami perolehi dapat digunakan sebaik mungkin bukan sahaja di alam universiti sekaligus mengapikasikannya di dunia luar sana".

Tilawah dan Hafazan

Pembelajaran dan pengajaran berasaskan integrasi ilmu naqli (wahyu) dan aqli (rasional) diharapkan dapat melahirkan muslim profesional yang dapat memberi sumbangan yang signifikan dalam bidang yang diceburi, sebagaimana para cendekiawan Islam.

Bagi merealisasikan hasrat ini, di samping mempelajari bidang perubatan contohnya, mahasiswa juga mendalami subjek Usul Fiqh Perubatan dan juga menghafal Al Quran. Penyertaan Nur Aisyah Qistina Md Azura, pelajar tahun 1 dalam Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus telah membuahkan hasil apabila muncul sebagai naib juara bagi kategori hafazan juzuk 1-20.

Nur Aisyah Qistina Md Azura, Pelajar Tahun 1,
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Memupuk Semangat Kesukarelawanan

Program kesukarelawanan adalah asas kepada pembentukan individu yang prihatin, bertanggungjawab, dan peka terhadap persekitaran. Aktiviti kesukarelawanan yang melangkaui sempadan agama, kaum dan warna kulit memerlukan kerjasama pelbagai pihak termasuk dari pihak universiti, komuniti setempat dan juga badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO). Walaupun pandemik COVID-19 melanda negara dan menghadkan aktiviti kesukarelawanan pada tahun 2021, namun beberapa program telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Antara program yang telah dilaksanakan adalah:

USIM Archinaqli in the Society

Program yang diterajui oleh pelajar tahun 3 program Senibina ini bertujuan untuk melatih mahasiswa USIM berinteraksi bersama masyarakat, memberikan pendedahan dan motivasi kepada pelajar-pelajar STPM dari empat buah sekolah menengah terpilih untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Program ini juga secara tidak langsung dapat mempromosikan Program Ijazah Sarjana Muda Sains Senibina dengan Kepujian di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, USIM. Program ini berlangsung secara dalam talian berikutan pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara. Ia memberi pendedahan terhadap aktiviti-aktiviti dan program yang ditawarkan oleh Jabatan Senibina FKAB, USIM serta pendedahan kepada laluan kerjaya sebagai seorang arkitek mahupun ahli profesional dalam industri pembinaan sebagai sasaran kerjaya pelajar pada masa akan datang.

Misi Pasca Banjir

Banjir besar mengejut yang melanda beberapa buah negeri khususnya di negeri Selangor dan Negeri Sembilan pada Disember 2021 yang turut melibatkan sebilangan kakitangan. USIM mengambil inisiatif dengan menghulurkan bantuan makanan dan keperluan diri, serta menghantar jentera yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan bagi membantu proses pembersihan pasca banjir di rumah-rumah kakitangan dan kawasan sekitar.

Menyantuni Masyarakat Orang Asli

Program kesedaran berkenaan pencegahan jangkitan COVID-19 bersama masyarakat Orang Asli di Kg Ulu Kelaka, Jelebu Negeri Sembilan telah diadakan pada 28 Mac 2021.

Antara aktiviti yang dilakukan termasuk tunjuk ajar cara membersihkan tangan dengan betul berasaskan pencegahan COVID-19, pertandingan melukis kanak-kanak, ceramah kesihatan dan tayangan video. Seramai 6 orang pensyarah daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohd Dzulkhairi Mohd Rani serta 10 orang pelajar daripada One Health Students Club USIM terlibat mengendalikan aktiviti yang disertai oleh seramai 130 orang penduduk kampung. Program ini dibiayai oleh Malaysia One Health University Network (MYOHUN) dan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Antara dapatan daripada program ini adalah penghasilan video cara mencuci tangan yang betul dan promosi vaksin COVID-19 yang menampilkan pesanan daripada penduduk setempat dalam bahasa Orang Asli tempatan.

Kerjaya dan Kebolehpasaran Graduan

Pandemik yang melanda dunia meskipun memberikan impak kepada kehidupan rakyat Malaysia, tidak menghalang pelbagai usaha yang dilakukan oleh USIM bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Ini terbukti dengan peningkatan peratusan kebolehpasaran graduan USIM daripada 93.05 peratus pada 2020 kepada 94.6 peratus pada tahun 2021.

Justeru Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 dilancarkan bertujuan untuk menangani isu ketidakpadanan dalam pasaran buruh, sekali gus membantu IPT melahirkan graduan yang sentiasa relevan. USIM, melalui Pusat Alumni dan Kerjaya menyambut baik hasrat kerajaan dengan mengadakan beberapa program untuk memberi pendedahan kerjaya kepada mahasiswa.

	FEM	FKAB	FKP	FPBU	FPQS	FPG	FPSK	FST	FSU	Jumlah	%
Jumlah Graduan	440	62	370	329	380	36	86	446	395	**2544**	
Bekerja	349	46	311	250	322	13	28	353	305	**1977**	77.8
Melanjutkan Pengajian	43	2	12	22	9	0	0	13	50	**151**	5.9
Meningkatkan Kemahiran	10	11	4	10	17	0	1	55	13	**121**	4.8
Menunggu Penempatan	7	3	12	31	4	23	57	10	7	**154**	6.1
Jumlah Bekerja	409	62	339	313	352	36	86	431	375	**2403**	94.6
Belum Bekerja	31	0	31	15	27	0	0	15	19	**138**	5.4
Jumlah Telah Respon	440	62	370	328	379	36	86	446	394	**2541**	99.9
Belum Respon	0	0	0	1	1	0	0	0	1	**3**	0.1
Pencapaian GE	93.0	100.0	91.6	95.4	92.9	100.0	100.0	96.6	95.2		
Pencapaian GE USIM						**94.6**					

Jadual 3.3: Statistik Kajian Pengesanan Graduan USIM 2021 (warganegara)

Hari Kerjaya Belia USIM-PERKESO

USIM melalui Pusat Alumni dan Kerjaya dengan kerjasama PERKESO telah menganjurkan Hari Kerjaya Belia USIM-PERKESO2021 selama 4 hari pada bulan September 2021 secara atas talian. Objektif program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada graduan tentang peluang kerjaya bersama pihak industri.



Program APPRENTICE USIM 2021

Kerjasama antara Pusat Alumni dan Kerjaya Bersama Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) telah berjaya menganjurkan Program Apprentice pada September 2021. Program selama 3 hari ini bertujuan memberikan pendedahan kepada mahasiswa tentang peluang kerjaya sebagai ahli akademik dan pentadbir universiti. Antara penceramah jemputan ialah Pendaftar, Pentadbir universit dan ahli akademik.

Alumni Pemangkin Kelestarian Universiti

Hubungan erat antara alumni dan universiti adalah penting dalam pembangunan sesebuah universiti. Alumni boleh memberikan sumbangan dalam pelbagai aspek; sama ada dalam aspek kewangan dan kepakaran yang boleh dimanfaatkan oleh graduan, alumni, universiti dan juga masyarakat. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, USIM melalui Pusat Alumni dan Kerjaya telah berjaya melaksanakan beberapa inisiatif pada tahun 2021. Antaranya ialah:

Pengiktirafan Akademik

Penglibatan mahasiswa di dalam pertandingan berpaksikan akademik dan inovasi dapat memberikan pendedahan kepada dunia luar dan dapat meningkatkatkan keyakinan mereka untuk terus maju dan berjaya di peringkat yang lebih tinggi.

Ikon Alumni Perdana

Dr. Ahmad Kamil Jamilin

Ikon Alumni Keusahawanan

Nuriah Zakaria

Ikon Alumni Pentadbiran

Shahizan Md Noh

Ikon Alumni Kesukarelawan

Yahya Yusof

Ikon Alumni Akademik

Dr. Mohd Faridh Hafez Mhd Omar

Majlis Usahawan Alumni USIM (MAWASIM)

Pihak Pengurusan USIM telah meluluskan penubuhan Majlis Usahawan Alumni USIM (MAWASIM) yang diletakkan di bawah Persatuan Alumni USIM. MAWASIM ditubuhkan bertujuan sebagai platform penghubung usahawan alumni agar dapat membantu usahawan alumni dengan pelbagai program dan dana.

Tabung Kebajikan Alumni USIM

Bagi membantu menjaga kebajikan alumni dalam jangka masa panjang, Pusat Alumni dan Kerjaya mengambil inisiatif menubuhkan Tabung Kebajikan Alumni USIM. Tabung ini mengumpulkan dana dan sumbangan alumni yang akan digunakan untuk pelbagai bantuan kebajikan alumni seperti bantuan rawatan kesihatan dan pendidikan.

Rumah Alumni USIM

Syarikat RPGE Education & Training Centre telah berbesar hati menyumbang sebuah bangunan bernilai RM 130,000 untuk dijadikan Rumah Alumni USIM. Rumah tersebut pada masa ini digunapakai sebagai Pejabat Operasi Persatuan Alumni USIM dan Hub Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB). Majlis Perasmian Rumah Alumni USIM telah disempurnakan oleh YB. Senator Datuk Dr Zulkifli Al Bakri, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM.

Buku Khas Alumni

Buku Khas Alumni-USIM Berjanji Pada Ibunda telah diterbitkan sebagai salah satu usaha bagi kompilasi bahan-bahan berkaitan alumni.

Majlis Perasmian Chapter Alumni

Pelancaran Chapter Alumni USIM luar negara yang pertama iaitu Chapter Alumni Indonesia telah diadakan pada Disember 2021. Pelancaran Chapter ini merupakan salah satu agenda yang terdapat dalam Buku Iltizam USIM 2021.

Penutup

Alumni berupaya menjadi contoh teladan yang baik untuk pelajar semasa dan selalunya golongan ini dilihat berupaya menawarkan sokongan praktikal kepada pelajar dalam usaha menyediakan pelajar untuk melangkah ke alam kerjaya atau industri. Alumni merupakan duta bagi sesebuah institusi pendidikan. Justeru, sinergi di antara siswa, alumni dan universiti merupakan kombinasi ideal dalam membentuk kecemerlangan di USIM secara keseluruhannya.

Adalah penting untuk pelajar dan alumni membina hubungan yang baik untuk pertumbuhan strategik dan kemajuan sesebuah institusi pendidikan tinggi. Institusi juga boleh terus berhubung dan membina rangkaian profesional global bersama-sama dengan alumni. Pelajar semasa di institusi akan turut mendapat manfaat daripada peluang bimbingan dan kadar penempatan pekerjaan yang lebih baik yang dibawa oleh alumni yang aktif.

4 Penerbitan dan Penyelidikan Berimpak

"Dan katakanlah (wahai Nabi Muhammad) tambahkanlah ilmu kepadaku."
Surat Thaaha ayat 114

Penyelidikan merupakan satu platform bagi para penyelidik untuk menyebar luas dan berkongsi hasil kajian mereka agar dapat memberi manfaat kepada pembangunan ummah dan bagi menggapai kelestarian. Pembangunan budaya penyelidikan yang kompetetif dan berinovasi dalam semua sempadan ilmu mendokong kemajuan dan pembangunan negara. USIM telah menunjukkan peningkatan prestasi yang memuaskan melalui pencapaian yang membanggakan dengan memperoleh beberapa anugerah penyelidikan dan inovasi.

Perkembangan Penyelidikan

Kluster Penyelidikan

Bagi menggiatkan lagi aktiviti penyelidikan, USIM telah menubuhkan pasukan penyelidik bagi lapan kluster dalam pelbagai bidang bagi memenuhi dan menangani isu-isu semasa seterusnya mampu menyumbang kepada pembangunan negara dan ummah.



Pencapaian MyRA

MyRA (Malaysian Research Assessment) atau Taksiran Penyelidikan Malaysia merupakan instrumen pengukuran yang digunakan oleh KPT dalam mengukur keupayaan penyelidikan, dan inovasi di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia.

USIM telah menunjukkan peningkatan dalam pencapaiannya dengan kenaikan peratusan dan memperoleh empat bintang sejak tahun 2017. Bagi tahun 2021, USIM telah menunjukkan peningkatan sebanyak 3.08 peratus (66.51%) berbanding tahun 2020 (64.46%). Pencapaian peningkatan peratusan yang konsisten telah berjaya ditunjukkan oleh USIM dan merupakan indikator yang baik untuk USIM terus maju dalam bidang penyelidikan.

Tahun	MyRA	Bintang
2017	62.71%	★★★★
2018	61.95%	★★★★
2019	64.02%	★★★★
2020	64.46%	★★★★
2021	66.51%	★★★★

Jadual 4.1: Pencapaian MyRA USIM 2017-2021

Pencapaian MyMoheS

MyMoheS merupakan satu sistem yang digunakan oleh KPT dalam mengumpul data dari semua Universiti Awam berkaitan staf, penyelidikan, pelajar dan maklumat institusi serta disimpan dalam satu gudang data. USIM telah menunjukkan prestasi yang baik dan konsisten bagi pengumpulan data MyMoheS dengan purata sebanyak 97.21 peratus sejak tahun 2017.

Tahun	MyMoheS	Bintang
2017	96.58%	★★★★½
2018	95.94%	★★★★★
2019	98.93%	★★★★★
2020	98.95%	★★★★★
2021	95.65%	★★★★★

Jadual 4.2: Pencapaian MyMoheS USIM 2017-2021

Pencapaian Geran Penyelidikan

USIM telah berjaya memperoleh geran penyelidikan dalam pelbagai kategori; iaitu penerimaan geran di pelbagai peringkat iaitu di peringkat nasional, antarabangsa, swasta dan universiti. Geran penyelidikan berjumlah RM5,015,833.00 dan 147 projek telah dianugerahkan kepada penyelidik-penyelidik USIM pada tahun 2021.

Sejumlah RM2,877,687.00, iaitu sebanyak 57 peratus daripada jumlah keseluruhan geran merupakan geran penyelidikan yang diterima dari KPT. Jumlah ini merangkumi 29 projek dari tujuh bidang penyelidikan iaitu Sains Sosial, Sains Tulen dan Gunaan, Sains Kesihatan dan Klinikal, Sastera dan Sastera Ikhtisas, Teknologi dan Kejuruteraan, Warisan Alam dan Budaya serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi.



Graf 4.1: Bilangan dan nilai projek mengikut kategori geran

USIM telah melakar beberapa kejayaan penyelidikan di peringkat nasional. Antara penganugerahan yang diterima adalah anugerah Top Research Scientists 2021 yang dianugerahkan kepada Prof. Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban. Manakala, Prof. Ir. Dr. Hafizal Mohamad dan Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim Mokhtar pula telah dilantik sebagai Panel Penilai Bagi Inisiatif Public-Private Research Network (PPRN) 2021.

Anugerah Top Research Scientists 2021

Prof. Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban

Lantikan Panel Penilai Bagi Inisiatif Public-Private Research Network (PPRN) 2021

Prof. Ir. Dr. Hafizal Mohamad

Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim Mokhtar

Selain itu, melalui geran Kebolehpasaran Graduan di bawah KPT Career Advancement (GE KPT- CAP) 2021 bagi projek binaan di bawah program Kontraktor Rumah IBS (Profesional Installer IBS X BIM), USIM telah berjaya mendapatkan projek yang diberi nama Rumah Alumni. Rumah yang berkeluasan 850 kaki persegi ini dibina dengan menggunakan konsep Sistem Binaan Berindustri (IBS). Lokasinya adalah di Mizan Park USIM. Ia merupakan projek kerjasama bersama Syarikat RPG Education and Training Centre. Ia menempatkan pejabat Persatuan Alumni USIM dan Hub Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan Alam Bina (FKAB Student Hub). Rumah Alumni dijadikan sebagai Pusat Sehenti merencana pelbagai program alumni bersama USIM.

Tahun	Dana penyelidikan (RM)	Bil. Projek	Berbezaan peratusan dengan tahun sebelum
2019	8,238,822.00	170	45.3%
2020	6,400,859.00	139	-22.3%
2021	5,015,833.00	147	-21.6%

Jadual 4.2: Jumlah keseluruhan dana geran penyelidikan yang telah dianugerahkan kepada USIM

Keunggulan Inovasi

Anugerah di Pertandingan Inovasi & Penyelidikan

Pelbagai pertandingan berteraskan penyelidikan dan inovasi telah diadakan oleh pelbagai pihak dan USIM telah menyertai beberapa pertandingan tersebut. Antaranya ialah Malaysia Technology Expo (MTE) 2021 yang diadakan di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur pada 25 sehingga 27 March 2021 dan International, Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX'21). Ia merupakan salah satu platform terbesar berkaitan inovasi yang membawa kepada pembangunan dan tranformasi industri, perkhidmatan awam, dan menyumbang kepada kemampanan.

Antara kejayaan yang diperoleh dalam pertandingan tersebut ialah dengan menggondol dua pingat emas dan satu gangsa.

Malaysia Technology Expo (MTE) 2021

Anugerah / Produk	Penyelidik/Pencipta
Emas	
Global Umrahaji Game (GUG)	• Prof. Dr. Azman Ab Rahman (Ketua)
Emas	
USIM Quality Cardiopulmonary Resuscitation Training Kit (USIM-Q-Cat-Kit)	• Profesor Madya Dr. Mohd Azmani Sahar (Ketua)
Gangsa	
Helix Elevator	• Profesor Madya Dr. Khairullah Anuar (Ketua)

Jadual 4.3: Pencapaian USIM dalam Malaysia Technology Expo (MTE) 2021

Q-CaT CPR
GHH
01 : 02

Manakala pada ITEX'21 yang diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre pada 13-14 Disember 2021, USIM berjaya menggondol tiga pingat emas dan satu pingat perak.

International, Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX'21)

Anugerah / Produk	Penyelidik/Pencipta
Emas Aplikasi Pendidikan mudah alih Global Halal Game (GHG) dalam pengajaran dan pembelajaran	• Prof. Dr. Azman Ab Rahman (Ketua)
Emas Ardu-electrochrome film for home safety and privacy purpose	• Dr. Nur Atirah M Taib (Ketua)
Emas I-Status Hadis	• Dr. A Irwan Santeri Doll Kawaid (Ketua)
Perak Genius Ecobisen-Recovering waste as the main source for cooking and landscaping using machined-technology	• En. Nor Adlyzain Theis (Ketua)

Jadual 4.4: Pencapaian USIM dalam ITEX 2021

Platform inovasi lain turut menyaksikan kecemerlangan USIM dalam bidang penyelidikan dan inovasi seperti berikut:

Anugerah / Platform	Produk / Pemenang	Fakulti
Emas dan Setara Carnival of Research and Innovation (CRI) Anjuran UMK	**Program Pemerkasaan Usahawan Mikro Ibu Tunggal B40 Melalui Latihan dan Pemantauan dalam talian** Ketua Projek: • Prof. Madya Dr. Jamal Abdul Nassir Shaari Ahli projek: • Prof. Madya Dr. Nurul Aini Muhamed • Prof. Madya Dr. Norhaziah Nawai • Dr. Mohd Shukor Harun • En. Mohammad Noorizzuddin Nooh • En. Mahdhir Abdullah	FEM
Emas dan Setara Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi Universiti Awam (PIITRAM) Anjuran UMT	**Illustrative Calculus for Beginners** • Dr. Ahmad Fadly Nurullah Rasedee	FEM
Emas Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi Universiti Awam (PIITRAM) Anjuran UMT	**Assessing Students' Psychomotor Performance Using Edible pH Indicator Experiment at Home** Ketua Projek: • Siti Rubaini Mat Ahli projek: • Latipah Mohd Noor • Afif Arifin • Dr. Nurul Jannah Abdul Rahman • Nadrahtul Huda Misral • Nor Zida Rosly	
Emas Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi Universiti Awam (PIITRAM) Anjuran UMT	**Cepat Tajweed: An Interactive Self-Active Learning for Kindergarten Students using Mobile Application** Ketua Projek: • Dr. Noorrezam Yusop Ahli projek: • Mohd Naser Mohd Sabri • Mohamad Shukri Yazid	
Emas Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi Universiti Awam (PIITRAM) Anjuran UMT	**One stop centre: The Platform for Arabic Language Learning Materials** Ketua Projek: • Mohd Naser Mohd Sabri Ahli projek: • Dr. Ummu-Hani Abas • Ahmad Asyraf Mat Ali • Mohamad Shukri Yazid • Mohamad Hazqan Abdul Rahman • Dr. Azlan Shaiful Baharum	

Bersambung ke halaman 82

Anugerah / Platform	Produk / Pemenang	Fakulti
Perak Carnival of Research and Innovation (CRI) Anjuran UMT	**TreTiSEE: A Real-time Software Engineering Educaton Tool for Online Teaching and Learning** Ketua Projek: • Dr. Noorrezam Yusop Ahli projek: • Dr. Nur Ilyana Ismarau Tajuddin	FKAB
Pemenang Utama *kategori IPT* Pertandingan Rekacipta & Inovasi Nasional (PRIN) Anjuran UKM **Tempat Kedua** *Kategori Sains* Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi Universiti Awam (PIITRAM) Anjuran USIM	**Smart Precision Fertigation System (Laman Prosumer)** Ketua Projek: • Dr. Khairul Nabilah Zainul Ariffin Ahli projek: • Muhammad Khairuz Zihani Kelana • Hairul Iskandar Hairulnizam • Siti Sarah Nabila Nor Zawawi • Nur Syuhada Amir	FKAB
Emas Pharm –IIDEx Anjuran UiTM **Emas** 3rd International Invention & Innovation in Dentistry Exhibition Anjuran UiTM	**Application of Normal Oral Mucosa 3D Model as Diagnostic Tools for Drug Evaluation** • Dr. Zulfahmi Said	FPG
Perak International, Innovation and Design Exposition IIDEx Anjuran UiTM	**Developing an Oral Health Education app (MySmile) for secondary school students in Malaysia** • Dr. Nazirah Ab Mumin	FPG
Emas International Digital Innovation in Wellness Exhibition (DInoWEx) Anjuran UM	**Innovation Idea Online Poster Presentation** • Prof. Madya Dr. Aspalilah Alias	FPG
Emas *(Kategori Sains and Teknologi)* International Science and Social Science Innovation Competition (ISICII) Anjuran Academic International Dialogue (AID Conference) **Emas** KNovasi 2021 Anjuran UKM	**Global Umrah Haji Game (GUG)** Ketua Projek: • Prof. Dr. Azman Ab Rahman Ahli projek: • Prof. Madya Dr. Mohammad Najib Jaafar Afaf Sukari • Mumammad Faiz Abd Shakor • Wan Mohammad Irfan Wan Mohd • Nurul Nadia Nozlan	FSU

Anugerah / Platform	Produk / Pemenang	Fakulti
Emas *(Kategori Sains dan Teknologi)* Carnival of Research and Innovation (CRI) Anjuran UMK **Emas** The Virtual International e-Content Development Competition 2021 Anjuran IIUM	**Gamifikasi Global Umrahaji Game (Gug) dalam Pengajaran dan Pembelajaran** Ketua Projek: • Prof. Dr. Azman Ab Rahman Ahli projek: • Prof. Madya Dr. Mohammad Najib Jaafar Afaf Sukari • Mumammad Faiz Abd Shakor • Wan Mohammad Irfan Wan Mohd • Nurul Nadia Nozlan	FSU
Emas International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2021 Anjuran Asia Pacific University of Technology and Innovation	**AniMe-Cs: An Animated Media Task for 21st Century Learning** Ketua Projek: • Prof. Madya Dr. Ramiaida Darmi Ahli projek: • Prof. Madya Dr. Noor Saazai Mat Saad • Prof. Madya Dr. Nurkhamimi Zainuddin	FPBU
Emas International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2021 Anjuran Asia Pacific University of Technology and Innovation	**Building an Alternative Online Formative Assessment Framework Using Aiwah Mobile Platform During the Covid-19** Ketua Projek: • Dr. Abdel Rahman Ibrahim Islaieh Ahli projek: • Dr. Hayati Ismail • Dr. Wan Ahmad Zakri Wan Kamaruddin • Dr. Rossidi Usop • Zulkarnin Zakaria • Mahiz Spawi • Mohd Firdaus Amran	KGI
Emas International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2021 Anjuran Asia Pacific University of Technology and Innovation	**MOOC: El-Hadeeqa** **El-Arabiyya** Ketua Projek: • Nur Hafizah Abd Aziz Ahli projek: • 'Aisyah Nabilah Md Tahir • Radziah Ismail • Afizzjah Artini Jusoh	FPBU

Bersambung ke halaman 84

Anugerah / Platform	Produk / Pemenang	Fakulti
Perak International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2021 Anjuran Asia Pacific University of Technology and Innovation	**Presenting the New Formula of News Writing Skills through Augmented Reality Technology** Ketua Projek: • Dr. Fauziah Hassan Ahli projek: • Dr. Sofia Hayati Yusoff • Nurul Izzati Mansor	FKP
Perak International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2021 Anjuran Asia Pacific University of Technology and Innovation	**Electronic Visual & Audio (EVA): A Self-directed Listening Practice for Language Learning Beyond the Classroom** Ketua Projek: • Dr. Nursyuhada' Ab Wahab Ahli projek: • Wan Faizatul Azirah Ismayatim • Dr. Hazlina Abdullah • Prof. Madya Dr. Ramiaida Darmi • Prof. Madya Dr. Noorsaazai Mat Saad • Airil Haimi Mohd Adnan • Melor Md Yunus • Harwati Hashim	FPBU
Perak International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2021 Anjuran Asia Pacific University of Technology and Innovation	**MOOC: One Health** Ketua Projek: • Dr. Suhaila Md Sanip Ahli projek: • Wan Faizatul Azirah Ismayatim • Dr. Hazlina Abdullah • Prof. Madya Dr. Ramiaida Darmi • Prof. Madya Dr. Noorsaazai Mat Saad • Airil Haimi Mohd Adnan • Melor Md Yunus • Harwati Hashim	FPSK
Gangsa International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2021 Anjuran Asia Pacific University of Technology and Innovation	**E-konsultasi klinik Guaman: Pembelajaran Maya berasaskan Kes Undang-Undang dan Syariah** Ketua Projek: • Dr. Norsuhaida Che Musa Ahli projek: • Dr. Zahari Mahad Musa • Dr. Henduk Abd Rahman Shah • Dr. Zulfaqar Mamat • Dr. Norman Zakiyy Chow Jen T Chiang • Dr. Noor Fajri Ismail • Dr. Norfadzlina Nawi	FSU

Jadual 4.5: Pencapaian staf akademik USIM dalam pelbagai pertandingan produk penyelidikan dan inovasi

Produk Inovasi Iktiraf Kreativiti Pelajar

Program pertandingan inovasi tidak hanya melibatkan para pendidik, malah pelajar juga diberi kesempatan untuk mempertandingkan idea-idea inovasi mereka, pelajar-pelajar USIM turut serta meraih kejayaan di pelbagai platform pertandingan inovasi. Berikut merupakan antara pencapaian pelajar yang berjaya mendapat pengiktirafan:

Anugerah / Platform	Produk / Pemenang	Fakulti
Juara keseluruhan *(Special Award) dan Emas* Karnival Inovasi Virtual UTeMEX Anjuran UTM, Melaka	**Smart Village: A Concept** • Ahmad Nazhan Sukri	FKAB
Perak Karnival Inovasi Virtual UTeMEX UTM, Melaka	**E-Prosumer:** **Smart Precision Fertigation System** • Hairul Iskandar Hairulnizam	FKAB
Emas Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi Universiti Awam (PIITRAM) Anjuran UMT	**Green Giver for Clean Enviroment (GGForCE): A Concept** • Nur Faqihah Osman	FKAB
First place PAM Annual Architecture Student Works Exhibition 2021 anjuran Persatuan Akitek Malaysia Anjuran PAM	**Virtual Exhibition (Group)** • Muhammad Syifaa Abdullah Zawawi • Muhammad Danish Qayyim Zulkhairi • Nurul Izzah Mohd Fadhil • Hannan Syahmi Azmi • Wan Noor Afifah Wan Aminuddin	FKAB
Second place PAM Annual Architecture Student Works Exhibition 2021 anjuran Persatuan Akitek Malaysia Anjuran PAM	**Killer Drawing** • Aiman Maisarah Muhammad Rizal	FKAB
Third place PAM Annual Architecture Student Works Exhibition 2021 anjuran Persatuan Akitek Malaysia Anjuran PAM	**3D Animation Video** • Anis Aishah Arazmi	FKAB
First place Z.ONE 32nd Architecture Student Workshop 2021 Anjuran UPM	**Design Competition – Smart Social Mobility** • Anis Aishah Arazmi Nurlis • Salmi Amaluddin Wan • Batrisyia Muhammad Firdaus	FKAB

Bersambung ke halaman 86

Anugerah / Platform	Produk / Pemenang	Fakulti
First place Z.ONE 32nd Architecture Student Workshop 2021 Anjuran UPM	**Talk Competition** • Nur Safirah Sofwah Maimun Aqsha Lubis	FKAB
Emas Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi Universiti Awam (PIITRAM) Anjuran UMT	**Edible pH Sensor for Smart Fresh Milk Packaging** • Nurul Aufa Zahidah Zulkarnay (K)	Tamhidi
Emas Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi Universiti Awam (PIITRAM) Anjuran UMT	**ArduPost: Floodwater Solution Tool for Urgency Purpose** • Nurul Aufa Zahidah Zulkarnay (K)	Tamhidi
Perak Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi Universiti Awam (PIITRAM) Anjuran UMT	**Magic Fabric** • Sabrina Sofian (K)	Tamhidi
Perak Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi Universiti Awam (PIITRAM) Anjuran UMT	**Interactive e-Learning AlChemy** • Syazwan Marzuki (K)	Tamhidi
Perak Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi Universiti Awam (PIITRAM) Anjuran UMT	**Banastic-Lizer** • Syahidil Erfan Syah bin Doris @Mohd Idrus (K)	Tamhidi
Perak Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi Universiti Awam (PIITRAM) Anjuran UMT	**Hydro Z Turbine** • Nur Khairunnajlaa Ismail (K)	Tamhidi

Jadual 4.6: Pencapaian pelajar USIM dalam pelbagai pertandingan produk penyelidikan dan inovasi

Produk inovasi Smart Precision Fertigation System (Laman Prosumer)

Daripada keseluruhan produk-produk inovasi yang dipertandingkan, produk inovasi Smart Precision Fertigation System (Laman Prosumer) telah diangkat sebagai Projek Misi USIM 2022 untuk dibangunkan di tanah milik YABhg. Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi, Pro Canselor USIM bertempat di Batu 20, Sg Lui, Hulu Langat.

Inovasi yang mengintergrasikan teknologi Internet of Things (IoT) dalam mengawal proses pembajaan, siraman dan meracun tanaman rock melon menggunakan telefon pintar, telah mengiktiraf kreativiti pelajar-pelajar jurusan Kejuruteraan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) pada Pertandingan Reka Cipta Inovasi Nasional (PRIN) 2021.

Berjaya menewaskan 105 peserta lain yang turut bertanding, projek inovasi yang dikenali sebagai Smart Precision Fertigation System (Sistem Fertigasi Ketepatan Pintar) ini membolehkan ia dikawal sepenuhnya oleh petani menggunakan telefon pintar atau tablet melalui aplikasi e-Prosumer, sambungan secara modul WiFi.

Penerbitan Jurnal Berimpak

Penulisan dan penerbitan yang dilakukan oleh para penyelidik di USIM menyasarkan jurnal berimpak seperti penerbitan dalam jurnal Scopus, WOS dan ERA. Penerbitan lain adalah dari jenis jurnal tidak berindek, buku penyelidikan, kajian kes dan penerbitan popular (iaitu artikel di dalam majalah atau surat khabar). Tahun 2021 mencatatkan peningkatan penerbitan dalam jurnal berindeks sebanyak 11 peratus dan citation sebanyak 32 peratus.

Penerbitan	2020	2021
SCOPUS/WOS/ERA	544	617
MyCite	252	310
Non-index Journal	288	306
Prosiding Berindeks	54	25
Citation	4282	6391
Buku Penyelidikan	35	38
Bab di dalam buku penyelidikan	89	47
Kajian Kes	5	1
Kertas Polisi	2	10
Penerbitan lain	962	1463
Jumlah Penerbitan	**2231**	**2817**

Jadual 4.7: Pencapaian USIM dalam penerbitan jurnal berimpak

Jurnal	2020	2021
Q1	**34**	**43**
Q2	**24**	**49**
Q3	**12**	**23**
Q4	**28**	**8**
Berindeks	**249**	**210**

Jadual 4.8: Pencapaian USIM dalam penerbitan jurnal QI-Q4 dan berindeks

Penerbitan Hasil Penyelidikan

Penerbitan merupakan salah satu wadah bagi perkongsian hasil penyelidikan serta pandangan, pengetahuan dan pengalaman. Ia juga merupakan salah satu medan komunikasi ilmu yang berlandaskan penulisan secara bersasar dan sistematik. Pelbagai aktiviti telah dijalankan di peringkat fakulti mahupun universiti bagi mendorong dan membimbing ahli akademik untuk menulis dan menerbitkan penulisan setiap tahun.

Antara penceramah jemputan yang telah dijemput untuk berkongsi ilmu berkaitan penulisan adalah Prof. Dato' Dr. Roslan Abd. Shukor (Universiti Kebangsaan Malaysia) melalui program anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) "The Art of Writing A Publishable Scientific Manuscript".

Penerbitan Buku Penyelidikan 2021

Skim penerbitan buku penyelidikan ialah skim khas bertujuan untuk memberi galakan dan membudayakan aktiviti penerbitan buku penyelidikan dalam kalangan kakitangan akademik USIM.

Skim ini ditawarkan kepada semua pensyarah Gred 45 ke atas dengan keutamaan diberikan kepada manuskrip daripada hasil penyelidikan yang berdaftar di bawah PPPI USIM. Berikut merupakan beberapa buah buku penyelidikan yang dihasilkan melalui skim ini:

Tajuk buku/ Penulis	Fakulti
Data Analysis with Classification and Optimisation: A Case Study on Rehabilitation • Prof. Madya Dr. Waidah Ismail	FST
Game-Based Technology for Rehabilitation • Prof. Madya Dr. Waidah Ismail	FST
Online Language Learning Culture: Building A Sustainable Education • Dr. Abdelrahman Ibrahim Suleiman Islaieh	KGI

Jadual 4.9: Senarai penerbitan buku penyelidikan 2021

Penganjuran Seminar dan Persidangan

Setelah dua tahun dilanda pandemik COVID-19, pada tahun 2021, USIM kembali menganjurkan beberapa siri seminar dan persidangan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa secara bersemuka dan secara maya bagi mengekalkan USIM di landasannya dalam memastikan keterlihatan USIM di luar kampus. Beberapa seminar telah berjaya dianjurkan seperti dalam jadual di bawah:

Penganjur	Seminar/Persidangan
FEM	• Seminar The 9th International Islamic Economic System 2021 (I-iECONS) yang diadakan pada 12-13 Julai 2021 secara dalam talian melalui platform Zoom • Seminar International Halal Management Conference 2021 (IHMC 2021) melalui aplikasi MS Teams yang diadakan pada 23-24 Ogos 2021
FKP	• Webinar Free Listening Service oleh pelajar praktikum Sarjana Kaunseling Keluarga • Seminar Antarabangsa Akidah, Agama & Sains Sosial 2021 (SIGMA 11) • 3rd International Conference on Islam, Media, and Communication (ICIMAC) • Persidangan Antarabangsa Dakwah dan Pengurusan Islam (IC-DAIM 2021)
FPG	• 7th Dental Student's Colloquium 2021 (25 Mac 2021)
FSU	• International Convention on The Basic Structure of Constitution (ICOBAC) 2021 - 15 & 16 Disember 2021 secara dalam talian (Zoom Meeting). *Kerjasama bersama Institut Tamadun dan Kajian Strategik ITKAS), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Islam Sultan Shariff Ali (UNISSA), Brunei dan Fakultas Hukum Universitas Jendral Soedirman (UNSOED), Indonesia.*
FPSK	• 8th USIM National Health Conference (NHS) 2021 - (Secara dalam talian pada 7hb Oktober)
FPBU	• International Language and Education Conference 2021 (iLEC2021) pada 2-3 November 2021 (secara maya)
FPQS	• Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-3 dengan tema Memartabatkan Kearifan Melayu Islam Nusantara - 17 Ogos 2021 • Seminar Wahyu Asas Tamadun Kali Ke-7 (SWAT 2021) 6 dan 7 Oktober 2021
JUU	• Webinar Harta Intelek bersiri pada 09 Jun, 16 Jun dan 23 Jun 2021

SULAM (Service-Learning Malaysia – University for Society)

SULAM (Service-Learning Malaysia – University for Society) merupakan salah satu kaedah PdP yang telah diperkenalkan pada tahun 2020 yang menggabungkan objektif pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti bagi menyelesaikan permasalahan setempat. Ia melibatkan interaksi pelajar dengan komuniti dengan menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari di dalam bilik kuliah.

1st National Conference SULAM telah diadakan pada 22 hingga 25 Oktober 2021 di Johor Baharu anjuran bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan KPT. Dalam pertandingan yang diadakan sempena persidangan ini, USIM telah berjaya meraih pingat perak (Kategori Pensyarah) bagi projek bertajuk Langkah-langkah Pencegahan COVID-19 Dalam Kalangan Kanak-kanak yang diketuai oleh Dr. Fathima Begum Syed Mohideen dari FST.

1st SULAM 2021
"Inspiring Learners, Empowering Community"
1st NATIONAL CONFERENCE ON SULAM 2021
SILVER Award
JPT UTM

SILVER MEDAL

Presented to

FATHIMA BEGUM SYED MOHIDEEN, NUR ADILAH ZAINAL, MARYAM AHMAD LUTFI, UMMI AMANI MOHD AZAM, MUHAMMAD AQIL MOHD SABRI, IZZUL HUZAIMI ZAINUDDIN

Project Title:

COVID-19 PREVENTION IN ADOLESCENT

at the

1st NATIONAL CONFERENCE on SULAM 2021
(22nd - 25th October 2021)

Organised by
Ministry of Higher Education
& Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

PROF. DR MOHD ZAKI BIN KAMSAH
Chairman,
1st National Conference on SULAM 2021

ASSOC. PROF. DR. WAN ZUHAINIS SAAD
Director Academic Excellence Division
Department of Higher Education Ministry of Higher Education
Malaysia

Jaringan Kerjasama (MoA/MoU/LoI)

USIM sentiasa komited dan membuka pintu untuk mengadakan jalinan kerjasama dan strategik di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Jalinan kerjasama ini dibuktikan dan dikukuhkan dengan Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA) dan Surat Niat (LoI). Tahun 2021, menyaksikan sebanyak enam MoU, 25 MoA dan tiga LoI dimeterai.

Memorandum Persefahaman USIM	Negara	Fakulti
Peringkat Kebangsaan		
• Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)		FEM
• USM Tombak		IFFAH
• Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali Berdaftar (YTI)		FEM
• UKM, UTM		FST/ IFFAH
• Jabatan Standard Malaysia (JSM)		IFFAH
• KKM		FPg
• UTHSB & Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)		FSU
• UKM, UM, UMT dan UPSI		FKP
• PERTIS		FPQS
• International Center For Education In Islamic Finance (INCEIF) dan Universiti Malaysia Kelantan		PPPI
• Universiti Sains Malaysia (USM)		Penerbit
• Dewan Bahasa dan Pustaka		Penerbit
• Intel Microelectronics (M) Sdn. Bhd.		FKAB
Peringkat Antarabangsa		
• University of Victoria Canada (UVic)	Canada	FKP
• Universitas BINA Nusatara (BINUS)	Indonesia	PPPI
• Prefectural University of Hiroshima	Japan	USIM 'ALAMIYYAH
• South Asian Institute for Islamic Finance	Maldives	FEM
• Japan Advances Institute of Science and Technology	Japan	FST
• Daffodil International University	Bangladesh	PPS
• Universiti Islam Sultan Sharif Ali	Brunei	FKP
• The Education Trust (Doha Academy of Tertiary Studies)	Mauritius	FPBU/ Pejabat TNCAA
• The Education Trust (Doha Academy of Tertiary Studies)	Mauritius	FPQS/ Pejabat TNCAA
• International Islamic University of Chittagong	Bangladesh	PPS
• University College of Bahrain (UCB)	Bahrain	Penerbit
• Daffodil International University (DIU)	Bangladesh	Penerbit

Jadual 4.11: Senarai MoA yang dimeterai USIM

Memorandum Perjanjian USIM	Negara	Fakulti
Peringkat Kebangsaan		
• Petronas		FKAB
• University of Southampton Malaysia		FKAB
• Synapse Innovation Sendirian Berhad		FKAB
• Talent Corporation Malaysia Berhad		Pusat Alumni dan Kerjaya
Peringkat Antarabangsa		
• Universitas Islam Negeri Profesor Kiai Haji Saifuddin Zuhri Purwokerto (UIN SAIZU)	Indonesia	FKP
• Universitas Medan Area (UMA)	Indonesia	IFFAH

Jadual 4.12: Senarai MoU yang dimeterai USIM

Surat Niat USIM	Negara	Fakulti
Peringkat Kebangsaan		
• SME Association of Malaysia		FEM
Peringkat Antarabangsa		
• Sekolah Tinggi Islam dan Bahasa Arab	Indonesia	FEM
• Universitas Indonesia	Indonesia	FEM

Jadual 4.13: Senarai LoI yang dimeterai USIM

Laporan Harta Intelek

Sejumlah 17 jenis harta intelek didaftarkan pada tahun 2021 oleh pihak PPPI. Melalui pendaftaran dua paten, 14 copyright-Voluntary Notification, dan satu trademark, penciptaan produk-produk yang dihasilkan penyelidik-penyelidik USIM dapat dipelihara. Terdapat penurunan dibandingkan pada tahun 2020 (45 jenis harta intelek yang telah didaftarkan).

Jenis Produk/ Nama Produk	Nama Ketua Pencipta	Fakulti	Myipo No
Patent			
• A Device for Cardiopulmonary Resuscitation Training and A Method for Operating Thereof	Prof. Madya Dr. Mohd Azmani Bin Sahar	FPSK	PI2021000661
• Development of An Impurity Analysis Method for Anticoagulant, Rivaroxaban in Pharmaceutical Dosage Form	Dr. Tan Ka Liong	FPSK	PI2021007956
Trademark			
• Logo Kobun Pokan	Lar. Dr. Noor Hayati Ismail	FKAB	TM2021035691 TM2021035692
Copyright			
• Aplikasi Permainan Mudah Alih Global Halal Game (GHG)	Prof. Dr. Azman Ab. Rahman	FSU	LY2021W05988
• Simulation of Disaster Management (Road Traffic Accident): Video	Prof. Madya Dr Mohd Azmani Bin Sahar	FPSK	FM2021W06174
• Muzium Adat Jelebu-Dokumentari	Dr. Hizral Tazzif Bin Hisham	FKP	FM2021W06175
• Explorasi Pelancongan	Dr. Hizral Tazzif Bin Hisham	FKP	FM2021W06176
• Theory of Islamic Funeral Management	Dr. Azrul Azlan Iskandar Mirza	FEM	LY2021W06187
• Charge- Coupled Device (CCD) Tomography System	Dr. Juliza Binti Jamaludin	FKAB	LY2021W06186
• Optical Tomography System Using Charge-Coupled Device (CCD)	Dr. Juliza Binti Jamaludin	FKAB	LY2021W06185
• Maqamat Profiling System	Dr. M Norazizi Sham Bin Mohd Sayuti	FKAB	LY2021W06188
• An Illegal Dumping Detection System	Dr. Wan Zakiah Binti Wan Ismail	FKAB	LY2021W06183
• Developing Students Writing Skills Using Augmented Reality	Dr. Fauziah Binti Hassan	FKP	LY2021W06182
• Model Pengajaran Balaghah PAK 21	Dr. Mohamed Hj Ibrahim	FPBU	LY2021W06180
• Integrating Word Board Game Module in Learning Quran For Visually Impaired	Dr. Hatika Kaco	KGI	LY2021W06177
• Borang Kaji Selidik Pembinaan Modul Pencegahan Dadah Berasaskan Psikopsiritual Islam	Prof. Madya Dr. Amin Al-Haadi Bin Shafie	FKP	LY2021W06179
• Sexual Dimorphism from Third Cervical Vertebrae (C3) On Lateral Cervical Radiograph A Geometric Morphometric Approach	Dr. Ku Mastura Binti Mohd Noor	FPSK	LY2021W06178

Jadual 4.14: Senarai harta intelek USIM

Projek Perundingan

Pada tahun 2021, sebanyak 11 buah projek perundingan peringkat kebangsaan telah didaftarkan dengan kos perundingan sebanyak RM240,350.22. Senarai bagi projek-projek perundingan USIM bagi tahun 2021 dipaparkan pada halaman 97.

Jenis Produk/ Nama Produk	Nama Agensi	Tempoh		Kos (RM)
		Mula	Tamat	
• Consumer Behaviour and Financial Vulnerability Survey	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)	1 Julai 2021	1 Julai 2021	50,265.64
• Kajian Pengurusan Keselamatan Pilihan Raya dalam Era Pandemik	Institut Keselamatan Awam Malaysia	1 Julai 2021	1 Julai 2021	20,000.00
• The Vaccine Survey	Malaysian Biotechnology Information Centre Berhad (741368-U)	1 Ogos 2021	1 Ogos 2021	7,500.00
• Bengkel Creativity Never Stops! How to Pitch:Teknik Penceritaan & Penyampaian Idea yang Berkesan	Perbadanan Filem Nasional Malaysia (FINAS)	31 Julai 2021	31 Julai 2021	10,000.00
• Kiple Pay Fraud Management System Maintenace	KiplePay Sdn. Bhd	1 Ogos 2021	1 Ogos 2021	50,000.00
• Jawatankuasa Penyemak dan Penilaian Al-Quran Braille (Lajnah Tasheh Al-Quran Braille)	Kementerian Dalam Negeri	21 Mac 2021	21 Mac 2021	4,400.00
• Projek Pembangunan Sistem Malaysia Urban Observatory (MUO) Fasa 1	MAP2u Sdn. Bhd	12 Ogos 2021	12 Ogos 2021	36,000.00
• Technical Evaluator (Freelance)	TNB Labs Sdn. Bhd	2 Jun 2021	2 Jun 2021	2,000.00
• Bengkel Latihan Peningkatan Kecekapan Kaunseling Penyalahgunaan Dadah	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	20 Oktober 2021	20 Oktober 2021	10,000.00
• Develop and Enhance halal2u Simulation Game for Halal Certification Training	International Future of Education Association (IFEA) (MM2H) Sdn Bhd	15 November 2021	15 November 2021	20,000.00
• Impact Study Assignment for Eslite Spectrum Malaysia Sdn Bhd for premises located in Bukit Bintang KL	Eslite Spectrum Malaysia Sdn Bhd	1 Disember 2021	1 Disember 2021	30,184.58
Jumlah				**240,350.22**

Jadual 4.15: Senarai projek perundingan USIM

Pencapaian Penerbitan USIM

Dalam tempoh 19 tahun usia Penerbit USIM, pelbagai genre penerbitan telah diterbitkan termasuk fokus utama dalam penerbitan ilmiah. Sepanjang tempoh pandemik juga, Penerbit USIM mengalami masa yang sukar apabila berdepan dengan pembekalan buku di pihak pencetak dan juga halangan jualan buku secara langsung dengan pembaca.

Namun dalam tempoh tersebut, penerbitan serta jualan buku diteruskan dengan norma dan cara baharu yang lebih kreatif agar buku-buku yang diterbitkan sampai ke tangan pembaca. Antara rangsangan yang digunakan dalam tempoh PKP ialah meningkatkan penerbitan buku secara e-book agar pembaca mempunyai alternatif untuk mendapatkan buku-buku USIM selain buku fizikal yang sedia ada.

Terbitan Buku

Genre	Jumlah Buku	
	2020	2021
Buku Ilmiah	45	50
Buku Teks/Modul	13	12
Umum/Kanak-Kanak/Lain-lain	5	2
Prosiding	5	7
Terjemahan	1	2
Siri Syarahan Perdana	0	1
JUMLAH	**69**	**74**

Jadual 4.16: Jumlah terbitan buku USIM mengikut genre

Terbitan e-Book

e-Book	Jumlah
Bahasa Melayu	25
Bahasa Inggeris	22
Bahasa Arab	1
JUMLAH	**48**

Jumlah pameran dan pesta buku serta jualan secara langsung (walk-in) menurun tetapi peningkatan ketara dapat dilihat melalui jualan buku secara dalam talian. Antara langkah yang diambil ialah dengan menggunakan platform Shopee bagi memudahkan pelajar dan orang ramai mendapatkan buku terbitan USIM. Walaupun dalam tempoh yang singkat, jualan dalam tempoh empat bulan (bermula pada Oktober 2020) agak memberangsangkan dengan jumlah jualan sekitar RM80,000.00.

Sebagai langkah promosi berterusan dengan pembaca, Penerbit USIM terus menggiatkan program kupasan buku dalam slot yang tidak asing lagi dengan penerbitan iaitu "Biar Buku Bicara (BBB)" dalam laman Facebook Penerbit USIM. Dalam segmen ini, para penulis atau panel yang diuandang akan berkongsi maklumat tambahan dan daya tarik mengapa pembaca harus memiliki buku tersebut. Antara BBB yang mendapat perhatian ialah berkaitan buku Refugees in Malaysia: Voices of the Displaced yang turut mengundang panel daripada Goethe University (Frankfurt, Jerman); Prof. Dr. Arndt Graft.

Dalam masa yang sama, Penerbit USIM mengambil inisiatif mewujudkan program temu bual santai bagi memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai aktiviti berkaitan penerbitan termasuk penulisan, penyuntingan, perekaan, pemasaran, penulisan dan penerbitan jurnal serta perkara lain yang berkaitan.

Aktiviti Penerbit USIM

Seminar/Persidangan	Penganjur
• Kembara Ilmu Xiamen	29 Januari 2021
• Peranan Institusi Zakat Dalam Mendepani Wabak Pandemik COVID-19 di Malaysia	18 Februari 2021
• Al-Syarah Al-Ilmi Li Al-Hadith Al-Nabawi	17 Mac 2021
• Aduhai Anak	1 April 2021
• Bicara Santai Penerbitan: Hakcipta dan Creative Common License	21 April 2021
• Bicara Santai Penerbitan: Peluang Terbit Buku di Penerbit USIM	4 Mei 2021
• Shariah Compliance and Product Development in Islamic Banking	28 Julai 2021
• Zoom Webinar Book Talk: The Theory of Wealth Circulation and the Risk Sharing in Islamic Finance (Towards a Design Thinking of Creating a Sustainable Financial System)	9 Ogos 2021
• Bicara Santai Penerbitan: Panduan Penerbitan Buku USIM	28 September 2021
• Bicara Santai Penerbitan: Penerbitan e-Book: Pengalaman USIM	28 September 2021
• Psikologi daripada Perspetif Islam dan Barat	26 Oktober 2021
• Memahami Ubat Penyakit Kencing Manis: Panduan Pesakit dan Penjaga	10 November 2021
• Refugees in Malaysia: Voices of the Displaced	16 November 2021

Jadual 4.18: Senarai aktiviti Penerbitan USIM

Langkah yang sama bagi tujuan promosi, pelancaran buku turut diadakan untuk meningkatkan keterlihatan buku tersebut dalam pasaran. Sebagai contoh Pelancaran Buku Harmonization, Decoration of Architectural Forms and Light yang dirasmikan oleh H.E.Mr. Ravshan Usmanov, Embassy of Republic of Uzbekistan di Malaysia pada 18 November 2021 di pejabat kedutaan tersebut. Uniknya buku tersebut turut digunakan di Uzbekistan sebagai buku rujukan pelajar.

Pengiktirafan Penerbit USIM

Jemputan Panel

Ketua Penerbit USIM, Puan Hariza Mohd Yusof telah terpilih sebagai wakil penerbit tunggal penerbit universiti dalam Dialog Penerbit Dunia Kuala Lumpur 2021 pada 18 Mac 2021.

Puan Hariza Mohd Yusof dan Cik Noor Adibah Mohamad terpilih untuk menyertai 6th Instanbul Fellowship Program 2021.

Puan Hariza Mohd Yusof dijemput sebagai Panel dan Moderator Seminar Kebangsaan Hak Cipta & Pengantarabangsaan Karya Malaysia pada 9-10 Ogos 2021

Buku USIM turut terpilih dalam pemilian tender dan juga menjadi rujukan di peringkat antarabangsa seperti berikut:



A

Pemilihan Buku Tajuk USIM bagi tender Perpustakaan Desa PNM

- **Halal Haram Haiwan Menurut Islam dan Fatwa di Malaysia**
  Penulis : Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Mohammad Najib Jaafar
- **Seni Taranum Al-Quran**
  Penulis : Mohd Zaini Zakaria / Adnan Mohamed Yusoff / Norakyairee Mohd Raus

B

Buku penerbitan USIM dijadikan sebagai rujukan di King Faisal University, Saudi Arabia

- **Governance& Shariah Audit in Islamic Financial Institutions- Second Edition**
  Penulis : Mustafa Mohd Hanefah, Zurina Shafii, Supiah Salleh, Nurazalia Zakaria Muhammad Iqmal Hisham Kamruddin



C

Judul terbaik telah tersenarai dalam 50 Judul Buku Terbaik Malaysia

- **The Theory of Wealth Circulation and The Risk Sharing in Islamic Finance: Towards a Design Thinking of Creating a Sustainable Financial System**
  Penulis : Mohd Daud Bakar
- **Halal Governance a Management: Malaysia & ASEAN Countries- Intermediate to Advance**
  Penulis : Nurul Aini Muhamed, Hakimah Yaakob & Nazlida Muhamad
- **Rawatan Sakit Cacingan Dalam Manuskrip Perubatan Melayu**
  Penulis : Muhammad Wildus Sempo, Nazariyah Yahaya, Malki Ahmad Nasir & Mohd Azmi Mohd Razif

Penutup

Untuk meningkatkan keterlihatan dan penglibatan Universiti Awam dalam agenda pembangunan negara, pengetahuan yang dihasilkan dari penyelidikan saintifik merupakan satu elemen penting bagi memastikan ekonomi negara berkembang pesat dan kebajikan rakyat adalah terjaga.

Kerajaan memberi penekanan kepada bidang penyelidikan dan inovasi, kejayaan penyelidikan adalah kritikal dalam meningkatkan kualiti pengajian tinggi ke arah menghasilkan harta intelek dan inovasi, mencipta ilmu baru dan menghasilkan penemuan baru yang berharga bagi membolehkan Malaysia menjadi hab pengajian tinggi yang unggul. Justeru, aktiviti penyelidikan seharusnya menjadi agenda utama di USIM. Dengan penyelidikan, kualiti pensyarah dapat ditingkatkan melalui perkongsian pintar. Perkongsian pintar ini berlaku apabila penukaran dan aliran maklumat berlaku secara bebas. Dalam konteks mikro, perkongsian pintar ini berlaku apabila hasil dapatan penyelidikan di USIM dibincangkan dalam persidangan, seminar, bengkel dan penulisan ilmiah yang diadakan dan dilaksanakan secara konsisten dengan matlamat tertentu.

5 Kecemerlangan Bakat dan Ikon

Dia memberikan hikmah kepada siapa yang Dia kehendaki. Barangsiapa diberi hikmah, sesungguhnya dia telah diberi kebaikan yang banyak. Dan tidak ada yang dapat mengambil pelajaran kecuali orang-orang yang mempunyai akal sihat.

Surah Al-Baqarah: Ayat 269

Disebalik kekangan disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia, kecemerlangan staf dan pelajar USIM dalam bakat terus berkembang pesat menerusi kepelbagaian platform dalam talian. Penglibatan dalam aktiviti berimpak tinggi dalam dan luar negara menjadikan kekangan ini bukan satu halangan tetapi kelebihan yang berjaya diterjemahkan dalam bentuk kejayaan.

2021 Bamboo Art Space Competition Ukur Kreativiti Pelajar Jurusan Senibina USIM

2021 Guangdong-Hongkong-Macau Greater Bay Area· Association of Southeast Asia Nations (ASEAN) International Colleges Design and Construction Competition merupakan sebuah pertandingan seni bina yang dianjurkan oleh Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), School of Architecture of the South China University of Technology, Nansha Bird Park, Guangzhou dengan kerjasama Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM), Pertubuhan Buluh Malaysia dan Malaysia Architecture Students Alliance (MASA) bagi mencungkil bakat muda dalam bidang Seni Bina.

Pertandingan bertaraf antarabangsa ini menjadi landasan untuk pelajar jurusan Seni Bina USIM untuk merasai pengalaman mereka bentuk binaan dan mengetengahkan kreativiti dan inovasi mereka dengan lebih jauh ke peringkat antarabangsa di samping menjadi objektif penganjur untuk meneroka mod baharu kerjasama inovatif sambil menarik semua universiti untuk mempamerkan kerjasama mendalam antara China dan ASEAN di bawah inisiatif "One Belt and One Road". Sebagai hasil, beberapa rekaan prototaip oleh pelajar USIM ini telah berjaya memenangi 2nd runner up 1, Honourable Mention 1 dan juga tersenarai sebagai finalis dari lebih 50 kumpulan yang bertanding setelah diumumkan dalam satu majlis yang dianjurkan secara dalam talian melalui Aplikasi Zoom pada 10 Oktober 2021.

Pertandingan bertaraf antarabangsa ini menjadi landasan untuk pelajar jurusan Seni Bina USIM untuk merasai pengalaman mereka bentuk binaan dan mengetengahkan kreativiti dan inovasi mereka dengan lebih jauh ke peringkat antarabangsa di samping menjadi objektif penganjur untuk meneroka mod baharu kerjasama inovatif sambil menarik semua universiti untuk mempamerkan kerjasama mendalam antara China dan ASEAN di bawah inisiatif "One Belt and One Road". Sebagai hasil, beberapa rekaan prototaip oleh pelajar USIM ini telah berjaya memenangi 2nd runner up 1, Honourable Mention 1 dan juga tersenarai sebagai finalis dari lebih 50 kumpulan yang bertanding setelah diumumkan dalam satu majlis yang dianjurkan secara dalam talian melalui Aplikasi Zoom pada 10 Oktober 2021.

Pelajar USIM Johan Tilawah dan Hafazan Peringkat Negeri

Dua pelajar USIM merangkul Johan Kategori Tilawah dan Johan Kategori Hafazan (1-30 juzuk) di Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Wilayah Persekutuan Tahun 1443H/2021M yang berlangsung secara dalam talian.

Muhammad 'Ammar Muhklis Abdul Mohsin, 23, dan Athirah Salihah Al Azmi, 23, masing-masing dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM5000, pakej menunaikan umrah, sijil dan trofi.

Dr. Muhammad Hafiz Saleh Terima Anugerah Khas Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka

Dr. Muhammad Hafiz Saleh yang mempunyai kepakaran dalam bidang al-Quran telah menerima Anugerah Khas Maulidur Rasul peringkat Negeri Melaka Tahun 1443H/2021M (Anugerah Tokoh al-Muqri') daripada Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam di Auditorium Masjid Masjid Al-Azim Melaka.

Pensyarah FPQS ini telah banyak menyumbang kepada pembangunan agama di Negeri Melaka. Beliau yang merupakan lulusan Universiti Islam Madinah di peringkat Sarjana Muda, menyambung pengajian peringkat sarjana di Univeristi Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sebelum menyelesaikan PhD di Universiti Malaya (UM) mempunyai kepakaran dalam bidang tahfiz dan Qiraat. Bidang kajian beliau yang menjurus kepada Pendidikan tahfiz di Malaysia ini memberi impak yang besar kepada pembangunan model tahfiz seterusnya meningkatkan tahap penguasaan al-Quran di kalangan hafiz dan hafizah di Malaysia.

Memartabatkan Kesenian dan Kebudayaan

USIM amat menekankan pemeliharaan warisan kesenian dan kebudayaan dalam kalangan warganya. Penglibatan USIM dalam arena seni dan kebudayaan melalui Pusat Kebudayaan telah membuka ruang dan peluang untuk warganya menyertai aktiviti-aktiviti kesenian dan program yang dianjurkan sama ada di dalam atau pun di luar negara.

Aktiviti/Program/Anugerah	Peneraju/Peserta/Penerima
Kategori Jabatan/Staf	
Pelancaran Produk Seni Berbudaya Buku Adab Dalam Teromba: Unsur Islam Dalam Kesusasteraan Melayu	• Pusat Kebudayaan USIM
Anugerah Gong Kencana MAKUM pada Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) Tahun 2021.	• Pusat Kebudayaan USIM
Anugerah Gendang Sari Utama MAKUM 2021 anjuran Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM)	• En. Ismail Ahmed, Pengarah Pusat Kebudayaan USIM
Tempat pertama, Pertandingan Gubahan Lagu Patriotik 2021 Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang	• En. Ismail Ahmed, Pengarah Pusat Kebudayaan USIM
Anugerah Gendang Sari MAKUM 2021 Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM)	• En. Mohamad Akmal Razali
Anugerah Lambang Sari MAKUM 2021 Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM)	• Pn. Farazilah Che Ani
Anugerah Lambang Sari MAKUM 2021 Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM)	• En. Muhammad Alif Omar Abdul Jalil
Anugerah Kenong Budi MAKUM 2021 Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM)	• En. Nur Azmi Tan Nur Azizi Tan

Aktiviti/Program/Anugerah	Peneraju/Peserta/Penerima
Kategori Pelajar	
Anugerah Gambang Mustika MAKUM 2021	• Kelab Seni Budaya USIM • Kumpulan Penyair Nasional (KHUPAS)
Anugerah Bonang Emas MAKUM 2021	• Muhammad Fadhil Arif
Anugerah Khas Juri	• Intan Aika Amira Azhari
Pertandingan Dendangan Syair Patriotik IPT 2021 Anjuran: Pusat Kebudayaan Universiti UKM dengan kerjasama KPT	• Muhammad Fadhil Arif
Johan Nasyid Talent Showcase Anjuran: Pusat Budaya dan Seni, UUM	• Kumpulan Nasyid Intracksee, Kelab Seni Budaya USIM

Khidmat Bakti Jadi Tauladan

Tahun 2021 juga menyaksikan warga USIM mendapat pengiktirafan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) Sempena Hari Keputeraan Ke-73 DYMM Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir Yang Di-Pertua Besar Negeri Sembilan. Antara penerima pingat adalah sebagaimana berikut:

Mantan Dekan FPQS iaitu Prof Madya Dr, Adnan Mohamed Yusoff yang kini merupakan Pengarah Institut Sains Islam menerima anugerah Darjah Setia Negeri Sembilan (D.N.S). Pengarah Pusat Kesihatan Universiti, Dr Nik Shafikudin Md Taujuddin dan Timbalan Bendahari Kanan, Puan Siti Nurbaya Ismail dianugerahkan Pingat Ahli Setia Negeri Sembilan (A.N.S). Manakala Puan Hermawatimazuen Bahari, Ketua Pembantu Tadbir yang berkhidmat di Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan Mohd Jamil Ahmad Mokhtar Pembantu Pustakawan Kanan yang bertugas di Jabatan Perpustakaan menerima Pingat Khidmat Cemerlang (P.M.C).

Pengurniaan darjah, bintang dan pingat kepada kakitangan USIM secara langsung merupakan satu bentuk penghargaan kepada sumbangan dan perkhidmatan yang cemerlang kepada universiti serta Negeri Sembilan. Istiadat Pengurniaan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Sembilan yang sepatutnya berlangsung pada 14 Januari di Istana Besar Seri Menanti lalu ditangguhkan atas titah DYMM Tuanku Muhriz susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pada tahun ini seramai 272 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat telah diiktiraf.

Penutup

Keberhasilan menghasilkan dan melahirkan bakat dan ikon dalam kalangan warganya perlu selari dengan aspirasi ekosistem institusi berpandukan nilai-nilai budaya tinggi dan profesional sepertimana yang digariskan dalam al-Quran dan sunnah. Ternyata kecemerlangan warganya dapat dilihat melalui pencapaian terbaik dalam pelbagai peringkat dan bidang tertentu di samping menjana ilmu baru berteraskan INAQ integrasi aqli dan naqli. Keberhasilan ini memenuhi aspirasi USIM dan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi 2015-2025.

USIM sentiasa berusaha untuk memastikan kualiti dan keupayaan warganya bergerak seiring dengan hasrat untuk menjadi Universiti Islam Glokal yang berimpak tinggi walaupun berdepan dengan pandemik COVID-19. Dengan kerjasama dan semangat sedia ada USIM mampu menangani pelbagai isu berbangkit terutama melibatkan norma baharu di peringkat awal hinggi ke akar umbi agar sama-sama menyumbang bakti, ilmu dan tenaga untuk mencapai visi dan misi USIM. Dalam usaha memposisikan USIM di mata dunia, USIM menggunakan pendekatan seimbang dengan menerapkan elemen-elemen yang memenuhi keperluan fizikal dan rohani merangkumi aspek akademik, pentadbiran dan pengurusan. Ia turut melibatkan pendekatan holistik dalam menyatukan ilmu naqli dan aqli hingga berjaya melahirkan golongan profesional dan tokoh-tokoh hebat dalam bidang masing-masing.

6 Memberdaya Kelestarian Kewangan

"Tidak akan berganjak kedua kaki seorang hamba pada Hari Kiamat sehingga ditanya tentang empat perkara: Tentang usianya pada apa dihabiskannya, tentang masa mudanya dan apa yang diperjuangkannya, tentang hartanya dari mana datangnya dan ke mana telah dibelanjakannya dan tentang ilmunya apa yang telah dibuatnya"
HR at-Tirmidzi: Hasan Sahih

Kerencaman perubahan semasa rentetan transisi daripada fasa pandemik kepada endemik telah memberi impak kepada kelestarian kewangan universiti dan fenomena ini sekali gus memberi cabaran baharu kepada USIM untuk memanfaatkan kepelbagaian sumber dan dana dengan melaksanakan perbelanjaan berhemah. Hala tuju efektif melibatkan peranan dan sumbangan yang mendorong kepada peningkatan kelestarian kewangan Universiti amat penting untuk dijadikan fokus utama agar mampu memenuhi peranan utama universiti sebagai pusat penyebaran Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli yang mampu berdiri teguh dalam menawarkan ruang ilmu dan pendidikan kepada seluruh anak watan. Ia selari dengan misi USIM pada tahun 2022 untuk melahirkan Universiti Sains Islam Glokal Berimpak Tinggi. USIM dibangunkan sebagai Kampus Barakah berasaskan nilai kendiri warganya melalui moto 'Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa' sejajar penawaran pendidikan aras tinggi sesuai dengan keupayaan ahli akademia yang diperakui keilmuannya.

Justeru itu, keseimbangan peranan USIM sebagai gedung kekayaan ilmu di samping usaha menjana pendapatan wajar diberi wacana baru bagi mengukuhkan tahap kelestarian kewangannya merujuk kepada Pelan Strategik USIM 2016-2025 yang memfokuskan kepada strategi komprehensif dalam usaha memacu kelestarian kewangan USIM. Usaha ini melibatkan penjanaan pendapatan yang efektif melalui pengukuhan strategi perolehan sumbangan, zakat, endowmen, geran penyelidikan dan industri, wakaf dan peranan Pusat Tanggungjawab (PTj) untuk memacu kestabilan perekonomian USIM. Selain itu, USIM mempunyai potensi, keupayaan dan sumber yang tidak terhad dalam berinovasi untuk mencipta ekosistem pembudayaan kewangan berhemah seperti mana yang dizahirkan melalui lima teras strategik USIM untuk tahun 2022.

Teras Strategik Kelestarian Kewangan

Bagi memastikan teras strategik Kelestarian Kewangan dicapai, pelbagai inisiatif kemapanan kewangan USIM wajar diberi perhatian khusus yang melibatkan penjanaan kewangan universiti melalui Enam Strategi Kelestarian Kewangan.



Rajah 6.1: Enam Strategi Kelestarian Kewangan USIM

Tahap Pencapaian Kelestarian Kewangan Tahun 2021

Pada tahun 2020 USIM telah mencatatkan sasaran kelestarian kewangan sebanyak 90.27% yang berjumlah RM68,377.439. Bagi tahun 2021, USIM telah menetapkan sasaran kelestarian kewangan sebanyak RM 2,900,000. Hasilnya, pencapaian yang berjaya dicapai pada tahun 2021 ialah 13 peratus yang mencatatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM375,789.00.

Strategi	Pencapaian (RM)
Kepelbagaian Sumber Dapatan	**14,820,012.06**
Penggunaan Aset yang Maksima	**304,467.00**
Kepelbagaian Hasil & Sumbangan	**7,695,719.37**
Kutipan Yuran melalui Program Akademik	**29,761,100.00**
Usaha Penjimatan Berterusan	**457,291.00**
Sumbangan Dapatan Perolehan & Anak Syarikat	**00.00**

Jadual 6.2: Pencapaian kewangan USIM bagi tahun 2021

Penjanaan Melalui Peranan Pejabat Naib Canselor (Penjanaan dan Kelestarian Kewangan)

PNC PKK - Pendekatan *Real Business*

MEDU Tourism Park

- Anggaran kos keseluruhan - RM600,000.00 (Tasik/ trek basikal/ hiking/ infra asas kawasan MEDU)
- *Launching grant* dari USIM - RM200,000.00
- Hasil *in-kind* :
  - Prasarana kondusif sebagai tarikan stakeholder dan awam
- Hasil (RM):
  - RM20,000.00 melalui penganjuran pertandingan 2022

Tajaan Biasiswa

- Sasaran Hasil - RM380,000.00

Dana Tidak Patuh Syariah

- Terimaan Sumbangan - RM30,000.00

Nombor Plat Kenderaan Universiti

- Anggaran Hasil Kasar - RM1 juta
  - Strategi semula yang tidak melibatkan modal universiti

Diversifikasi Pelaburan/Simpanan

- Peruntukan maksimum RM2 juta dari universiti untuk mempelbagaikan pulangan atas simpanan/ pelaburan
  - Proses kelulusan mengambil masa dan pulangan pertama dijangka pada tahun 2023

Rajah 6.3: Perancangan penjanaan Pejabat Naib Canselor (Penjanaan dan Kelestarian Kewangan)

Bagi tahun 2021, tiada peruntukan bajet diberikan kepada Pejabat Naib Canselor (Penjanaan dan Kelestarian Kewangan). Walau bagaimanapun, sejumlah sasaran telah disasarkan iaitu melalui penjanaan pendapatan sebanyak RM1,430,000.00. Namun, berdasarkan prestasi tahun 2021, PTj telah mencapai sasaran RM375,789.00 (Biasiswa).

Penjanaan Melalui Peranan Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ)

Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) USIM sentiasa komited dan berusaha sebaik mungkin untuk mentadbir urus dana dan setiap sen yang diperoleh daripada wang zakat, wakaf dan infaq yang disumbangkan oleh staf, alumni, badan korporat dan orang ramai dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya. Di USIM, jaminan kelestarian kewangan tidak hanya bergantung kepada yuran pengajian dan peranan dana kerajaan semata-mata sebaliknya PWZ mampu menjadikan USIM antara salah sebuah universiti awam yang mampu bergerak dengan sumbangan dan kutipan yang diperoleh demi kecemerlangan akademik anak bangsa. Saban tahun, PWZ menyasarkan peningkatan jumlah kutipan dan sumbangan dari pelbagai pihak sama ada dalam kalangan warganya atau pihak luar.

Pada tahun 2021, prestasi kutipan zakat adalah mencatatkan jumlah kutipan sebanyak RM4,235,675.00 berbanding RM3,596,208.57 pada tahun 2020. Salah satu faktor peningkatan kutipan zakat pada tahun 2021 adalah berpunca daripada kaedah potongan gaji yang dilaksanakan dalam kalangan kakitangan USIM dan kaedah ini berjaya membawa unjuran peningkatan kutipan zakat sebanyak 5.12% sehingga Disember 2021.

Sumbangan	Kutipan (RM)
Organisasi Luar	**1,379,749.00**
Individu	**165,643.08**
Potongan Gaji	**2,696,282.47**
Jumlah	**4,235,675.00**



Rajah 6.4: Jumlah Kutipan Zakat oleh PWZ bagi tahun 2021

Kaedah yang sama turut mendorong peningkatan kutipan wakaf dan infaq apabila masing-masing mencatatkan jumlah kutipan sebanyak RM298,113.39 dan RM61,523.42 pada tahun 2021. Peningkatan jumlah kutipan wakaf turut didorong oleh peranan PWZ sebagai mutawalli oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang berhak menguruskan segala aset dan projek wakaf di USIM. Manakala, bagi infaq dan endowmen, PWZ turut berperanan sebagai agen yang menerima sumbangan infaq dan endowmen untuk disalurkan kepada warga USIM dalam pelbagai aktiviti dan projek yang memberi manfaat melalui pelaksanaannya.



Graf 6.5: Peningkatan kutipan wakaf oleh PWZ melalui potongan gaji bermula tahun 2015-2021

Sehingga ke hari ini, dana yang diperoleh PWZ melalui zakat, wakaf dan infaq telah menyumbang dalam pelbagai program di peringkat universiti. Misalnya, dana Fi sabilillah melalui agihan zakat kepada golongan pelajar dan staf yang layak. Sejajar dengan matlamat penubuhan PWZ, kepelbagaian mekanisme sumbangan diberi tumpuan tambahan lagi melibatkan kebajikan pendidikan. Seterusnya, melalui dana wakaf PWZ juga telah berjaya mewujudkan sebuah Klinik Pakar Kesihatan dan Klinik Pakar Pergigian di samping beberapa projek berskala kecil yang melibatkan beberapa PTj dan fakulti di USIM. Manakala bagi projek infaq pula, PWZ telah melancarkan beberapa projek bersifat kebajikan bertujuan meringankan beban warga USIM dan masyarakat setempat.

Sejajar dengan peranan PWZ untuk memastikan kelestarian kewangan, pelbagai rangka promosi untuk menggalakkan warga USIM berganding bahu dan terlibat secara langsung dalam meningkatkan kutipan dan sumbangan zakat, wakaf dan infaq. Antara promosi yang dijalankan secara berkala ialah Kempen Jom Infaq, Kempen Wakalah Wakaf dan kempen Tukar PCB ke Zakat. Saban tahun, PWZ menyasarkan jumlah kutipan dan sumbangan kian meningkat bagi memastikan USIM terus cemerlang dalam usaha pembangunan sahsiah serta berdaya saing dengan dana kewangan yang lestari. Di samping itu, PWZ turut merencana pelbagai program, projek dan aktiviti melibatkan agihan asnaf miskin dan fisabilillah antaranya bantuan komputer riba, bantuan perubatan dan kos rawatan, program baucar buku, Program Keusahawanan Siswa dan lain-lain.

Jaringan Kerjasama UTHSB dalam Usaha Memperkasakan Kepelbagaian Sumber

Pada 17 Mac 2009, USIM Tijarah Holdings Sdn Bhd (UTHSB) telah ditubuhkan sebagai commercial arm USIM untuk menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan bagi menjana pendapatan kepada universiti. UTHSB turut berperanan untuk menghubungkan pihak universiti dengan komuniti perniagaan dan korporat mempelopori bidang perniagaan yang berpotensi meliputi bidang pendidikan, perundingan, perubatan & kesihatan, pengurusan aset, kandungan kreatif dan sebagainya.

UTHSB ialah syarikat subsidiari milik penuh USIM yang sentiasa mengorak langkah dan usaha untuk menawarkan pelbagai perkhidmatan berkualiti tinggi dalam usaha menjadi syarikat terbaik dan produktif yang diiktiraf. Fokus utama UTHSB adalah berdasarkan perancangan dalam pelan Perniagaan USIM Tijarah Holdings Sdn. Bhd. 2021. Sehubungan itu, UTHSB amat komited untuk memastikan setiap projek yang dilaksanakan berjaya dan mengikut garis panduan untuk memenuhi keselesaan dan matlamat pelanggan. Hasilnya, bagi tahun kewangan 2021 pendapatan kumpulan UTHSB merekodkan peningkatan yang memberangsangkan sebanyak RM 1,1651,730 (31.5%) berbanding tahun 2020. Justeru itu, jumlah keuntungan kasar pada tahun 2021 telah dicatatkan sebanyak RM4,405,729.

Sejajar dengan keuntungan yang dicatatkan terdapat pelbagai projek, program dan aktiviti yang telah dijalankan memandangkan UTHSB sentiasa membuka ruang seluas-luasnya kepada pelbagai pihak menyumbang kepakaran dan teknologi bertujuan untuk memenuhi keperluan dan permintaan semasa. Antara program jaringan terbesar yang dilaksanakan oleh UTHSB adalah melancarkan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) IPT Mega USIM.

Ia melibatkan kerjasama dua hala antara UTHSB dan USIM yang diuruskan sepenuhnya oleh anak syarikat UTHSB iaitu USIM HealthCare Sdn. Bhd (UHSM). Program ini telah menjadikan PPV IPT Mega USIM menyumbang sebanyak 26 peratus pembentukan imuniti kelompok di Negeri Sembilan dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19. Malahan, yang amat membanggakan ialah PPV IPT Mega USIM telah diiktiraf antara tiga PPV terbaik di peringkat kebangsaan.

Selain itu, UTHSB turut menjalankan kerjasama dalam jaringan melibatkan aspek akademik. Ia melibatkan program Diploma Pasca Siswazah Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan kerjasama Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) bermula tahun 2019 hingga kini memasuki Kohot ke-7. Impak daripada jaringan akademik ini telah memberi ruang kepada 96 pelajar lulus di dalam Pengambilan Khas Guru Secara One Off pada tahun 2021/2022. Pada tahun 2022, USIM Tijarah merancang untuk melebarkan jaringan kerjasama dengan universiti luar dalam usaha mengendalikan program eksekutif.

Memperkukuh Kewangan Melalui Inisiatif Pusat Tanggungjawab (PTj)

Dalam usaha memperkukuhkan kewangan kampus terdapat pelbagai usaha dan inisiatif murni yang telah digerakkan di peringkat PTj seiring dengan perkembangan dan perubahan semasa. Kini, universiti perlu menerima hakikat bahawa pembiayaan kerajaan untuk pengurusan dan operasi universiti semakin berkurang. Bertepatan dengan Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-1025, kerajaan menggesa agar pihak institusi pengajian tinggi (IPT) mampu menjana ekonomi sendiri bagi mengurangkan kebergantungan kepada pihak kerajaan.

Aktiviti	Penjanaan (RM)
Penjanaan PTj	**RM 710,597.80**
Yuran Pelajaran	**RM 30,045,093.92**
Sewaan Fasiliti	**RM 30,4467.00**
JUMLAH	**RM31,060,158.72**

Jadual 6.6 Sumber Penjanaan bagi tahun 2021

Justeru itu, PTj di USIM sentiasa bersedia dan berusaha meneroka idea baharu bagi merancang strategi serta model perniagaan yang dapat menjana pendapatan universiti menggunakan sumber sedia ada. Jadual 6.7 menunjukkan sumber penjanaan bagi tahun 2021 yang diperoleh oleh USIM melalui aktiviti perkhidmatan, sewaan dan penjualan yang ditawarkan.

Pendekatan proaktif lain yang dilaksanakan oleh PTj adalah dengan menjalin kerjasama erat dengan pihak industri iaitu melalui penawaran program yang relevan dan memenuhi keperluan semasa industri, Antara contoh jalinan kerjasama adalah pelaksanaan Program Certified Professional Shariah Auditor (CPSA) yang dijayakan oleh Fakulti Ekonomi & Mualamat dan Islamic Banking dengan Finance Institute Malaysia (IBFIM). Kebersamaan dan kerjasama baik kedua belah pihak terbukti apabila USIM mencapai keuntungan sekitar RM245,772.40 melalui yuran peperiksaan program CPSA bagi tahun 2021.

Program ini merupakan sebuah program profesional dalam bidang syariah yang ulung kali ditawarkan dengan kerjasama antara akademik dan pihak industri. Jadual 6.8 menunjukkan sumber penjanaan oleh Fakulti Ekonomi & Muamalat melalui Program Certified Professional Shariah Auditor (CPSA) bagi tahun 2020 dan 2021.

Pusat Tanggungjawab (PTj)	Inisiatif	Tahun	Penjanaan (RM)
Fakulti Ekonomi & Muamalat (Kluster Accounting, Shariah, and Governance)	Yuran Peperiksaan Program CPSA	2020	**179,000**
		2021	**245,772.40**

Jadual 6.7 Sumber Penjanaan Program CPSA oleh Fakulti Ekonomi & Muamalat (Kluster Accounting, Shariah, and Governance) bagi tahun 2020 & 2021

Penutup

Bagi mengekalkan ekosistem kecemerlangan dalam sektor pendidikan, USIM akan terus berusaha memastikan lonjakan penjanaan dilaksanakan secara berperingkat melalui kepelbagaian sumber sedia ada. Ia penting untuk memastikan keberhasilan nilai dan produktiviti warganya dapat dijana dalam merealisasikan pelaburan pendidikan yang berimpak tinggi selari dengan misi dan visi USIM yang ingin dicapai pada tahun 2022. Namun, kini negara masih dalam fasa pemulihan untuk bergerak menuju fasa endemik yang menuntut fokus dan perhatian khusus melibatkan aspek pengurusan kewangan di peringkat universiti. Situasi mencabar ini sedikit sebanyak membawa satu dimensi dan cabaran baru kepada semua pihak terutamanya pengurusan universiti untuk memastikan perbelanjaan yang dilaksanakan adalah berhemah.

USIM sentiasa kreatif dan inovatif meneroka ruang kepelbagaian untuk mengenal pasti sumber pendapatan alternatif dan berpotensi yang mampu mendorong penjanaan kewangan universiti dari semasa ke semasa. Pada hari ini, USIM dilihat sebagai salah sebuah universiti yang mampu menyumbang kepada pembangunan rekayasa sosial masyarakat melalui pendidikan seiring dengan usaha dan strategi pemerkasaan kelestarian kewangan yang akan dijalankan secara berterusan. Hingga kini, USIM sedaya upaya memanfaatkan pelbagai kepakaran melibatkan warganya dan teknologi sedia ada untuk digunakan sebaiknya bagi tujuan penjanaan pendapatan universiti di samping memastikan peranan universiti sebagai pusat pengembangan dan penyebaran ilmu.

Petunjuk Prestasi

Petunjuk Prestasi Utama dan Pencapaian USIM Bagi Tahun 2021

Bil.	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran	Pencapaian
1	Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pada tahun konvokesyen.	85%	94.6%
2	Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti.	1	0.7
3	Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	6.0	9.8
4	Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 50 teratas berdasarkan QS World University Rankings by Subject.	Nil	Nil
5	Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 51 – 200 teratas berdasarkan QS World University Rankings by Subject.	Nil	Nil
6	Jumlah penjanaan pendapatan sendiri berbanding jumlah perbelanjaan mengurus yang telah ditetapkan.	15%	17.74%
7	Peratus keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti:		
	(i) Sarjana Muda	2	3.54%
	(ii) Sarjana	1%	0.1%
	(iii) PhD	1%	0%
	(iv) Diploma Siswazah	0%	0%
8	Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (GoT) di universiti:		
	(i) Sarjana Muda	95%	95.8%
	(ii) Sarjana	50%	94.3%
	(iii) PhD	30%	71.03%
9	Bilangan pelajar antarabangsa di universiti.	1000	723

Prestasi Kewangan

Tahun kewangan 2021 merupakan tahun kewangan kedua dimana penyata kewangan Kumpulan menggunapakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Ia digunakan bermula tahun kewangan 2020 menggantikan Piawaian Pelaporan Entiti Berasingan Malaysia (MPERS) yang digunapakai dari 2016 sehingga 2019. Penyata Kewangan ini telah disatukan bersama penyata kewangan USIM Tijarah Holdings Sdn Bhd (UTHSB), sebuah anak syarikat pegangan penuh USIM. UTHSB meggunakan MPERS sebagai piawaian pelaporan mereka.

Pendapatan

Pendapatan USIM pada tahun 2021 berjumlah RM258.81 juta berbanding RM262.02 juta pada tahun 2020, penurunan sebanyak RM3.21 juta (1.2%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM241.42 (93.28%) merupakan urus niaga bukan pertukaran, RM11.57 (4.47%) adalah urus niaga pertukaran dan RM5.82 juta (2.25%) adalah lain-lain hasil.



	Urus Niaga Bukan Pertukaran	Urus Niaga Pertukaran	Lain-Lain Hasil
2021	241,420,879	11,572,901	5,817,239
2020	245,181,549	11,504,743	5,337,364



URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN 2021



URUS NIAGA PERTUKARAN 2021

LAIN-LAIN HASIL 2021

Perbelanjaan

Perbelanjaan Universiti pada tahun 2021 adalah sebanyak RM272.25 juta berbanding RM280.78 juta tahun 2020, penurunan sebanyak RM8.53 juta (3.04%). 56.35% daripada perbelanjaan universiti adalah perbelanjaan Emolumen manakala 29.64% adalah belanja Perkhidmatan dan Bekalan. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap pula 1.83% manakala susutnilai 10.57% serta elaun rosot nilai 0.61% dan perbelanjaan lain 1.00%



PERBELANJAAN USIM 2021

	Emolumen	Perkhidmatan dan Bekalan	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	Susut Nilai	Elaun Rosot Nilai	Perbelanjaan Lain
2021	153,423,143	80,702,468	4,977,982	28,768,036	1,657,978	2,719,688
2020	142,315,400	101,509,817	6,951,644	28,745,719	1,007,497	254,666

Aset dan Liabiliti

Jumlah Aset Tetap USIM pada tahun 2021 adalah sebanyak RM721.29 juta berbanding dengan RM730.33 juta pada tahun 2020, penurunan sebanyak RM9.04 juta (1.24%). Ini disebabkan oleh penambahan dalam susutnilai terkumpul untuk Hartanah, Loji dan Peralatan. Jumlah Aset Semasa pada tahun 2021 pula adalah sebanyak RM122.93 juta berbanding dengan RM134.28 juta pada tahun 2020. Ini merupakan penurunan sebanyak RM11.35 juta (8.45%).

Liabiliti bukan semasa Universiti untuk tahun 2021 adalah RM3.24 juta menurun RM0.04 juta (2020,RM3.28 juta). Ini disebabkan oleh penukaran piawaian daripada Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Liabiliti semasa juga menurun kepada RM238.02 juta (2021) dari RM593.29 juta (2020). Ini juga disebabkan oleh perubahan dalam piawaian perakaunan yang digunakan.

Pendapatan Mengurus

Pendapatan Mengurus bagi tahun 2021 merangkumi 3 kategori iaitu urus niaga bukan pertukaran, urus niaga pertukaran dan lain-lain hasil. Urus niaga bukan pertukaran RM205.21 juta (98.03%) termasuk geran pemberian kerajaan RM171.72 juta, hasil yuran RM28.71 juta, hasil denda RM4.29 juta dan masing-masing hasil sewaan dan hasil sumbangan, RM0.11 juta dan RM0.37 juta. Terdapat didalam urus niaga pertukaran (RM2.71 juta, 1.30%) adalah hasil perkhidmatan RM0.56 juta, hasil hibah RM2.06 juta, hasil seminar RM0.01 juta dan hasil jualan 0.08 juta.







Perbelanjaan Mengurus USIM 2021 berjumlah RM211.98 juta berbanding RM216.36 juta dalam tahun 2020, pengurangan sebanyak RM4.38 juta (2.02%). Emolumen tahun 2021 berjumlah RM148.32 juta berbanding RM139.42 juta dalam tahun 2020, peningkatan sebanyak RM8.90 juta (6.38%). Perbelanjaan Perkhidmatan Dan Bekalan tahun 2021 berjumlah RM56.48 juta berbanding RM69.23 juta dalam tahun 2020, pengurangan sebanyak RM12.75 juta (18.42%). Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Tetap tahun 2021 berjumlah RM4.09 juta berbanding RM2.40 juta dalam tahun 2020, penurunan sebanyak RM1.69 juta (41.32%). Perbelanjaan lain termasuk susutnilai RM2.26 juta, elaun rosot nilai RM1.56 juta dan perbelanjaan lain RM0.96 juta.

Laporan Ringkasan Kedudukan Kewangan dan Prestasi 2021

Tahun	2017	2018	2019	2020	2021
	RM	RM	RM	RM	RM
Penyata Pendapatan dan Pendapatan Komprehensif Lain					
Jumlah Pendapatan	265,895,216	267,173,352	270,781,717	262,051,443	**258,811,019**
Jumlah Perbelanjaan	262,051,443	286,108,785	280,351,162	280,858,546	**272,249,295**
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai	393,243	(18,928,694)	(9,569,445)	(18,895,328)	**(13,740,009)**

Tahun	2016	2017	2018	2019	2020
	RM	RM	RM	RM	RM
Penyata Kedudukan Kewangan					
Aset Bukan Semasa	485,802,040	735,545,948	742,530,700	730,327,533	**721,286,595**
Aset Semasa	159,857,033	132,964,089	153,680,446	134,281,678	**122,930,957**
Liabiliti Bukan Semasa	586,709,393	551,638,733	594,796,355	3,277,203	**3,237,479**
Liabiliti Semasa	18,167,902	15,967,743	11,974,613	593,294,790	**238,021,012**

Tahun	2016	2017	2018	2019	2020
	RM	RM	RM	RM	RM
Nisbah Kewangan					
Nisbah Semasa	8.33	8.33	12.83	0.23	**0.52**
Nisbah Kecairan	6.96	6.58	10.39	0.19	**0.40**
Jumlah Liabiliti / Jumlah Aset	0.94	0.65	0.68	0.69	**0.71**
Modal Digunakan / Jumlah Liabiliti	0.07%	-3.33%	-1.58%	-3.17%	**-2.28%**
Modal Digunakan /Aset Tetap	0.06%	-2.18%	-1.07%	-2.19%	**-1.63%**

Laporan
Ketua Audit Negara

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 34.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] serta Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Universiti Sains Islam Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] serta Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau

kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Sains Islam Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Sains Islam Malaysia atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 11 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Universiti Sains Islam Malaysia perlu membuat pelarasan terhadap geran pembangunan supaya selaras dengan dasar perakaunan yang ditetapkan, serta memastikan rekod transaksi geran tersebut adalah kemas kini dan teratur. Langkah penambahbaikan terhadap sistem dan prosedur perlu diambil bagi memastikan rekod transaksi geran sentiasa kemas kini, teratur dan jelas (understandability).

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Sains Islam Malaysia berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] serta Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DR. NOR HAIZA BINTI ABD AZIZ@JUNED)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
28 SEPTEMBER 2022

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Kami, **YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri** dan **YBrs. Profesor Ts. Dr. Sharifudin Md. Shaarani** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA** dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,

Nama : YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri

Gelaran : Pengerusi Lembaga Pengarah

Tarikh : 02 JUN 2022

Bagi Pihak Lembaga,

Nama : YBrs. Profesor Ts. Dr. Sharifudin Md. Shaarani

Gelaran : Timbalan Naib Canselor (Menjalankan fungsi sebagai Naib canselor)

Tarikh : 02 JUN 2022

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Saya, **YBhg. Puan Siti Nurbaya Binti Ismail**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **Universiti Sains Islam Malaysia**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendaknya Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Nilai, Negeri)
Sembilan pada **0 2 JUN 2022**)

.....

Di hadapan saya,

.....
PESURUHJAYA SUMPAH

PESURUHJAYA SUMPAH
N 113
Nordiana Binti Nordin
Jabatan Undang - Undang
Universiti Sains Islam Malaysia
1.5.2021 - 31.12.2023
MALAYSIA

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KUMPULAN 2021 RM	KUMPULAN 2020 RM Dinyatakan semula	KUMPULAN 2019 RM Dinyatakan semula	UNIVERSITI 2021 RM	UNIVERSITI 2020 RM Dinyatakan semula	UNIVERSITI 2019 RM Dinyatakan semula
ASET SEMASA							
Tunai Di Bank Dan Di Tangan	4	17,495,959	18,230,735	13,261,061	13,162,086	16,055,530	11,854,835
Simpanan Tetap	5	78,173,083	94,485,228	111,139,760	78,173,083	94,485,228	111,139,760
Deposit Dan Bayaran Terdahulu	6	4,548,632	4,634,190	5,393,392	3,812,906	4,204,391	5,033,163
Lain-Lain Belum Terima	7	15,179,532	6,253,755	12,319,935	18,077,512	9,211,735	17,823,540
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	8	1,862,697	2,645,680	3,442,756	489,847	529,384	923,060
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	9	5,384,925	7,757,086	6,504,280	5,500,660	7,757,086	6,504,280
Inventori	10	286,129	246,870	219,817	-	-	-
JUMLAH ASET SEMASA		122,930,957	134,253,544	152,281,001	119,216,094	132,243,354	153,278,638
ASET BUKAN SEMASA							
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	8	796,852	1,072,028	889,720	796,852	1,072,028	889,720
Pelaburan Dalam Anak Syarikat	11	-	-	-	2,510,624	2,510,624	-
Pembinaan Dalam Kemajuan	12	17,138,403	7,131,391	52,727,017	17,138,403	7,131,391	52,727,017
Aset Tidak Ketara	13	170,737	330,254	435,481	170,737	330,254	435,481
Hartanah, Loji Dan Peralatan	14	703,180,603	721,213,841	683,070,114	702,465,252	720,799,357	682,721,406
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		721,286,595	729,747,514	737,122,332	723,081,868	731,843,654	736,773,624
JUMLAH ASET		844,217,552	864,001,058	889,403,333	842,297,962	864,087,008	890,052,262
LIABILITI SEMASA							
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	15	4,918,039	5,058,379	6,272,463	3,311,135	4,467,559	5,754,487
Lain-Lain Belum Bayar	16	5,401,073	5,357,432	3,789,999	4,919,209	4,170,590	2,768,055
Pajakan Kewangan	17	15,064	4,175	4,171	64	61	57
Pinjaman Lain	18	39,182	-	-	-	-	-
Manfaat Pekerja Jangka Pendek	19	1,444,322	1,140,570	1,889,775	1,444,322	1,140,570	1,889,775
Geran/Pendapatan Tertunda	20	225,905,312	232,574,669	239,695,966	225,905,312	232,574,669	239,695,966
Peruntukan Cukai		298,020	86,326	1,304	-	-	-
JUMLAH LIABILITI SEMASA		238,021,012	244,221,551	251,653,678	235,580,042	242,353,449	250,108,340
LIABILITI BUKAN SEMASA							
Pajakan Kewangan	17	595,929	340,993	341,054	340,929	340,993	341,054
Pinjaman Lain	18	210,818	-	-	-	-	-
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	19	2,424,672	2,737,331	1,894,929	2,424,672	2,737,331	1,894,929
Peruntukan Cukai Tertunda	21	6,060	2,113	-	-	-	-
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		3,237,479	3,080,437	2,235,983	2,765,601	3,078,324	2,235,983
JUMLAH LIABILITI		241,258,491	247,301,988	253,889,661	238,345,643	245,431,773	252,344,323
ASET BERSIH		602,959,061	616,699,070	635,513,672	603,952,319	618,655,235	637,707,939
ASET BERSIH							
Lebihan Terkumpul Kumpulan Wang	22	605,952,319	620,655,235	639,707,939	603,952,319	618,655,235	637,707,939
Kerugian Terkumpul Anak Syarikat	23	(2,993,258)	(3,956,165)	(4,194,267)	-	-	-
JUMLAH ASET BERSIH		602,959,061	616,699,070	635,513,672	603,952,319	618,655,235	637,707,939

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KUMPULAN 2021 RM	KUMPULAN 2020 RM Dinyatakan semula	UNIVERSITI 2021 RM	UNIVERSITI 2020 RM Dinyatakan semula
HASIL					
Urus Niaga Bukan Pertukaran	24	241,420,879	245,181,549	241,489,519	245,214,189
Urus Niaga Pertukaran	25	11,572,901	11,504,743	4,772,732	6,097,113
Lain-Lain Hasil	26	5,817,239	5,337,364	5,670,530	5,141,234
JUMLAH HASIL		258,811,019	262,023,656	251,932,781	256,452,536
Tolak: PERBELANJAAN					
Emolumen	27	153,423,143	142,315,400	151,792,502	140,803,963
Perkhidmatan Dan Bekalan	28	80,702,468	101,509,817	79,366,267	100,394,385
Pemberian Dan Kenaan Bayaran	29	4,977,982	6,951,644	2,500,258	4,482,581
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan		28,768,036	28,745,719	28,695,063	28,672,437
Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan		2,532,304	700	2,532,304	700
Susut Nilai Aset Tidak Ketara		159,517	230,187	159,517	230,187
Hutang Lapuk		4,667	1,057	4,667	1,057
Elaun Rosot Nilai	30	1,657,978	1,007,497	1,561,919	932,109
Kos Kewangan		23,200	22,722	23,200	22,513
JUMLAH PERBELANJAAN		272,249,295	280,784,743	266,635,697	275,539,932
KURANGAN SEBELUM CUKAI		(13,438,276)	(18,761,087)	(14,702,916)	(19,087,396)
Tolak: CUKAI	31	301,733	88,207	-	-
KURANGAN BERSIH TAHUN SEMASA		(13,740,009)	(18,849,294)	(14,702,916)	(19,087,396)
KURANGAN BERSIH TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA					
Pemilik yang Mengawal		(13,740,009)	(18,849,294)	(14,702,916)	(19,087,396)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

KUMPULAN

	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Pinjaman	Kumpulan Wang Penyelidikan	Kumpulan Wang Asrama	Kumpulan Wang Pendapatan	Kumpulan Wang Wakaf	Kumpulan Wang Zakat	Kerugian Terkumpul Anak Syarikat	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2021											
Baki pada 1 Januari 2021	19,956,994	16,110,923	579,440,968	2,136,380	319,691	576,288	203,692	1,910,299	-	(3,956,165)	616,699,070
Perubahan dalam tahun semasa	16,247,408	(1,579,118)	(16,076,688)	-	-	-	-	-	1,408,398	-	-
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	(2,653,340)	159,010	(6,641,637)	50,686	(24,253)	(6,001,559)	-	155,118	253,059	962,907	(13,740,009)
Baki pada 31 Disember 2021	33,551,062	14,690,815	556,722,643	2,187,066	295,438	(5,425,271)	203,692	2,065,417	1,661,457	(2,993,258)	602,959,061
2020											
Baki pada 1 Januari 2020	33,252,641	15,236,069	586,091,090	2,082,464	398,055	716,225	203,692	1,727,703	-	(4,194,267)	635,513,672
- Seperti dinyatakan terdahulu											
Kesan Pemakaian MPSAS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 1 Januari 2020	33,252,641	15,236,069	586,091,090	2,082,464	398,055	716,225	203,692	1,727,703	-	(4,194,267)	635,513,672
- Seperti dinyatakan semula											
Perubahan dalam tahun semasa	-	34,692	-	-	-	-	-	-	-	-	34,692
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	(13,295,647)	840,162	(6,650,122)	53,916	(78,364)	(139,937)	-	182,596	-	238,102	(18,849,294)
Baki pada 31 Disember 2020	19,956,994	16,110,923	579,440,968	2,136,380	319,691	576,288	203,692	1,910,299	-	(3,956,165)	616,699,070

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

UNIVERSITI

	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Pinjaman	Kumpulan Wang Penyelidikan	Kumpulan Wang Asrama	Kumpulan Wang Pendapatan	Kumpulan Wang Wakaf	Kumpulan Wang Zakat	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM		RM
2021										
Baki pada 1 Januari 2021	17,956,994	16,110,923	579,440,968	2,136,380	319,691	576,288	203,692	1,910,299	-	618,655,235
Perubahan dalam tahun semasa	16,247,408	(1,579,118)	(16,076,688)	-	-	-	-	-	1,408,398	-
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	(2,653,340)	159,010	(6,641,637)	50,686	(24,253)	(6,001,559)	-	155,118	253,059	(14,702,916)
Baki pada 31 Disember 2021	31,551,062	14,690,815	556,722,643	2,187,066	295,438	(5,425,271)	203,692	2,065,417	1,661,457	603,952,319
2020										
Baki pada 1 Januari 2020	31,252,641	15,236,069	586,091,090	2,082,464	398,055	716,225	203,692	1,727,703	-	637,707,939
- Seperti dinyatakan terdahulu										
Kesan Pemakaian MPSAS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 1 Januari 2020	31,252,641	15,236,069	586,091,090	2,082,464	398,055	716,225	203,692	1,727,703	-	637,707,939
- Seperti dinyatakan semula										
Perubahan dalam tahun semasa	-	34,692	-	-	-	-	-	-	-	34,692
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	(13,295,647)	840,162	(6,650,122)	53,916	(78,364)	(139,937)	-	182,596	-	(19,087,396)
Baki pada 31 Disember 2020	17,956,994	16,110,923	579,440,968	2,136,380	319,691	576,288	203,692	1,910,299	-	618,655,235

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM Dinyatakan semula	2021 RM	2020 RM Dinyatakan semula
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
KURANGAN SEBELUM CUKAI	**(13,438,276)**	**(18,761,087)**	**(14,702,916)**	**(19,087,396)**
Pelarasan bagi perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana :				
Hasil daripada Geran Mengurus	(171,724,900)	(170,994,946)	(171,724,900)	(170,994,946)
Pelunasan Geran	(29,221,194)	(35,301,566)	(29,221,194)	(35,301,566)
Hasil Hibah dan Pelaburan	(2,121,419)	(3,360,170)	(2,119,208)	(3,344,025)
Rebat atas pajakan kewangan	(4,114)	-	-	-
Susutnilai Hartanah Loji dan Peralatan	28,768,036	28,745,719	28,695,063	28,672,437
Hapuskira Hartanah Loji dan Peralatan	2,532,304	700	2,532,304	700
Susutnilai Aset Tidak Ketara	159,517	230,187	159,517	230,187
Elaun Rosot Nilai	1,657,978	1,007,497	1,561,919	932,109
Hutang Lapuk	4,667	1,057	4,667	1,057
Peruntukan Manfaat Pekerja	1,067,466	1,900,579	1,067,466	1,900,579
Untung Dari Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan	(300)	(7,200)	2,300	(7,200)
Perbelanjaan Pembinaan Dalam Kemajuan	96,582	5,080,225	96,582	5,080,225
Belanja Faedah	23,570	22,722	23,200	22,513
Kurangan Pendapatan sebelum perubahan Modal Kerja	**(182,200,083)**	**(191,436,283)**	**(183,625,200)**	**(191,895,326)**
Perubahan Modal Kerja :				
Pergerakan Bersih dalam Inventori	(39,259)	(27,053)	-	-
Pergerakan Bersih dalam Belum Terima	(7,015,450)	3,998,064	(7,874,007)	6,215,677
Pergerakan Bersih dalam Deposit dan Bayaran Terdahulu	85,558	759,202	391,485	828,772
Pergerakan Bersih dalam Belum Bayar	(96,699)	349,512	(407,805)	111,770
Pergerakan Bersih dalam Manfaat Pekerja	(1,076,373)	(1,807,382)	(1,076,373)	(1,807,382)
Tunai digunakan untuk operasi :	**(190,342,306)**	**(188,163,940)**	**(192,591,900)**	**(186,546,489)**
Faedah Dibayar	(23,570)	(18,885)	(23,200)	(18,676)
Cukai Dibayar	(85,091)	(1,072)	-	-
Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi	**(190,450,967)**	**(188,183,897)**	**(192,615,100)**	**(186,565,165)**
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(12,794,905)	(5,598,115)	(12,554,729)	(5,459,057)
Penerimaan daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	10,200	7,200	(2,300)	7,200
Pembelian Aset Tidak Ketara	-	(124,960)	-	(124,960)
Penambahan Pelaburan Dalam Anak Syarikat	-	-	-	(2,510,624)
Penambahan Pembinaan Dalam Kemajuan	(10,442,127)	(20,776,630)	(10,442,127)	(20,776,630)
Faedah Diterima	2,134,202	3,781,694	2,131,991	3,765,549
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	**(21,092,630)**	**(22,710,811)**	**(20,867,165)**	**(25,098,522)**
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Terimaan Geran, Bersih	196,179,540	200,290,099	196,179,540	200,290,099
Pelarasan Pendapatan Tertunda	(1,902,803)	(1,114,884)	(1,902,803)	(1,114,884)
Terimaan daripada pinjaman lain	250,000	-	-	-
Perbelanjaan daripada Pelbagai Tabung dan Akaun Amanah	-	34,692	-	34,692
Bayaran Balik Pajakan Kewangan	(30,061)	(57)	(61)	(57)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	**194,496,676**	**199,209,850**	**194,276,676**	**199,209,850**
(KURANGAN)/LEBIHAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	(17,046,921)	(11,684,858)	(19,205,589)	(12,453,837)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	112,715,963	124,400,821	110,540,758	122,994,595
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	**95,669,042**	**112,715,963**	**91,335,169**	**110,540,758**
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERMASUK :-				
Wang Di Tangan Dan Baki Di Bank	17,495,959	18,230,735	13,162,086	16,055,530
Simpanan Tetap	78,173,083	94,485,228	78,173,083	94,485,228
	95,669,042	**112,715,963**	**91,335,169**	**110,540,758**

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	JUMLAH BAJET ASAL RM	JUMLAH BAJET AKHIR RM	JUMLAH SEBENAR RM	VARIAN BAJET^ RM	%
PERUNTUKAN					
Pemberian Kerajaan	160,135,000	171,724,900	171,724,900	-	-
Yuran Pengajian dan Asrama	35,000,000	34,600,000	29,248,014	5,351,986	18.30
Hasil Hibah	3,300,000	2,000,000	1,856,996	143,004	7.70
Pelbagai Sumber Lain	21,565,000	11,275,100	5,351,720	5,923,380	110.68
	220,000,000	**219,600,000**	**208,181,630**	**11,418,370**	
PERUNTUKAN					
Gaji dan Upahan	102,645,196	100,296,552	96,272,646	4,023,906	4.18
Elaun/Imbuhan Tetap	31,232,147	31,232,000	32,328,901	(1,096,901)	(3.39)
Sumbangan Berkanun	15,900,000	15,900,000	18,322,125	(2,422,125)	(13.22)
Elaun Lebih Masa	-	-	555,277	(555,277)	(100.00)
Faedah - faedah Kewangan Yang Lain	358,423	358,000	1,862,720	(1,504,720)	(80.78)
JUMLAH EMOLUMEN	**150,135,766**	**147,786,552**	**149,341,670**	**(1,555,118)**	
Perbelanjaan Perjalanan dan Sarahidup	1,000,000	1,000,000	270,778	729,222	269.31
Pengangkutan Barang-barang	-	-	20,330	(20,330)	(100.00)
Perhubungan dan Utiliti	14,000,000	10,104,537	9,622,330	482,207	5.01
Sewaan	8,282,500	8,712,266	7,816,335	895,931	11.46
Bekalan Bahan Mentah, Penyelenggaraan dan Pembaikan	-	300,000	312,601	(12,601)	(4.03)
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	6,000,000	4,432,000	4,452,360	(20,360)	(0.46)
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	8,000,000	10,521,894	10,057,964	463,930	4.61
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	29,054,234	32,915,251	29,777,082	3,138,169	10.54
JUMLAH PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	**66,336,734**	**67,985,948**	**62,329,780**	**5,656,168**	
HARTA MODAL	**-**	**1,100,000**	**1,195,769**	**(95,769)**	(8.01)
Biasiswa dan Dermasiswa	2,500,000	2,500,000	1,421,490	1,078,510	75.87
Pemberian Dalam Negeri	-	300,000	210,245	89,755	42.69
Manfaat Kakitangan dan Ganjaran	1,027,500	1,027,500	779,829	247,671	31.76
JUMLAH PEMBERIAAN DAN KENAAN BAYARAN	**3,527,500**	**3,827,500**	**2,411,564**	**1,415,936**	
JUMLAH	**220,000,000**	**220,700,000**	**215,278,783**	**5,421,217**	

^Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2021

1. MAKLUMAT UMUM

a. Penubuhan

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada asalnya merupakan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang telah ditubuhkan di bawah Peruntukan (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan telah diwartakan pada 13 Mac 1998 dan mula beroperasi pada tahun 2000.

b. Pertukaran Status

KUIM telah dinaiktaraf dan diwartakan kepada sebuah Universiti dikenali sebagai Universiti Sains Islam Malaysia berkuatkuasa pada 1 Februari 2007.

c. USIM tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia (P.U. (A) 395).

d. Aktiviti Utama

USIM merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang ditubuhkan bertujuan:-

i. untuk mempelopori dan memartabatkan pendidikan Sains Islam ke arus perdana pendidikan Negara

ii. melahirkan ilmuwan berpendidikan sepadu yang menggabungkan ilmu Sains dan Islam untuk menerajui pembangunan negara ke arah ekonomi berinovasi;

iii. meneroka dan mengembalikan kegemilangan keilmuan Islam yang terbilang sesuai dengan persekitaran, ilmu dan teknologi terkini; dan

iv. menerokai segala ilmu dalam bidang yang berkaitan dengan sains, teknologi dan pengurusan sumber alam melalui penyelidikan multi-disiplin.

e. Mata Wang Fungsian

i. Penyata kewangan Universiti dan Kumpulan dibentangkan dalam mata wang fungsian, yang mana merupakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi.

ii. Mata wang fungsian Universiti adalah Ringgit Malaysia ("RM"), di mana aktiviti utama jualan dan pembelian adalah dalam RM, dan dana daripada aktiviti pembiayaan dijana dalam RM.

iii. Bagi tujuan penyata kewangan disatukan, penyata kewangan Universiti dan Kumpulan dicatatkan dalam RM, yang mana merupakan mata wang fungsian Universiti, dan mata wang pembentangan untuk penyata kewangan disatukan.

f. Alamat kampus induk Universiti adalah di Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan

g. Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 2 Jun 2022

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

a. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

i. ASAS PERAKAUNAN

Bermula tahun kewangan 2020, Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan telah disediakan berdasarkan kelaziman kos sejarah selain dari yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Penyata Kewangan entiti yang dikawal pula disediakan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

ii. ASAS PENYATUAN

Penyediaan penyatuan Penyata Kewangan bagi Kumpulan telah mengambil kira semua pelarasan MPERS kepada MPSAS.

Penyata Kewangan disatukan adalah merangkumi Penyata Kewangan USIM dan subsidiarinya. Syarikat subsidiari adalah entiti yang dikawal oleh USIM. Kawalan wujud apabila USIM mempunyai kuasa mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah syarikat entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktivitinya.

Pelaburan dalam syarikat diambil kira dalam penyata kewangan berasingan USIM pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi Urus Niaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama.

Penyata Kewangan disatukan bermula dari tarikh kawalan sehingga tarikh Universiti berhenti mengawalnya. Sebarang perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan entiti dikawal dan nilai bawaan pada tarikh kawalan hilang, adalah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan disatukan sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan anak syarikat.

Semua transaksi dan baki sesama Kumpulan serta keuntungan atau kerugian yang tidak diiktiraf akan dihapuskan di dalam penyata kewangan disatukan.

iii. PENGGUNAAN ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN

Penyediaan penyata kewangan selaras dengan MPSAS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran serta andaian yang mempengaruhi pemakaian dasar perakaunan serta pelaporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Nilai sebenar mungkin berbeza berbanding dengan anggaran.

Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

a. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (sambungan)

iv. PIAWAIAN YANG TELAH DIKELUARKAN DAN BERKUATKUASA

Kumpulan dan Universiti telah menggunapakai piawaian-piawaian berikut yang telah dikeluarkan dan berkuatkuasa serta relevan kepada Kumpulan dan Universiti. Piawaian-piawaian tersebut telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2017.

MPSAS 1	-	Pembentangan Penyata Kewangan
MPSAS 2	-	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	-	Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 4	-	Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing
MPSAS 9	-	Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran
MPSAS 12	-	Inventori
MPSAS 13	-	Pajakan
MPSAS 14	-	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
MPSAS 17	-	Hartanah, Loji dan Peralatan
MPSAS 19	-	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
MPSAS 20	-	Pendedahan Pihak Berkaitan
MPSAS 21	-	Penjejasan Aset Tidak Menjana Tunai
MPSAS 23	-	Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
MPSAS 24	-	Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
MPSAS 25	-	Manfaat Pekerja
MPSAS 26	-	Penjejasan Aset Menjana Tunai
MPSAS 28	-	Instrumen Kewangan - Persembahan Kewangan
MPSAS 29	-	Instrumen Kewangan - Pengiktirafan dan Pengukuran
MPSAS 30	-	Instrumen Kewangan - Pendedahan
MPSAS 31	-	Aset Tidak Ketara
MPSAS 33	-	Pemakaian Awal Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
MPSAS 34	-	Penyata Kewangan Diasingkan
MPSAS 35	-	Penyata Kewangan Disatukan
MPSAS 38	-	Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain

Pemakaian piawaian-piawaian di atas tidak memberi kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Universiti selain yang dinyatakan sebaliknya di dalam nota yang berasingan.

iv. PIAWAIAN YANG TELAH DIKELUARKAN TETAPI BELUM BERKUATKUASA

Tiada piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa dan digunapakai awal oleh Kumpulan dan Universiti di dalam penyediaan penyata kewangan ini.

b. INVENTORI

Inventori direkodkan pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih. Inventori dipegang untuk diagihkan bagi tujuan manfaat awam direkodkan pada nilai terendah antara kos atau kos penggantian semasa. Jika inventori diperoleh tanpa sebarang kos, atau pada pertimbangan nominal, kos tersebut diandaikan sebagai nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Kos inventori terdiri daripada kos belian, kos pertukaran, dan kos lain yang ditanggung bagi membawa inventori ke lokasi dan keadaan kini, dikira menggunakan Kaedah Purata Wajaran.

c. ASET KEWANGAN

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga Urus Niaga, termasuk kos Urus Niaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah Urus Niaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan dan kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh urus niaga itu dibuat, iaitu tarikh dimana Kumpulan dan Universiti membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut

Kumpulan dan Universiti hanya mempunyai kategori-kategori aset kewangan berikut:

i. Pinjaman dan Akaun Belum Terima

Pinjaman dan akaun belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai pembayaran tetap atau pembayaran yang tidak tersiar harga di dalam pasaran aktif. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada nilai kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambilkira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Pinjaman dan akaun belum terima diklasifikasi sebagai aset semasa kecuali pinjaman dan akaun belum terima di mana tarikh matang adalah melebihi 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasi sebagai aset bukan semasa.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

a. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (sambungan)

c. ASET KEWANGAN (sambungan)

ii. Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap akan diklasifikasikan sebagai dipegang hingga matang apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan dipegang hingga matang akan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambilkira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap pelaporan, Kumpulan dan Universiti akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosotnilai. Bukti objektif termasuklah: (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam; (ii) pembayaran tertunggak; (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif yang ketara wujud bagi individu maka semua aset dalam Kumpulan dan Universiti yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosotnilai.

Kerugian rosotnilai berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Kumpulan dan Universiti akan menyahiktiraf aset kewangan atau, jika berkenaan, sebahagian daripada aset kewangan atau sebahagian daripada sekumpulan aset kewangan apabila:

i. Hak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah luput atau dikecualikan;

ii. Kumpulan dan Universiti telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada atau telah menerima obligasi untuk membayar aliran tunai yang diterima secara penuh tanpa kelewatan material kepada pihak ketiga; dan sama ada: (i) Kumpulan dan Universiti telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset; atau (ii) Kumpulan dan Universiti tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tetapi telah memindahkan kawalan aset tersebut.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa aset kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan diterima adalah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

d. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Penyediaan Penyata Aliran Tunai adalah menggunakan kaedah tidak langsung. Untuk tujuan Penyata Aliran Tunai, Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada tunai di tangan, tunai di bank dan simpanan tetap yang ditempatkan di institusi kewangan yang mempunyai kecairan yang tinggi yang tidak tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang ketara.

e. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkanya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Jika suatu aset diperoleh melalui Urus Niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan kepada nilai saksama pada tarikh perolehan. Kemudian, aset-aset akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut yang mana ia perlu diiktirafkan di dalam liabiliti dahulu sehingga syarat-syarat tersebut dipenuhi.

Hartanah, Loji dan Peralatan yang memenuhi kriteria-kriteria hartanah, loji dan peralatan dari segi kos jangka hayat melebihi satu tahun akan dipermodalkan. Hartanah, loji dan peralatan yang tidak memenuhi kriteria hartanah, loji dan peralatan akan diambil kira sebagai perbelanjaan tahun semasa.

Pembelian barangan bernilai RM3,000 dan ke atas diambil kira sebagai Harta Modal, manakala barangan bernilai di bawah RM3,000 diambil kira sebagai Inventori. Pengiktirafan Kenderaan sebagai aset mengambil kira perbelanjaan terlibat iaitu cukai jalan dan insuran.

Pembelian perabot dikategorikan sebagai Inventori tanpa mengambilkira nilai pembelian berkuatkuasa 1 April 2010 sehingga 6 Januari 2020. Bermula 6 Januari 2020, pembelian perabot akan direkodkan seperti di perenggan 4, Nota 2(e).

Bagi Tanah Pajakan dan Bangunan dan Ubahsuai Bangunan, nilai bawaan akan dikira sebagai kos anggapan. Kos anggapan tidak dikira sebagai penilaian semula atau pemakaian model nilai saksama untuk pengiraan seterusnya.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan dengan membandingkan hasil jualan bersih dan nilai buku bersih bagi hartanah, loji dan peralatan tersebut dan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

e. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

Susut Nilai

Susutnilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran jangka hayat Hartanah, Loji dan Peralatan. Susutnilai penuh dikenakan dalam tahun perolehan atau pembelian dan tiada susutnilai dikenakan dalam tahun penjualan. Tanah pegangan bebas dan pembinaan dalam kemajuan tidak disusutnilaikan.

Polisi untuk kadar susutnilai tahunan Hartanah, Loji dan Peralatan telah ditetapkan seperti berikut:

Tanah Pajakan	Mengikut Tempoh Pajakan
Aset Wakaf	2%
Bangunan dan Ubahsuai Bangunan	2%
Alat Perhubungan	5%
Infrastruktur	5%
Alat Bantuan Mengajar dan Pandang Dengar	20%
Alat Kelengkapan, Sukan dan Kebudayaan	20%
Alat Keselamatan	20%
Aset Asrama, Perabot dan Pemasangan	20%
Aset Perubatan	20%
Kenderaan dan Jentera	20%
Komputer dan Rangkaian	20%
Mesin dan Alat Pejabat	20%

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, nilai baki bersih dan usia penggunaan aset akan disemak dan diselaraskan jika bersesuaian dan aset perlu disemak sama ada terdapat petunjuk rosot nilai.

f. ASET TIDAK KETARA

Aset Tidak Ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset Tidak Ketara yang dibeli secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, Aset Tidak Ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan Aset Tidak Ketara yang dijanakan secara dalaman diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu Aset Tidak Ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika Aset Tidak Ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Aset Tidak Ketara yang terdiri daripada perisian akan dipermodalkan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran tempoh penggunaan yang dijangka pada kadar 20%

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan keadaan pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberikan kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu dan akan dilaraskan secara prospektif, jika perlu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Aset Tidak Ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian dalam Penyata Prestasi Kewangan.

g. ROSOT NILAI ASET BUKAN KEWANGAN

i. **Aset Penjanaan Tunai**

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan dan Universiti mengkaji semula nilai dibawa aset-asetnya bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika wujud sebarang petunjuk, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih ada nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Nilai dalam penggunaan ditentukan dengan mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, Urus Niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada Urus Niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi sesuatu aset hendaklah dibalikkan jika, dan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

ii. **Aset Penjanaan Bukan Tunai**

Kumpulan dan Universiti akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud maka Kumpulan dan Universiti akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

g. ROSOT NILAI ASET BUKAN KEWANGAN (sambungan)

ii. Aset Penjanaan Bukan Tunai (sambungan)

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Kumpulan dan Universiti telah menggunapakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di dalam pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian yang mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Kumpulan dan Universiti menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan dan Universiti menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak boleh melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

h. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

Pembinaan Dalam Kemajuan adalah kerja-kerja yang melibatkan projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambil kira adalah kos yang terlibat berdasarkan kepada bayaran kemajuan. Kos pembinaan akan dipermodalkan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Sebarang bayaran tambahan akan dicajkan ke aset berkenaan dalam tahun berkenaan. Tiada susutnilai dikenakan bagi pembinaan dalam kemajuan.

i. LIABILITI KEWANGAN

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos Urus Niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menerbitkan liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan atau pinjaman dan belum bayar.

Kumpulan dan Universiti mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

i. Pinjaman dan Akaun Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan akaun belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh.

Sebarang Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

j. PAJAKAN KEWANGAN

Pajakan kewangan yang mana Kumpulan dan Universiti menanggung risiko dan menerima ganjaran atas pemilikan aset dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Hartanah, loji dan peralatan yang dimiliki melalui pajakan kewangan akan dipermodalkan, dinyatakan pada nilai setara dengan nilai terendah nilai saksama dan nilai semasa pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Obligasi sepadan berkaitan dengan prinsipal diakaunkan sebagai liabiliti dan caj pembiayaan dikenakan ke atas Penyata Prestasi Kewangan sepanjang tempoh pelan pajakan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

k. MANFAAT PEKERJA

Liabiliti akan diiktiraf bagi amaun yang dijangka perlu dibayar sekiranya Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi perundangan atau obligasi yang konstruktif untuk menyelesaikan tanggungan sebagai gantian kepada perkhidmatan lepas yang diberikan kepada pekerja dan tanggungan tersebut boleh diukur secara saksama.

i. **Manfaat Pekerja Jangka Pendek**

Gaji dan upah, elaun, imbuhan tahunan dan faedah bukan kewangan seperti cuti rehat tahunan, cuti bersalin, cuti sakit dan sebagainya diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja Kumpulan dan Universiti. Selain itu, Kumpulan dan Universiti juga telah mengakaunkan bayaran pampasan bagi staf kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka pendek.

ii. **Pelan Caruman Tetap**

Kumpulan dan Universiti membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi staf yang memilih faedah KWSP atau Kumpulan Wang Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang telah diletakkan di dalam skim pencen.

Caruman ini akan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja.

iii. **Gantian Cuti Rehat (GCR)**

Liabiliti Kumpulan dan Universiti berkenaan dengan GCR dikira dengan menganggar amaun manfaat masa hadapan yang diperoleh oleh pekerja sebagai balasan kepada perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan tempoh terdahulu, manfaat tersebut didiskaun untuk menentukan nilai kininya.

Sebarang kos perkhidmatan lampau yang tidak diiktiraf dan nilai kini pelan aset, jika ada perlu ditolak. Kadar diskaun adalah kadar hasil bon pada tarikh pelaporan. Apabila keputusan pengiraan menguntungkan Kumpulan dan Universiti, aset yang diiktiraf dihadkan kepada jumlah kos perkhidmatan terdahulu yang tidak diiktiraf, dan nilai kini manfaat ekonomi yang boleh didapati dalam bentuk pulangan daripada pelan atau pengurangan caruman kepada pelan di masa hadapan.

Bagi mengira nilai kini manfaat ekonomi, pertimbangan diberikan kepada mana-mana keperluan pembiayaan minima yang terpakai kepada mana-mana pelan dalam Kumpulan dan Universiti jika ia boleh direalisasikan dalam tempoh hayat pelan tersebut, atau pada masa penyelesaian pelan liabiliti. Semua perubahan dalam liabiliti, termasuk untung atau rugi aktuari, diiktiraf sepenuhnya dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ia berlaku.

l. PERUNTUKAN LIABILITI

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran munasabah boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

m. CUKAI

Universiti adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah perenggan 13 Jadual 6, Bahagian 1, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi hasil dividen.

Perbelanjaan cukai pendapatan anak syarikat yang diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan adalah terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah jangkaan cukai pendapatan yang perlu dibayar berhubung dengan keuntungan yang boleh dicukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf di dalam liabiliti semasa setakat yang tidak berbayar. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh-tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf di dalam aset semasa.

Liabiliti dan aset cukai semasa diimbangi hanya apabila Kumpulan mempunyai hak yang sah di sisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa di dalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh cukai. Aset cukai tertunda pula diiktiraf bagi perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai yang tidak digunakan pada tahap di mana ia digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan, kecuali apabila ia timbul daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibah yang terhasil dan muhibah negatif.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

n. LIABILITI DAN ASET LUAR JANGKA

Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul daripada peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan penuh Kumpulan dan Universiti juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Kumpulan dan Universiti. Kumpulan dan Universiti tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

o. PENGIKTIRAFAN HASIL

Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

i. Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan dan penyelidikan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan mengikut kos projek yang telah siap, aset yang dibeli dan dibelanja pakai habis.

ii. Denda dan penalti merupakan bayaran denda, penalti dan termasuk tuntutan bayaran balik mungkir perjanjian yang dikenakan kerana peraturan atau kegagalan memenuhi liabiliti kontrak. Hasil daripada denda dan penalti ini akan diiktiraf apabila hak penerimaannya dapat dipastikan.

iii. Jika aset yang diperoleh dengan pertimbangan sifar atau nominal, nilai saksama bagi aset yang diterima tersebut hendaklah diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan.

iv. Yuran Pengajian akan diiktiraf setiap semester apabila pendaftaran dibuka. Hanya yuran semester yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa diambil kira sebagai hasil.

v. Hasil sewa diiktiraf apabila hasil itu diperoleh mengikut syarat perjanjian penyewaaan.

Hasil daripada urus niaga pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

i. Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut disamakan dengan amaun bawaan awal aset

   Keuntungan simpanan tetap daripada tabung akan diagihkan sebagai pendapatan tabung-tabung berkenaan, sekiranya pelaburan dibuat dari peruntukan tabung tersebut. Bagi pelaburan simpanan tetap lain, pendapatan diambil kira dalam Penyata Prestasi Kewangan.

ii. Hasil daripada Jualan Barang dan Perkhidmatan diiktiraf apabila pemilikan risiko dan ganjaran telah dipindahkan kepada pembeli, hasil boleh diukur dengan boleh-percaya dan kebarangkalian untuk manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang bersekutu dengan urus niaga akan mengalir ke Kumpulan dan Universiti

iii. Hasil dari pemberian perkhidmatan diiktiraf dengan merujuk kepada tahap penyiapan kerja pada setiap tempoh pelaporan dan ia boleh dikira dengan munasabah. Tahap penyiapan kerja ditentukan berdasarkan kepada perkadaran kos yang terlibat sehingga perkhidmatan telah diberikan dan anggaran kos bagi menyiapkan perkhidmatan tersebut.

iv. Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan telah diberikan.

p. PAJAKAN OPERASI

Pajakan harta di mana bahagian yang signifikan daripada risiko dan ganjaran pemilikan masih kekal di atas pemilik aset dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat bagi perbelanjaan ini dicajkan ke Penyata Prestasi Kewangan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

q. MAKLUMAT BAJET

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus sahaja.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak Universiti sahaja dan tidak mengambilkira bajet entiti yang dikawal kerana ia tidak perlu didedahkan kepada pihak luar. Jumlah bajet ini telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

r. KONTRA INSTRUMEN KEWANGAN

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

s. PIHAK BERKAITAN

Kumpulan dan Universiti menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Kumpulan dan Universiti, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan dan Universiti.

t. KOS PINJAMAN

Kos pinjaman akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

u. NILAI SAKSAMA

Nilai saksama aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di antara pihak-pihak yang terlibat pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut mengandaikan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau jika tiada pasaran utama, di pasaran yang paling menguntungkan.

Untuk aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambilkira kemampuan pihak terlibat untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan yang tertinggi dan terbaik atau menjualnya kepada pihak lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan tertinggi dan terbaik.

Semasa mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, Kumpulan dan Universiti menggunakan data pasaran yang sebaik-baiknya. Nilai saksama dikategorikan ke dalam tahap yang berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

Tahap 1: Harga di pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang serupa;

Tahap 2: Input selain daripada harga di pasaran aktif dalam Tahap 1 yang dapat diperhatikan secara langsung atau tidak; dan

Tahap 3: Input yang tidak dapat diperhatikan.

v. PERTUKARAN MATAWANG ASING

Urus niaga dalam mata wang asing pada awalnya ditukarkan pada kadar tukaran asing pada tarikh urus niaga. Untung dan rugi daripada urus niaga tersebut dan juga daripada terjemahan bagi aset dan liabiliti kewangan yang dinyatakan dalam mata wang asing menggunakan kadar tukaran asing akhir tahun hendaklah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

w. KESAN PEMAKAIAN MPSAS

Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan pertama Kumpulan dan Universiti yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana penyata kewangan Kumpulan dan Universiti sebelum ini telah disediakan menggunakan rangka kerja perakaunan MPERS. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan penyata kewangan tahun kewangan semasa adalah selaras dengan yang digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

Menggunapakai Nilai Bawaan Aset - Aset Yang Telah Dinilai Semula Sebelum Ini Sebagai Kos Anggapan *(Deemed Cost).*

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Kumpulan dan Universiti telah menilai semula aset-aset tidak alihnya di mana lebihan penilaian semula telah dikreditkan ke dalam akaun Lebihan Penilaian Semula di dalam penyata perubahan aset bersih. Kumpulan dan Universiti telah menggunapakai nilai bawaan aset-aset yang dinilai semula tersebut sebagai kos anggapan ketika pertama kali menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS. Ini bermakna Kumpulan dan Universiti akan menggunapakai kaedah kos di dalam mengiktiraf aset-asetnya selepas ini. Segala baki ke atas akaun Lebihan Penilaian Semula telah dipindahkan ke akaun Kumpulan Wang yang berkaitan.

Penggunaan Kaedah Unjuran Unit Kredit *(Projected Unit Credit Method) Di Dalam Membuat Peruntukan Manfaat Pekerja*

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Kumpulan dan Universiti telah membuat peruntukan manfaat pekerja di dalam penyata kewangan di mana ia telah diperuntukan tidak menggunakan kaedah Unjuran Unit Kredit. Ketika pertama kali menggunapakai MPSAS, Kumpulan dan Universiti telah melaraskan semua baki peruntukan sebelum ini dengan menggunapakai kaedah tersebut. Kaedah Unjuran Unit Kredit adalah satu kaedah yang digunakan dengan melihat setiap tempoh perkhidmatan sebagai satu unit tambahan hak manfaat dan mengikut setiap unit secara berasingan untuk menghasilkan liabiliti akhir.

Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Kumpulan dan Universiti juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut seperti yang dinyatakan di Nota 2(a)(i) ketika menyediakan penyata kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Penghutang-Penghutang Belum Direkodkan Pada Kos Dilunaskan Menggunakan Kaedah Faedah

Kumpulan dan Universiti mempunyai penghutang jangka panjang di mana ia mempunyai jadual pembayaran melebihi dari tempoh setahun dan tiada kadar faedah yang dikenakan. Memandangkan penghutang ini adalah aset kewangan di bawah kategori, maka ia perlu diukur pada kos dilunaskan menggunakan kadar faedah berkesan.

Kumpulan dan Universiti masih belum mengiktiraf penghutang-penghutang tersebut menggunakan kaedah tersebut kerana masih dalam proses untuk mengemaskini maklumat-maklumat tertentu. Oleh itu, Kumpulan dan Universiti memilih peruntukan dan pengecualian untuk tidak mengiktiraf penghutang-penghutang tersebut pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan di dalam tempoh peralihan ini.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

w. KESAN PEMAKAIAN MPSAS (sambungan)

Baki Pendapatan Tertunda Yang Masih Belum Dilaraskan

Kumpulan dan Universiti telah merekodkan pendapatan tertunda di dalam penyata kewangannya. Pendapatan tertunda ini adalah baki geran yang masih belum dilunaskan sepenuhnya. Di dalam tahun kewangan yang lalu, Kumpulan dan Universiti mengiktiraf geran yang diterima sebagai pendapatan tertunda dan melunaskannya mengikut kepada usiaguna sesuatu aset yang dibeli atau dibina dengan menggunakan geran yang diterima tersebut. MPSAS menghendaki geran yang diterima hendaklah diiktiraf sebagai hasil kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, ia akan mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Kumpulan dan Universiti masih belum melaraskan baki pendapatan tertunda tersebut mengikut kepada baki dana geran sedia ada kerana Kumpulan dan Universiti masih di dalam proses untuk mengemaskini maklumat-maklumat tertentu. Oleh itu, Kumpulan dan Universiti memilih peruntukan dan pengecualian untuk tidak melaraskan baki pendapatan tertunda tersebut di dalam tempoh peralihan ini.

Aset-Aset Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran Yang Masih Belum Direkodkan

Kumpulan dan Universiti mempunyai aset-aset yang diterima daripada urus niaga bukan pertukaran di mana sebelum ini ia tidak dimasukkan di dalam penyata kewangan ataupun dinyatakan pada nilai nominal. MPSAS menghendaki aset-aset sebegini dinyatakan pada nilai saksama. Kumpulan dan Universiti masih belum mengiktiraf aset-aset tersebut pada nilai saksama kerana Kumpulan dan Universiti di dalam proses untuk mengenalpasti dan mengemaskini maklumat-maklumat berhubung aset tersebut. Oleh itu, Kumpulan dan Universiti memilih peruntukan dan pengecualian untuk tidak mengiktiraf aset-aset tersebut di dalam tempoh peralihan ini.

3. PENILAIAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

Andaian-andaian utama tentang masa depan, dan sumber-sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada tarikh pelaporan, yang memberi risiko signifikan berlakunya pelarasan ketara terhadap nilai dibawa aset-aset dan liabiliti-liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya, selain daripada yang didedahkan dalam nota.

a. Pengukuran Peruntukan

Kumpulan dan Universiti menggunakan 'anggaran terbaik' sebagai asas pengukuran peruntukan. Pengurusan Kumpulan dan Universiti membuat penilaian terhadap anggaran-anggaran berdasarkan pengalaman lampau Kumpulan dan Universiti dan andaian-andaian daripada input-input lain, perkembangan terkini serta peristiwa-peristiwa akan datang yang mempunyai kemungkinan yang munasabah untuk berlaku dalam keadaan-keadaan tertentu. Dalam kes dimana sesuatu peruntukan mempunyai kaitan dengan populasi pelanggan yang besar (contohnya peruntukan jaminan), anggaran kebarangkalian berwajaran aliran keluar tunai yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajiban berkaitan adalah digunakan.

Dalam kes anggaran tunggal, peruntukan ditentukan dengan anggaran terbaik. Sekiranya sesuatu kewajiban perlu diselesaikan dalam tempoh tertentu, aliran keluar tunai yang dianggarkan perlulah didiskaunkan pada kadar yang mengambilkira nilai masa wang dan risiko-risiko yang mengakibatkan keputusan sebenar berbeza daripada anggaran-anggaran yang telah dibuat. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran yang dibuat dan hal ini berkemungkinan memberikan kesan signifikan terhadap kedudukan dan prestasi kewangan Kumpulan dan Universiti.

b. Kemerosotan Nilai Aset Kewangan

Pinjaman-pinjaman dan akaun-akaun belum terima yang signifikan akan diuji untuk penurunan nilai secara berasingan dengan membuat anggaran aliran tunai yang dijangka dapat diperoleh semula. Pinjaman-pinjaman dan akaun-akaun belum terima lain akan dikategorikan kepada kelas-kelas risiko kredit dan diuji untuk penurunan secara bersekali, berdasarkan pengalaman lampau Kumpulan dan Universiti berkaitan statistik kerugian, pengumuran amaun-amaun melebihi tempoh dan arah aliran ekonomi terkini.

c. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan menggunakan kaedah garis lurus atau kaedah sistematik lain yang mencerminkan penggunaan manfaat-manfaat ekonomi aset-aset tersebut sepanjang jangkahayat penggunaannya. Anggaran-anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susutnilai serta penentuan jangkahayat-jangkahayat penggunaan dan nilai-nilai baki. Penggunaan manfaaat-manfaat ekonomi hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran yang digunakan dan hal ini berkemungkinan mengakibatkan untung atau rugi atas pelupusan sesuatu hartanah, loji dan peralatan.

4. TUNAI DI BANK DAN DI TANGAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Wang di Bank	17,432,227	18,172,650	13,101,736	15,998,880
Wang di Tangan	63,732	58,085	60,350	56,650
	17,495,959	18,230,735	13,162,086	16,055,530

5. SIMPANAN TETAP

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Simpanan Tetap Dengan Bank Berlesen				
Kumpulan Wang Mengurus	12,129,879	9,508,452	12,129,879	9,508,452
Kumpulan Wang Amanah	408,087	10,410,136	408,087	10,410,136
Kumpulan Wang Pembangunan	65,635,117	61,408,549	65,635,117	61,408,549
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	13,158,091	-	13,158,091
Anak Syarikat	-	-	-	-
	78,173,083	94,485,228	78,173,083	94,485,228

Simpanan tetap Kumpulan dan Universiti telah diletakkan di bank yang berlesen dengan Bank Negara Malaysia pada kadar 1.65% sehingga 3.70% setahun dengan tempoh matang tidak melebihi 1 tahun.

6. DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Deposit Utiliti	234,567	284,252	234,567	284,252
Deposit Air	110,134	110,048	110,134	110,048
Deposit Sewa	1,562,800	1,784,458	1,562,800	1,784,458
Deposit Elektrik	96,375	96,375	96,375	96,375
Pelbagai Deposit	431,547	111,319	45,821	31,520
Bayaran Terdahulu	2,113,209	2,247,738	1,763,209	1,897,738
	4,548,632	4,634,190	3,812,906	4,204,391

Termasuk di dalam Bayaran Terdahulu adalah bayaran pendahuluan projek pembangunan.

7. LAIN-LAIN BELUM TERIMA

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Penghutang Pendahuluan Kakitangan	9,246,494	6,722,697	9,246,494	6,722,697
Penghutang Anak Syarikat	-	-	2,897,980	2,957,980
Terima Terakru	6,800,000	-	6,800,000	-
	16,046,494	6,722,697	18,944,474	9,680,677
Tolak:				
Elaun Rosot Nilai*	(866,962)	(468,942)	(866,962)	(468,942)
	15,179,532	6,253,755	18,077,512	9,211,735

Penghutang Pendahuluan Kakitangan adalah pendahuluan yang diberikan kepada kakitangan bagi menjalankan aktiviti Kumpulan dan Universiti. Pendahuluan ini kemudiannya akan dicaj sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila Universiti telah menerima dokumen-dokumen sokongan daripada kakitangan.

Penghutang Anak Syarikat adalah tidak bercagar, tiada kadar faedah dikenakan dan dibayar apabila dituntut.

***Pergerakan Elaun Rosot Nilai**

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	468,942	46,024	468,942	46,024
Hutang Ragu dihapuskira	(422,918)	-	(422,918)	-
Pembalikan Hutang Ragu	(2,926)	-	(2,926)	-
Belanja Hutang Ragu dalam Penyata Prestasi Kewangan				
- Rosot Nilai Individu	823,864	422,918	823,864	422,918
Baki pada 31 Disember	866,962	468,942	866,962	468,942

7. LAIN-LAIN BELUM TERIMA (sambungan)

Analisa pengumuran bagi Pelbagai Penghutang adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Kurang dari 30 Hari	-	-	-	-
Melebihi 30 Hari hingga 60 Hari	-	-	-	-
Melebihi 60 Hari hingga 90 Hari	573,311	-	573,311	-
Melebihi 90 Hari hingga 180 Hari	2,395,437	83,705	2,395,437	83,705
Melebihi 6 bulan hingga 12 bulan	806,275	323,752	806,275	323,752
Melebihi 12 bulan hingga 24 bulan	401,549	2,410,613	401,549	2,875,614
Melebihi 24 bulan	4,864,878	3,663,950	4,864,878	6,156,929
	9,041,450	6,482,020	9,041,450	9,440,000
Elaun rosot nilai	(866,962)	(468,942)	(866,962)	(468,942)
	8,174,488	**6,013,078**	**8,174,488**	**8,971,058**

8. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Penghutang Pinjaman Kakitangan	1,098,977	1,400,907	1,098,977	1,400,907
Penghutang Perniagaan	1,736,517	2,445,280	-	-
Hibah Terakru	187,722	200,505	187,722	200,505
	3,023,216	**4,046,692**	**1,286,699**	**1,601,412**
Tolak:				
Elaun Rosot Nilai*	(363,667)	(328,984)	-	-
	2,659,549	**3,717,708**	**1,286,699**	**1,601,412**

Penghutang Pinjaman Kakitangan merupakan pinjaman kenderaan dan komputer yang diberikan kepada kakitangan tetap Universiti. Pinjaman ini tidak bercagar, dikenakan kadar keuntungan sebanyak 4% dan dibayar di dalam tempoh 3 sehingga 9 tahun.

***Pergerakan Elaun Rosot Nilai**

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	328,984	308,928	-	-
Hutang Ragu dihapuskira	(61,376)	(55,332)	-	-
Pembalikan Hutang Ragu				
Belanja Hutang Ragu dalam Penyata Prestasi Kewangan				
- Rosot Nilai Terkumpul	96,059	75,388	-	-
Baki pada 31 Disember	**363,667**	**328,984**	-	-
Penghutang Pinjaman Kakitangan dianalisa seperti berikut:				
Kurang dari 1 Tahun	302,125	328,879	302,125	328,879
Lebih dari 1 Tahun	796,852	1,072,028	796,852	1,072,028
	1,098,977	**1,400,907**	**1,098,977**	**1,400,907**

Analisa pengumuran bagi Penghutang Perniagaan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Kurang dari 30 Hari	138,115	335,804	-	-
Melebihi 30 Hari hingga 60 Hari	561,970	802,209	-	-
Melebihi 60 Hari hingga 90 Hari	3,199	824,105	-	-
Melebihi 90 Hari hingga 180 Hari	19,684	-	-	-
Melebihi 6 bulan hingga 12 bulan	647,113	-	-	-
Melebihi 12 bulan hingga 24 bulan	-	-	-	-
Melebihi 24 bulan	-	-	-	-
	1,370,081	1,962,118	-	-
Elaun rosot nilai	(363,667)	(328,984)	-	-
	1,006,414	1,633,134	-	-

9. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Penghutang Pelajar	5,572,691	8,349,873	5,572,691	8,349,873
Penghutang Penaja	313,885	662,880	313,885	662,880
Penghutang Perniagaan	866,390	965,514	982,125	965,514
	6,752,966	9,978,267	6,868,701	9,978,267
Tolak:				
Elaun Rosot Nilai*	(1,368,041)	(2,221,181)	(1,368,041)	(2,221,181)
	5,384,925	7,757,086	5,500,660	7,757,086

***Pergerakan Elaun Rosot Nilai**

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	2,221,181	2,362,005	2,221,181	2,362,005
Hutang Ragu dihapuskira	(1,084,171)	(107,349)	(1,084,171)	(107,349)
Pembalikan Hutang Ragu	(507,024)	(542,666)	(507,024)	(542,666)
Belanja Hutang Ragu dalam Penyata Prestasi Kewangan				
- Rosot Nilai Terkumpul	738,055	509,191	738,055	509,191
Baki pada 31 Disember	1,368,041	2,221,181	1,368,041	2,221,181

Analisa pengumuran bagi Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Kurang dari 30 Hari	61,797	(504,306)	61,797	(504,306)
Melebihi 30 Hari hingga 60 Hari	314,188	(729,332)	314,188	(729,332)
Melebihi 60 Hari hingga 90 Hari	(9,573)	5,821,275	(9,573)	5,821,275
Melebihi 90 Hari hingga 180 Hari	3,141,699	(2,582,218)	3,141,699	(2,582,218)
Melebihi 6 bulan hingga 12 bulan	501,481	3,068,302	501,481	3,068,302
Melebihi 12 bulan hingga 24 bulan	974,827	781,786	974,827	781,786
Melebihi 24 bulan hingga 36 bulan	992,401	4,122,760	992,401	4,122,760
Melebihi 36 bulan hingga 48 bulan	326,645	-	326,645	-
Melebihi 48 bulan	565,236	-	565,236	-
	6,868,701	9,978,267	6,868,701	9,978,267
Elaun rosot nilai	(1,368,041)	(2,221,181)	(1,368,041)	(2,221,181)
	5,500,660	7,757,086	5,500,660	7,757,086

10. INVENTORI

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Ubat-Ubatan	286,129	246,870	-	-

Tiada inventori yang telah dicagarkan di dalam tahun kewangan semasa dan tahun kewangan sebelum ini.

11. PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Kos	-	-	4,510,624	4,510,624
Tolak: Rosotnilai Terkumpul	-	-	(2,000,000)	(2,000,000)
	-	-	2,510,624	2,510,624

Butiran anak syarikat yang semuanya ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:

Nama Anak Syarikat	Jenis Perniagaan	Peratus Pegangan 2021 %	Peratus Pegangan 2020 %
Dipegang oleh Universiti:			
USIM Tijarah Holdings Sdn Bhd	Perkhidmatan Perundingan, latihan dan kepakaran	100	100
Dipegang oleh USIM Tijarah Holdings Sdn Bhd:			
USIM Healthcare Sdn Bhd	Klinik Pakar Kesihatan	100	100

Penyata-penyata kewangan di atas tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

12. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	7,131,391	52,727,017	7,131,391	52,727,017
Tambahan	10,442,127	20,776,630	10,442,127	20,776,630
Diklasifikasi ke Hartanah, Loji dan Peralatan *(Nota14)*	(338,533)	(61,292,031)	(338,533)	(61,292,031)
Diklasifikasi sebagai belanja pada tahun semasa	(96,582)	(5,080,225)	(96,582)	(5,080,225)
Baki pada 31 Disember	**17,138,403**	**7,131,391**	**17,138,403**	**7,131,391**

13. ASET TIDAK KETARA

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
PERISIAN				
Kos				
Baki pada 1 Januari	1,151,000	1,026,040	1,151,000	1,026,040
Tambahan	-	124,960	-	124,960
Baki pada 31 Disember	1,151,000	1,151,000	1,151,000	1,151,000
Pelunasan Terkumpul				
Baki pada 1 Januari	820,746	590,559	820,746	590,559
Tambahan	159,517	230,187	159,517	230,187
Baki pada 31 Disember	980,263	820,746	980,263	820,746
Nilai Buku Bersih	170,737	330,254	170,737	330,254

NOTA 14

HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN

2021	Tanah Pajakan	Aset Wakaf	Bangunan dan Ubahsuai Bangunan	Alat Perhubungan	Infrastruktur	Alat Bantuan Mengajar dan Pandang Dengar	Alat Kelengakapan, Sukan dan Kebudayaan	Alat Keselamatan	Aset Asrama, Perabot dan Pemasangan	Aset Perubatan	Kenderaan dan Jentera	Komputer dan Rangkaian	Mesin dan Alat Pejabat	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KOS														
Pada 1 Januari	234,311,359	1,900,000	547,500,520	617,908	172,565,954	12,954,010	1,047,449	7,249,997	3,827,526	49,976,315	12,529,043	39,495,483	24,441,460	1,108,417,024
Diklasifikasi dari Pembinaan Dalam Kemajuan *(Nota 12)*	-	-	338,533	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	338,533
Tambahan	-	-	82,286	-	-	851,686	47,292	-	52,924	10,622,975	-	901,897	535,845	13,094,905
Pelupusan	-	-	(4,969,614)	-	-	(425,882)	-	-	(102,917)	(2,005,749)	(16,500)	(685,222)	(89,420)	(8,295,304)
Pada 31 Disember	234,311,359	1,900,000	542,951,725	617,908	172,565,954	13,379,814	1,094,741	7,249,997	3,777,533	58,593,541	12,512,543	39,712,158	24,887,885	1,113,555,158
SUSUTNILAI TERKUMPUL														
Pada 1 Januari	23,653,775	95,600	126,545,133	500,105	103,263,529	12,062,792	881,313	6,173,394	2,200,714	44,876,443	12,294,532	35,839,766	18,816,087	387,203,183
Tambahan	2,366,545	38,000	10,955,026	19,218	8,623,508	510,045	59,452	287,494	481,646	2,580,509	224,524	1,198,481	1,423,588	28,768,036
Pelupusan	-	-	(2,391,889)	-	-	(425,853)	-	-	(82,586)	(2,005,679)	(6,600)	(659,167)	(24,890)	(5,596,664)
Pada 31 Disember	26,020,320	133,600	135,108,270	519,323	111,887,037	12,146,984	940,765	6,460,888	2,599,774	45,451,273	12,512,456	36,379,080	20,214,785	410,374,555
NILAI BUKU BERSIH														
Pada 31 Disember	208,291,039	1,766,400	407,843,455	98,585	60,678,917	1,232,830	153,976	789,109	1,177,759	13,142,268	87	3,333,078	4,673,100	703,180,603

NOTA :

1. Tanah pajakan telah dipajakkan di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebagai pemilik tanah.
2. Termasuk di dalam Bangunan dan Ubahsuai Bangunan adalah asrama pelajar dengan nilai bawaan RM12,724,000. Proses pertukaran hakmilik strata telah selesai tetapi terdapat klausa sekatan kepentingan dalam hakmilik berkenaan. Kini dalam proses pembatalan sekatan kepentingan dan menunggu kelulusan daripada Mesyuarat Exco Negeri.
3. Bagi Tanah Pajakan, terdapat 3 lot tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) yang masih belum ditandatangani perjanjian pajakan di antara USIM dan PTP kerana belum mendapat kelulusan dari Jemaah Menteri

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2021

NOTA 14

HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN

2020	Tanah Pajakan	Aset Wakaf	Bangunan dan Ubahsuai Bangunan	Alat Perhubungan	Infrastruktur	Alat Bantuan Mengajar dan Pandang Dengar	Alat Kelengakapan, Sukan dan Kebudayaan	Alat Keselamatan	Aset Asrama, Perabot dan Pemasangan	Aset Perubatan	Kenderaan dan Jentera	Komputer dan Rangkaian	Mesin dan Alat Pejabat	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KOS														
Pada 1 Januari	234,311,359	1,900,000	513,183,827	617,908	158,617,673	13,755,705	900,356	5,934,958	1,971,679	45,624,101	12,529,043	36,083,767	17,782,905	1,043,213,281
Diklasifikasi dari Pembinaan Dalam Kemajuan *(Nota 12)*	-	-	34,216,933	-	13,948,281	-	-	1,280,821	1,799,876	304,450	-	3,219,952	6,521,718	61,292,031
Tambahan	-	-	99,760	-	-	258,296	147,093	34,218	161,340	4,340,434	-	405,760	151,214	5,598,115
Pelupusan	-	-	-	-	-	(1,059,991)	-	-	(105,369)	(292,670)	-	(213,996)	(14,377)	(1,686,403)
Pada 31 Disember	234,311,359	1,900,000	547,500,520	617,908	172,565,954	12,954,010	1,047,449	7,249,997	3,827,526	49,976,315	12,529,043	39,495,483	24,441,460	1,108,417,024
SUSUTNILAI TERKUMPUL														
Pada 1 Januari	21,287,231	57,600	115,578,182	480,360	94,639,980	12,641,535	795,452	5,872,007	1,898,399	43,121,597	12,029,753	34,420,482	17,320,589	360,143,167
Tambahan	2,366,544	38,000	10,966,951	19,745	8,623,549	481,224	85,861	301,387	407,086	2,047,501	264,779	1,633,227	1,509,865	28,745,719
Pelupusan	-	-	-	-	-	(1,059,967)	-	-	(104,771)	(292,655)	-	(213,943)	(14,367)	(1,685,703)
Pada 31 Disember	23,653,775	95,600	126,545,133	500,105	103,263,529	12,062,792	881,313	6,173,394	2,200,714	44,876,443	12,294,532	35,839,766	18,816,087	387,203,183
NILAI BUKU BERSIH														
Pada 31 Disember	210,657,584	1,804,400	420,955,387	117,803	69,302,425	891,218	166,136	1,076,603	1,626,812	5,099,872	234,511	3,655,717	5,625,373	721,213,841

NOTA :

1. Tanah pajakan telah dipajakkan di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebagai pemilik tanah.
2. Termasuk di dalam Bangunan dan Ubahsuai Bangunan adalah asrama pelajar dengan nilai bawaan RM13,099,000. Proses pertukaran hakmilik strata telah selesai tetapi terdapat klausa sekatan kepentingan dalam hakmilik berkenaan. Kini dalam proses pembatalan sekatan kepentingan dan menunggu kelulusan daripada Mesyuarat Exco Negeri.
3. Bagi Tanah Pajakan, terdapat 3 lot tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) yang masih belum ditandatangani perjanjian pajakan di antara USIM dan PTP kerana belum mendapat kelulusan dari Jemaah Menteri

NOTA 14

HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

UNIVERSITI

2021	Tanah Pajakan	Aset Wakaf	Bangunan dan Ubahsuai Bangunan	Alat Perhubungan	Infrastruktur	Alat Bantuan Mengajar dan Pandang Dengar	Alat Kelengkapan, Sukan dan Kebudayaan	Alat Keselamatan	Aset Asrama, Perabot dan Pemasangan	Aset Perubatan	Kenderaan dan Jentera	Komputer dan Rangkaian	Mesin dan Alat Pejabat	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KOS														
Pada 1 Januari	234,311,359	1,900,000	547,174,814	617,908	172,565,954	12,954,010	1,047,449	7,249,997	3,808,053	49,976,315	12,512,543	39,331,178	24,217,774	1,107,667,354
Diklasifikasi dari Pembinaan Dalam Kemajuan *(Nota 12)*	-	-	338,533	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	338,533
